



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2016

PENGURUSAN AKTIVITI/
KEWANGAN KEMENTERIAN/
JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT
KERajaan Negeri
SABAH

SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2016

**PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

**NEGERI SABAH
SIRI 1**

Jabatan Audit Negara Malaysia

Kandungan

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	<u>BAHAGIAN I</u>
	AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	JABATAN KERJA RAYA NEGERI SABAH Pengurusan Projek Pembetungan
23	JABATAN MUZIUM NEGERI SABAH Pengurusan Projek-Projek Muzium
43	MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN MAJLIS DAERAH LAHAD DATU MAJLIS DAERAH SEMPORNA Pengurusan Kutipan Cukai Taksiran
65	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT SABAH Asian Supply Base Sdn. Bhd.
79	KORPORASI PEMBANGUNAN DESA Agrodesa Sdn. Bhd.
95	YAYASAN SABAH KKYS Sdn. Bhd.
	<u>BAHAGIAN II</u>
	PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI
127	Pendahuluan
127	Penambahbaikan Pengurusan Kewangan oleh Jabatan/Agensi Negeri
127	Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
128	Objektif Pengauditan
128	Skop dan Metodologi Pengauditan
130	Elemen Utama

142	Penemuan Audit
149	Pengauditan Mengejut
151	Syor Audit
155	PENUTUP

Kata Pendahuluan

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri.

2. Laporan saya mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Bagi Tahun 2016 Siri 1 mengandungi dua bahagian seperti berikut:

Bahagian I : Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri

3. Laporan ini mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di dua Jabatan, tiga Agensi Negeri dan tiga Syarikat Agensi Kerajaan Negeri Sabah. Selain itu, dilaporkan juga hasil pengauditan Pengurusan Kewangan yang dijalankan di 31 Jabatan/Agensi Negeri dan Pengauditan Mengejut di 32 Jabatan/Agensi Negeri. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Ketua Menteri Sabah dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 24 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.

4. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
19 Mei 2017

Intisari Laporan

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR SABAH

Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah

1. Pengurusan Projek Pembetungan

- a. Pada tahun 2006, Kerajaan Negeri Sabah telah memutuskan agar Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah (JKR Sabah) mengambil alih perancangan, pelaksanaan, operasi dan penyenggaraan sistem pembetungan berpusat daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kerana PBT mengalami masalah kekurangan sumber dan kakitangan. Dasar pembetungan di Negeri Sabah ialah mengkaji, merancang, mereka bentuk, membina, mengendali dan menyenggara sistem pembetungan mengikut piawaian yang ditetapkan dan amalan kejuruteraan yang baik untuk mencapai sistem pembetungan yang efisien sejajar dengan polisi Kerajaan dan peraturan melibatkan sistem merawat kumbahan. Manakala objektif program/projek pembetungan ialah untuk menyediakan fasiliti pembetungan yang moden dan efisien, meningkatkan keupayaan sistem sedia ada untuk menampung permintaan pembangunan semasa dan masa hadapan, meningkatkan kebersihan, kesihatan awam dan kualiti kehidupan masyarakat setempat dan mengurangkan pencemaran kumbahan kepada alam sekitar perairan. Bagi melaksanakan dasar dan objektif program tersebut, Cawangan Pembetungan JKR Sabah telah ditubuhkan pada tahun 2005 dan bertanggungjawab terhadap tadbir urus perkhidmatan pembetungan di Negeri Sabah. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, JKR Sabah telah menerima peruntukan berjumlah RM541.84 juta bagi melaksanakan 20 projek pembetungan di Negeri Sabah iaitu RM61.34 juta daripada Kerajaan Negeri untuk 13 projek dan RM480.50 juta secara pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan untuk tujuh projek.

- b. Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2016 mendapat prestasi pengurusan projek pembetungan oleh Jabatan Kerja Raya adalah memuaskan dari segi pencapaian fizikal dan kewangan, kajian kemungkinan, pelan induk sistem pembetungan, kajian kawasan pembetungan, undang-undang berkaitan perancangan dan pembinaan, penggunaan *construction drawings*, kadar polisi insurans, kelulusan Jabatan Alam

Sekitar (JAS), lanjutan tempoh kontrak dan bayaran kemajuan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang ditemui seperti berikut:

- i. *Environmental Impact Assessment* (EIA) tidak dipatuhi bagi dua projek di mana Laporan *Environmental Management Plan* (EMP) lewat disediakan dan tidak lengkap;
 - ii. Proses pengusiran setinggan bagi satu projek yang lewat diselesaikan mengakibatkan projek lewat dimulakan dan lanjutan masa selama 92 hari diluluskan;
 - iii. kontrak bagi tiga projek lewat ditandatangani antara 52 hingga 154 hari;
 - iv. lanjutan masa sebanyak 380 hari dan 589 hari diluluskan untuk dua projek tanpa permohonan bertulis daripada kontraktor;
 - v. kelewatan antara 16 hingga 267 hari pembayaran interim bagi tiga projek;
 - vi. kerja pembinaan tidak berkualiti/tidak mengikut spesifikasi di dua projek; dan
 - vii. kemudahan *sludge drying bed* dan pondok pengawal di Skim Pembetungan Kota Kinabalu Fasa 1 tidak digunakan.
-
- c. Bagi memastikan pengurusan projek pembetungan dilaksanakan dengan cekap, teratur dan mencapai matlamat yang ditetapkan, JKR Sabah disyorkan mengambil langkah berikut:
 - i. melaksanakan perancangan pelan pembangunan projek pembetungan dengan teliti dari segi pematuhan kepada kehendak-kehendak Seksyen 34 (A) Akta Alam Sekeliling 1974 seperti *Environmental Impact Assessment* (EIA) dan menyelesaikan proses pewartaan dan pengusiran setinggan sebelum projek dimulakan bagi mengelakkan tambahan masa yang akan melewatkkan penyiapan projek;
 - ii. memastikan kontrak ditandatangani mengikut tempoh yang ditetapkan, lanjutan masa diluluskan dengan permohonan bertulis oleh pihak kontraktor dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa serta bayaran interim dibuat mengikut tempoh ditetapkan bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara; dan
 - iii. melaksanakan pemantauan dengan teliti bagi mengelakkan kualiti kerja yang tidak sempurna dan menggunakan kemudahan loji rawatan kumbahan secara optimum.

KEMENTERIAN PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR SABAH

Jabatan Muzium Negeri Sabah

2. *Pengurusan Projek-Projek Muzium*

- a. Jabatan Muzium Negeri Sabah (JMNS) bertanggungjawab memelihara khazanah warisan budaya, sejarah dan alam semula jadi di negeri Sabah. Antara objektif JMNS adalah menjalankan kerja-kerja pengumpulan, pemuliharaan dan pengekalan sejarah, budaya dan alam semula jadi serta menyebarkan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pameran, program-program pendidikan dan pengembangan muzium. Sehubungan itu, pembinaan dan naik taraf prasarana muzium dilaksanakan bagi memudahkan proses pengumpulan, pemeliharaan dan mendokumentasikan koleksi dan spesimen warisan budaya, sejarah dan alam semula jadi. Pada tahun 2014 hingga 2015, JMNS telah siap melaksanakan 2 projek pembinaan dan 2 projek naik taraf prasarana muzium dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM4.95 juta.
- b. Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga bulan Disember 2016 mendapati pengurusan projek-projek muzium adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan pengurusan di peringkat Jabatan seperti berikut:
 - i. tatacara perolehan bagi empat projek tidak dipatuhi;
 - ii. pembinaan kantin dan kedai cenderamata bagi projek Muzium Tun Sakaran tidak mengikut pelan dalam kontrak;
 - iii. sebanyak 14 daripada 197 atau 7.1% kelengkapan dan perabot dengan kos berjumlah RM60,400 tidak dibekalkan bagi ke empat-empat projek; dan
 - iv. sebuah Pusat Repotori bernilai RM2.47 juta belum digunakan serta sebuah kantin dan kedai cenderamata dengan kos sejumlah RM258,000 belum beroperasi sejak diserahkan pada tahun 2015 dan 2014.
- c. Bagi menambah baik pengurusan projek-projek muzium, pihak Jabatan Muzium Negeri Sabah disarankan agar mengambil tindakan seperti berikut:
 - i. mematuhi peraturan kewangan dan prosedur yang berkuat kuasa bagi memastikan perolehan dilaksanakan mengikut prinsip-prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, diurus dengan telus, nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil agar kepentingan Kerajaan terpelihara;
 - ii. memantau pelaksanaan kerja bagi memastikan spesifikasi kerja dipatuhi mengikut kontrak. Selain itu, pembayaran hanya dilaksanakan selepas kelengkapan dan perabot telah dibekalkan sepenuhnya serta perakuan

- pengesahan pembekalan diperakui betul bagi mengelakkan kerugian kepada Kerajaan; dan
- iii. menyusul semula dengan pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan Jabatan Kerja Raya agar permohonan Sijil Layak Menduduki diluluskan segera serta mengemukakan permohonan pembelian *mobile compactor* kepada Kementerian Kewangan Negeri Sabah dengan memberi justifikasi yang lebih terperinci seperti menyatakan keperluan mendesak *mobile compactor* untuk penyimpanan koleksi muzium bagi membolehkan ia dimanfaatkan. Selain itu, tender penyewaan kantin dan kedai cenderamata diiklankan dengan segera di Pejabat Daerah Semporna agar Kerajaan memperoleh hasil.

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SABAH

Majlis Perbandaran Sandakan

Majlis Daerah Lahad Datu

Majlis Daerah Semporna

3. Pengurusan Kutipan Cukai Taksiran

- a. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Sabah ditubuhkan di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan (OKT), 1961 (No. 11) berkuat kuasa pada 1 Januari 1962 di bawah GN No.134 bertarikh 15 November 1961. PBT tertakluk kepada Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah Tahun 1961 dan pindaan tahun 2007. Setiap PBT bertanggungjawab mengena dan mengutip cukai taksiran terhadap pemilik harta berkadar dalam kawasan perkadarannya. MPS bertanggungjawab mengurus dan mentadbir kawasan percuariaan Majlis yang meliputi keluasan 2,305.94 km persegi iaitu meliputi keluasan keseluruhan Daerah Sandakan. MDLD ditubuhkan pada 1 Januari 1962 di bawah OKT 1961 dengan kawasan perkadarannya meliputi seluas 7,522 ekar. MDS pula ditubuhkan pada tahun 1962 melalui Tatacara Majlis Daerah Semporna Tahun 1961 mengikut Seksyen 3 OKT 1961 dengan keluasan kawasan perkadarannya 683 ekar. Pada tahun 2016, sebanyak 64,451, 24,823 dan 3,695 harta pegangan masing-masing direkodkan dalam kawasan operasi MPS, MDLD dan MDS dengan cukai taksiran yang dikutip daripada pemilik hartanah masing-masing sejumlah RM22.41 juta, RM9.34 juta dan RM0.66 juta. Pada tahun 2014 dan 2015, cukai taksiran menyumbang antara 17.0% hingga 52.4% daripada pendapatan tahunan PBT dengan cukai taksiran tahunan antara RM0.90 juta hingga RM21.62 juta.
- b. Pengauditan terhadap Pengurusan Kutipan Cukai Taksiran PBT di MPS, MDLD dan MDS telah dijalankan pada bulan November 2016. Secara keseluruhannya, Pengurusan Kutipan Cukai Taksiran bagi tiga PBT yang dipilih adalah memuaskan

dari segi prestasi kutipan cukai taksiran tahunan, tindakan kutipan tunggakan dan pengurusan ejen yang dilantik. Bagaimanapun, terdapat kelemahan seperti berikut:

- i. prestasi kutipan tunggakan cukai taksiran bagi tempoh tiga tahun untuk tiga PBT berkenaan hanya antara 14.2% hingga 43.8% daripada jumlah tunggakan PBT; dan
 - ii. tunggakan cukai taksiran yang melebihi lima tahun di tiga PBT berkenaan berjumlah RM14.68 juta pada akhir tahun 2016.
- c. Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan lagi Pengurusan Kutipan Cukai Taksiran, pihak Audit mengesyorkan PBT mengambil tindakan seperti berikut:
- i. penilaian semula harta tanah perlu disegearkan bagi memastikan nilai kadaran cukai adalah tepat dengan nilai semasa harta pegangan dan maklumat di pangkalan data dapat dikemas kini dari segi cukai taksiran, jenis harta tanah, pemilik serta lokasi;
 - ii. mempelbagaikan mekanisme bagi meningkatkan kutipan cukai taksiran seperti mengadakan program galakan pembayaran cukai taksiran, kempen kesedaran, pengiklanan di akhbar tempatan atau laman web dan kaunter bergerak;
 - iii. surat peringatan perlu dikeluarkan secara berkala dan menyatakan dengan jelas mengenai tunggakan cukai taksiran yang perlu dibayar dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya pembayaran tidak dibuat dalam tempoh tersebut, tindakan mahkamah hendaklah diambil terhadap pemilik pegangan harta; dan
 - iv. had capaian terhadap sistem berkomputer cukai taksiran oleh kakitangan MG selaku pemungut tunggakan cukai taksiran hendaklah dihadkan mengikut kesesuaian manakala aspek kawalan had capaian dan keselamatan penggunaan sistem oleh kakitangan PBT perlu dipertingkatkan. Selain itu, PBT perlu memantau prestasi ejen selaku pemungut tunggakan cukai taksiran dengan menetapkan sasaran hasil kutipan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT SABAH

4. Asian Supply Base Sdn. Bhd.

- a. Asian Supply Base Sdn. Bhd. (ASBSB) telah ditubuhkan pada 17 Mac 1984 dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sabah melalui Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd. Pada tahun 2015, ASBSB mempunyai modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM55 juta dan RM43.99 juta. ASBSB adalah hab logistik bersepadu sepenuhnya yang disesuaikan dengan keperluan aktiviti cari

gali, pembangunan dan pengeluaran minyak dan gas di rantau ini. Aktiviti utama ASBSB adalah menyediakan perkhidmatan pangkalan bekalan untuk industri minyak dan gas serta industri lain yang berkaitan. ASBSB beroperasi di kawasan perindustrian Rancah-Rancah Wilayah Persekutuan Labuan.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2016 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan adalah memuaskan kerana ASBSB berjaya mencatat keuntungan tiga tahun berturut-turut dan keuntungan terkumpul berjumlah RM269.11 juta pada tahun 2015. Dari segi pengurusan aktiviti ASBSB adalah teratur manakala tadbir urus korporat adalah memuaskan. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti ringkasan berikut:
 - i. kemudahan/perkhidmatan belum disewakan;
 - ii. tunggakan penghutang melebihi 120 hari berjumlah RM27.33 juta dan perjanjian sewaan belum ditandatangani/diperbaharui; dan
 - iii. Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit belum ditubuhkan.
- c. Bagi memantapkan pengurusan ASBSB dari aspek pengurusan aktiviti dan amalan tadbir urus korporat, pihak Audit mengesyorkan ASBSB mengambil tindakan berikut:
 - i. mempertingkatkan usaha pemasaran/promosi untuk mendapatkan pelanggan/penyewa bagi kemudahan/perkhidmatan yang belum disewa atau mencari alternatif lain untuk menjana pendapatan;
 - ii. tindakan undang-undang hendaklah diambil terhadap penghutang dan perjanjian sewaan hendaklah ditandatangani serta diperbaharui; dan
 - iii. memantapkan tadbir urus korporat dengan menerima pakai amalan terbaik tadbir urus agar berada pada tahap yang lebih baik.

KORPORASI PEMBANGUNAN DESA

5. *Agrodesa Sdn. Bhd.*

- a. Agrodesa Sdn. Bhd. (ASB) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 25 Julai 2006 dengan saham dibenarkan dan berbayar penuh sejumlah RM500,000. ASB merupakan syarikat milik penuh Korporasi Pembangunan Desa (KPD) yang merupakan Badan Berkanun Negeri. Objektif utama penubuhan syarikat adalah untuk mencapai misi memaksimumkan nilai pemegang saham dalam semua aktiviti komersial dan seterusnya sebagai Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) asas tani yang terbaik di Sabah. Aktiviti utama yang dijalankan oleh ASB adalah mengendalikan *Agrodesa Poultry Processing Centre* (APPC) dan jualan ayam

diproses, mengendalikan fidlot ladang lembu dan jualan daging lembu segar dan mengendalikan pengeluaran sebatian baja kompos serta jualan baja kompos. Bagaimanapun, mulai bulan November 2014, semua aktiviti berkenaan telah dihentikan dan hanya tertumpu kepada satu aktiviti sahaja iaitu penyewaan APPC yang terletak di Lok Kawi, Penampang.

- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun dan Julai 2016, mendapati pada umumnya prestasi kewangan ASB adalah tidak memuaskan kerana mencatatkan kerugian tiga tahun berturut-turut berjumlah antara RM0.16 juta hingga RM2.30 juta. Manakala kerugian terkumpul pada 31 Disember 2015 berjumlah RM4.33 juta. Dari segi pengurusan aktiviti ASB adalah tidak teratur kerana projek yang diusahakan tidak mencapai objektif penubuhannya. Manakala tadbir urus korporat adalah kurang memuaskan. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti ringkasan berikut:
 - i. mengalami kerugian dalam operasi APPC, jualan ayam segar, jual beli lembu hidup dan daging segar serta projek bio kompos;
 - ii. menanggung tunggakan berjumlah RM688,547 setakat 31 Disember 2016 dari aktiviti pembelian ayam hidup dan ayam segar oleh Manggis Abattoir. Tunggakan juga disumbangkan daripada aktiviti sewaan APPC oleh syarikat sama manakala perjanjian sewaan yang baru masih belum ditandatangani. Di samping itu, tunggakan pinjaman kepada Borneo Moringa Sdn. Bhd. belum berjaya dikutip semula; dan
 - iii. kurang pemantauan oleh KPD terhadap operasi APPC sehingga mendatangkan kerugian kepada syarikat ditambah dengan pengurusan aset yang lemah di mana Manual Prosedur yang disediakan tidak lengkap.
- c. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan ASB adalah kurang memuaskan. ASB adalah disyorkan untuk mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:
 - i. merealisasikan pelan cadangan yang dirancang dengan menaik taraf APCC dan memastikan pengurusan yang lebih cekap setelah proses pengambilalihan semula operasi kilang selesai bagi memperoleh pendapatan serta mengurangkan kerugian terkumpul;
 - ii. mengambil tindakan undang-undang terhadap Manggis Abattoir untuk mendapatkan semua tunggakan hutang sewa APPC dan pembelian ayam. Selain itu, pihak ASB perlu mengambil langkah lebih proaktif dalam mencari ruang dan peluang perniagaan selaras dengan objektifnya untuk menjadi GLC asas tani yang berjaya di Sabah; dan

- iii. memastikan pemantauan yang lebih berkesan dan pengurusan kewangan dilaksanakan dengan teratur serta mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dalam prosedur operasi syarikat.

YAYASAN SABAH

6. KKYS Sdn. Bhd.

- a. KKYS Sdn. Bhd. (KKYSSB) adalah sebuah syarikat milik penuh Yayasan Sabah yang ditubuhkan pada tahun 2001 dengan modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM50 juta dan RM23.31 juta. Objektif penubuhan syarikat telah termaktub dalam Seksyen 3, Enakmen Yayasan Sabah No.8, 1996 iaitu memberi penekanan terhadap kemajuan pendidikan. KKYSSB telah dipertanggungjawabkan untuk mengurus tadbir Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTYS) yang telah diswastakan pada 2 Jun 2001 untuk mempromosikan *Technical Vocational Education & Training* (TVET). KTYS beroperasi di tiga buah kampus pengajian di Kota Kinabalu iaitu *City Campus* di Sembulan, Pusat Pengajian Teknikal di Teluk Likas dan *Skill Training Centre Campus 88* di Kepayan. Aktiviti utama yang dijalankan oleh KTYS adalah menjalankan program pendidikan berbentuk latihan vokasional peringkat sijil dan diploma yang mendapat pentauliahan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dan pengajian akademik peringkat diploma yang mendapat perakuan akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi. Pengauditan KKYSSB yang pertama kali telah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah pada tahun 2008. Antara isu yang dibangkitkan adalah tunggakan sewa bangunan kolej, kajian pengesanan pelajar tidak dilaksanakan, kemudahan asrama yang tidak selesa dan tunggakan yuran pelajar yang tinggi. Semua isu telah diambil tindakan kecuali bagi tunggakan sewa bangunan kolej yang sebahagiannya masih belum dibayar dan tunggakan yuran pelajar yang masih tinggi.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2016, mendapati pada umumnya prestasi kewangan KKYSSB adalah kurang memuaskan kerana syarikat mengalami kerugian bagi 3 tahun berturut-turut dan berada pada kedudukan kerugian terkumpul pada tahun 2015 berjumlah RM16.23 juta. Manakala tadbir urus adalah kurang memuaskan. Selain itu, pengurusan aktiviti dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan objektif penubuhannya. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang perlu di beri perhatian oleh KKYSSB seperti ringkasan berikut:
- i. kemasukan pelajar tidak mencapai sasaran dan kadar pelajar tamat pengajian dalam tempoh ditetapkan rendah di samping kadar penajaan yang semakin menurun;

- ii. pengurusan kewangan tidak teratur dengan tunggakan yuran yang tinggi serta terdapat perjanjian yang belum diperbaharui/tidak disediakan; dan
 - iii. Standard *Standard Operating Procedures* (SOP) tidak kemas kini.
- c. KKYSSB disyorkan untuk mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:
 - i. meningkatkan usaha promosi yang diselaraskan dengan program penajaan pelajar untuk meningkatkan bilangan pelajar di KTYS;
 - ii. merangka polisi pembayaran yang lebih mesra pelajar tetapi berkesan untuk menarik pelajar dan pada masa yang sama mengelakkan tunggakan yuran; dan
 - iii. memperbaiki prestasi pengurusan kewangan selari dengan amalan terbaik dan peraturan yang telah ditetapkan.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI NEGERI

7. Pada tahun 2016, Jabatan Audit Negara Negeri Sabah telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti di 31 Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri berbanding 35 Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri pada tahun 2015. Dua daripada 31 Jabatan dan Agenzi iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah dan Majlis Ugama Islam Negeri Sabah adalah Jabatan dan Agenzi yang diaudit pada setiap tahun. Manakala 29 Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri diaudit mengikut pusingan pada setiap tiga tahun. Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti di peringkat Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri Sabah yang diaudit pada tahun 2016 adalah sangat baik. Sebanyak 22 daripada 31 Kementerian/Jabatan/Agenzi yang diaudit mendapat tahap penarafan **Cemerlang**, enam Jabatan dan Agenzi berada pada tahap **Baik**, manakala tiga Jabatan dan Agenzi diberi penarafan **Memuaskan**. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bukan sahaja dapat mengekalkan tahap pengurusan kewangan yang cemerlang dengan mendapat penarafan 5 bintang tetapi juga markah yang diperolehi meningkat dengan ketara. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah juga buat pertama kali telah berjaya mencapai tahap pengurusan kewangan cemerlang berbanding sebelum ini hanya di tahap memuaskan. Bagaimanapun, kedudukan tahap pengurusan kewangan Majlis Ugama Islam Sabah telah menurun dari kedudukan baik pada tahun 2015 kepada kedudukan memuaskan pada tahun 2016.

8. Pada tahun 2016, Jabatan Audit Negara Negeri Sabah telah menjalankan Pengauditan Mengejut di 32 Jabatan/Pejabat dan Agenzi Negeri Sabah. Kelemahan yang ditemui antaranya tidak mempamerkan notis pemberitahuan awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar; tiada surat perwakilan kuasa secara

bertulis; tiada peti besi/bilik kebal untuk menyimpan wang kutipan dan barang rasmi yang berharga dengan selamat; wang kutipan hanya disimpan dalam laci yang berkunci; tiada rekod menunjukkan pemeriksaan mengejut dijalankan mengikut tempoh enam bulan sekali; tiada pemeriksaan mengejut dijalankan; tiada daftar pemeriksaan mengejut di selenggara; pegawai yang memegang anak kunci dan kod kombinasi peti besi/bilik kebal tidak diberi kuasa bertulis oleh ketua jabatan; peti besi tidak dicantumkan ke rangka bangunan; tiada surat yang menetapkan jumlah penggunaan wang bagi perbelanjaan pejabat dan pembelian minyak diesel serta perbelanjaan dilaksanakan tanpa had limit.

Bahagian I

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

JABATAN KERJA RAYA NEGERI SABAH

1. PENGURUSAN PROJEK PEMBETUNGAN

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Pada tahun 2006, Kerajaan Negeri Sabah telah memutuskan agar Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah (JKR Sabah) mengambil alih perancangan, pelaksanaan, operasi dan penyenggaraan sistem pembetungan berpusat daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kerana PBT mengalami masalah kekurangan sumber dan kakitangan.

1.1.2. Dasar pembetungan di Negeri Sabah ialah mengkaji, merancang, mereka bentuk, membina, mengendali dan menyenggara sistem pembetungan mengikut piawaian yang ditetapkan dan amalan kejuruteraan yang baik untuk mencapai sistem pembetungan yang efisien sejajar dengan polisi Kerajaan dan peraturan melibatkan sistem merawat kumbahan.

1.1.3. Objektif projek pembetungan ialah untuk menyediakan fasiliti pembetungan yang moden dan efisien, meningkatkan keupayaan sistem sedia ada untuk menampung permintaan pembangunan semasa dan masa hadapan, meningkatkan kebersihan, kesihatan awam dan kualiti kehidupan masyarakat setempat dan mengurangkan pencemaran kumbahan kepada alam sekitar perairan.

1.1.4. JKR Sabah menggunakan pakai perundangan dan ordinan berikut dalam pengurusan pembetungan Negeri Sabah:

- i. *Municipal and Urban Authorities Ordinance 1959*;
- ii. *Local Government Ordinance 1961*;
- iii. *Kota Kinabalu Municipal (Sewerage) By-laws 1960*;
- iv. *Tawau Municipal Council (Sewerage) By-laws 1960*;
- v. *Public Health Ordinance 1960*;
- vi. *State Conservation of Environment Enactment 1965*;
- vii. *Environment Quality Act*;
- viii. *Environment Quality (Sewage) Regulations 2009*; dan
- ix. *Sabah Land Ordinance*.

1.1.5. Cawangan Pembetungan JKR Sabah telah ditubuhkan pada tahun 2005 dan bertanggungjawab terhadap tadbir urus perkhidmatan pembetungan di Negeri Sabah. Objektif Cawangan Pembetungan ialah untuk menyediakan fasiliti dan

perkhidmatan pembetungan yang berkualiti, bersesuaian dan mencukupi untuk meningkatkan kualiti kesihatan awam dan alam sekitar. Fungsi Cawangan Pembetungan adalah seperti berikut:

- i. merancang, mereka bentuk dan melaksanakan sistem pembetungan bagi PBT;
- ii. menggalakkan pelaksanaan sistem pembetungan yang bersesuaian dan moden mengikut piawaian yang ditetapkan;
- iii. memberi komen dan khidmat nasihat teknikal kepada agensi-agensi Kerajaan lain berkenaan kerja-kerja infrastruktur pembetungan; dan
- iv. melindungi dan meningkatkan kualiti kesihatan awam dan alam sekitar melalui pembangunan sektor pembetungan yang moden.

1.1.6. Cawangan Pembetungan diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Jurutera Gred J48 dan dibantu oleh 23 pegawai dari Gred 1 hingga Gred 44. JKR Sabah berperanan sebagai pemilik projek dan bertanggungjawab untuk merancang, mereka bentuk dan melantik perunding. Manakala pelaksanaan projek di daerah adalah di bawah tanggungjawab Ketua Pasukan Projek Sabah.

1.1.7. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, JKR Sabah telah menerima peruntukan sebanyak RM541.84 juta bagi melaksanakan 20 projek pembetungan di Negeri Sabah iaitu RM61.34 juta daripada Kerajaan Negeri untuk 13 projek dan RM480.50 juta secara pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan untuk tujuh projek.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai projek pembetungan yang dilaksanakan oleh JKR Sabah telah dirancang dan dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

1.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek pembetungan di Ibu Pejabat Cawangan Pembetungan JKR Sabah bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Projek pembetungan yang diperiksa dan kedudukannya sehingga bulan Disember 2016 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.1
SAMPEL PROJEK YANG DIPERIKSA

BUTIRAN	SKIM PEMBETUNGAN TANJUNG ARU	SKIM PEMBETUNGAN KUALA PENYU- EXTENSION WORKS	SKIM PEMBETUNGAN KENINGAU FASA 2	SKIM PEMBETUNGAN LAHAD DATU FASA 2
Kontraktor	Astra Kontraktor Sdn. Bhd.	Biru Kontraktor	Sri Jutaya Sdn. Bhd.	Fleet Ventures Sdn. Bhd.
Sumber Peruntukan	Pinjaman Persekutuan	Kerajaan Negeri	Pinjaman Persekutuan	Kerajaan Negeri
Pengarah Projek/ Pegawai Penguasa	Pengarah Jabatan Kerja Raya Sabah			
Kos Asal Kontrak (RM Juta)	245.99	3.66	197.94	29.23
Kos Semasa Kontrak (RM Juta)	245.99	3.66	197.94	29.22
Jenis Kontrak	Konvensional			
Kaedah Perolehan	Tender Terhad	Rundingan Terus	Tender Terhad	Rundingan Terus
Tarikh Surat Setuju Terima (SST)	15.11.2013	01.07.2014	07.10.2014	11.06.2012
Tarikh Milik Tapak	15.12.2013	15.07.2014	07.11.2014	11.07.2012
Tarikh Siap Asal	14.12.2016	14.07.2015	06.11.2017	10.10.2015
Tarikh Siap Semasa	14.12.2016	29.07.2016	06.11.2017	24.08.2016
Jumlah EOT* (Hari)	Tiada	3 EOT (380 hari)	Tiada	3 EOT (589 hari)
Perakuan Kerja Tidak Siap	Tiada			
Peratus Kemajuan Kerja (%)	96.1	46.1	82.5	100

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah

Nota: * - Extension of Time

1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan di Cawangan Pembetungan JKR Sabah dengan membuat semakan dan analisis Audit terhadap data berkaitan pengurusan projek pembetungan termasuk dokumen awal, Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA), pemilihan kontraktor, dokumen kontrak, laporan kemajuan kerja, laporan teknikal, dokumen penyeliaan kerja kontraktor dan lain-lain dokumen berkaitan. Bagi tujuan menilai pelaksanaan kerja pembinaan pembetungan, lawatan fizikal dijalankan di sekitar Kota Kinabalu, Kuala Penyu, Keningau dan Lahad Datu. Selain itu, temu bual telah dijalankan dengan pegawai yang terlibat bagi mendapatkan maklumat tambahan.

1.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di antara bulan September hingga Disember 2016 mendapati, prestasi pengurusan projek pembetungan oleh Jabatan Kerja Raya Sabah adalah memuaskan dari segi pencapaian fizikal dan kewangan, kajian kemungkinan, pelan induk sistem pembetungan, kajian kawasan pembetungan, undang-undang berkaitan perancangan dan pembinaan, penggunaan *construction drawings*, kadar polisi insurans, kelulusan Jabatan Alam Sekitar (JAS), lanjutan tempoh kontrak dan bayaran kemajuan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang ditemui seperti berikut:

- i. *Environmental Impact Assessment* (EIA) tidak dipatuhi bagi dua projek di mana Laporan *Environmental Management Plan* (EMP) lewat disediakan dan tidak lengkap;
- ii. proses pengusiran setinggan bagi satu projek yang lewat diselesaikan mengakibatkan projek lewat dimulakan dan lanjutan masa selama 92 hari diluluskan;
- iii. kontrak bagi tiga projek lewat ditandatangani antara 52 hingga 154 hari;
- iv. lanjutan masa sebanyak 380 hari dan 589 hari diluluskan untuk dua projek tanpa permohonan bertulis daripada kontraktor;
- v. kelewatan antara 16 hingga 267 hari pembayaran interim bagi tiga projek;
- vi. kerja pembinaan tidak berkualiti/tidak mengikut spesifikasi di dua projek; dan
- vii. kemudahan *sludge drying bed* dan pondok pengawal di Skim Pembetungan Kota Kinabalu Fasa 1 tidak digunakan.

Perkara yang ditemui dan maklum balas dari JKR Sabah telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 24 Januari 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

1.5.1. Prestasi Keseluruhan

JKR Sabah telah melaksanakan 16 projek pembetungan bernilai RM498.29 juta daripada 20 projek yang dirancang bagi tempoh tahun 2014 sehingga 2016. Sebanyak sepuluh projek dilaksanakan secara tender terhad, lima secara rundingan terus dan satu secara sebut harga.

1.5.1.1. Pencapaian Fizikal

Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, daripada 20 projek pembetungan yang dirancang sebanyak 30% atau enam projek telah disiapkan, sepuluh projek sedang dilaksanakan dan empat projek belum dimulakan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.2
PENCAPAIAN FIZIKAL
PROJEK PEMBETUNGAN BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016**

BIL.	PERKARA	STATUS
PROJEK PEMBIAYAAN KERAJAAN NEGERI		
1.	Cadangan Memulih dan Membalik Stesen-stesen Pengepam Air Kumbahan Sedia Ada di Kawasan DBKK, Kota Kinabalu	Siap
2.	Skim Pembetungan Lahad Datu Fasa 2	Siap
3.	Skim Pembetungan Kuala Penyu - <i>Extension Works</i>	Dalam pelaksanaan

BIL.	PERKARA	STATUS
4.	Skim Pembetungan Tenom Fasa 1	Dalam pelaksanaan
5.	Skim Pembetungan Tawau Fasa 2 - Kontrak 2	Siap
6.	Kajian dan Reka Bentuk Terperinci Bagi Daerah-daerah di Sabah	Dalam pelaksanaan
7.	Pembinaan Loji Penapisan Kumbahan dan Rangkaian di Bandar Sandakan	Siap
8.	Cadangan Kajian & Reka Bentuk Terperinci Bagi Daerah Tuaran	Dalam pelaksanaan
9.	Projek Melaksanakan Kerja-kerja CCTV Bagi Paip Pembetungan di Bawah Projek Skim Pembetungan Papar dan Lain-lain Kerja Berkaitan	Dalam pelaksanaan
10.	Kerja-kerja Penyiasatan Tanah Bagi Projek Skim Pembetungan Kinabatangan Fasa 1	Dalam pelaksanaan
11.	Kerja-kerja Penyiasatan Tanah Bagi Projek Skim Pembetungan Telupid Fasa 1	Dalam pelaksanaan
12.	Membaiik Pulih Loji Rawatan Kumbahan, Pam Stesen dan Tangki Septik Komunal Pihak Berkuasa Tempatan	Belum mula
13.	Kerja-kerja Membaiik Pulih Paip Pembetungan Lama yang Telah Pecah dan Kerja-kerja Berkaitan di Stesen Pam Sentral Tawau	Belum mula
PROJEK PEMBIAYAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN		
1.	Skim Pembetungan Tanjung Aru, Kota Kinabalu, Sabah	Dalam pelaksanaan
2.	Skim Pembetungan Keningau Fasa 2	Dalam pelaksanaan
3.	Skim Pembetungan Beaufort	Dalam pelaksanaan
4.	Skim Pembetungan Tambunan Fasa 1	Belum mula
5.	Cadangan Kajian dan Reka Bentuk Terperinci Bagi Daerah Kinarut, Kimanis, Tungku, Sikuati, Kinabatangan, Nabawan, Telupid, Balung dan Lain-lain di Negeri Sabah	Belum mula
6.	Loji Rawatan Kumbahan Serantau dan Rangkaian Paip Pembetungan di Kota Kinabalu Fasa 1	Siap
7.	Skim Pembetungan Kota Marudu Fasa 1	Siap

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sabah

1.5.1.2. Pencapaian Kewangan

- a. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, JKR Sabah telah menerima peruntukan sebanyak RM541.84 juta bagi melaksanakan 20 projek pembetungan di Negeri Sabah iaitu RM61.34 juta daripada Kerajaan Negeri untuk 13 projek dan RM480.50 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk tujuh projek adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.3
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
PROJEK PEMBETUNGAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

BIL.	TAJUK PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS (%)
PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI				
1.	Cadangan Memulih dan Membaiiki Stesen-stesen Pengepam Air Kumbahan Sedia Ada di Kawasan DBKK, Kota Kinabalu	12.66	9.54	75.4
2.	Skim Pembetungan Lahad Datu Fasa 2	13.15	9.66	73.5
3.	Skim Pembetungan Kuala Penyu - Extension Works	6.70	1.42	21.2
4.	Skim Pembetungan Tenom Fasa 1	10.60	7.17	67.6
5.	Skim Pembetungan Tawau Fasa 2 - Kontrak 2	1.55	1.45	93.5
6.	Kajian dan Reka Bentuk Terperinci Bagi Daerah-daerah di Sabah	1.00	0.28	28.0
7.	Pembinaan Loji Penapisan Kumbahan dan Rangkaian di Bandar Sandakan	1.73	1.68	97.1

BIL.	TAJUK PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS (%)
8.	Cadangan Kajian & Reka Bentuk Terperinci Bagi Daerah Tuaran	0.88	0.50	56.8
9.	Projek Melaksanakan Kerja-kerja CCTV Bagi Paip Pembetungan di Bawah Projek Skim Pembetungan Papar dan Lain-lain Kerja Berkaitan	2.13	1.97	92.5
10.	Kerja-kerja Penyiasatan Tanah Bagi Projek Skim Pembetungan Kinabatangan Fasa 1	0.07	0.06	85.7
11.	Kerja-Kerja Penyiasatan Tanah Bagi Projek Skim Pembetungan Telupid Fasa 1	0.07	0.05	71.4
12.	Membaik Pulih Loji Rawatan Kumbahan, Pam Stesen dan Tangki Septik Komunal Pihak Berkuasa Tempatan	10.00	0.00	0.0
13.	Kerja-kerja Membaik Pulih Paip Pembetungan Lama Yang Telah Pecah dan Kerja-kerja Berkaitan di Stesen Pam Sentral Tawau	0.80	0.00	0.0
JUMLAH		61.34	33.78	55.1
PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN				
1.	Skim Pembetungan Tanjung Aru, Kota Kinabalu, Sabah	200.00	240.69	120.3
2.	Skim Pembetungan Keningau Fasa 2	143.00	149.07	104.2
3.	Skim Pembetungan Beaufort	105.00	55.30	52.6
4.	Skim Pembetungan Tambunan Fasa 1	5.00	0.00	0.0
5.	Cadangan Kajian dan Reka Bentuk Terperinci Bagi Daerah Kinarut, Kimanis, Tungku, Sikuati, Kinabatangan, Nabawan, Telupid, Balung dan Lain-lain di Negeri Sabah	2.50	0.00	0.0
6.	Loji Rawatan Kumbahan Serantau dan Rangkaian Paip Pembetungan di Kota Kinabalu Fasa 1	20.00	19.45	97.3
7.	Skim Pembetungan Kota Marudu Fasa 1	5.00	0.00	0.0
JUMLAH		480.50	464.51	96.7
JUMLAH KESELURUHAN		541.84	498.29	92.0

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sabah

- b. Berdasarkan **Jadual 1.3**, bagi tempoh tahun 2014 sehingga 2016, JKR Sabah telah membelanjakan sejumlah RM498.29 juta atau 92.0% daripada RM541.84 juta peruntukan yang diterima.

Pada pendapat Audit, prestasi keseluruhan dari segi pencapaian fizikal dan kewangan projek pembetungan adalah baik kerana bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 sebanyak 80% projek telah dilaksanakan dan 92% daripada peruntukan kewangan telah dibelanjakan.

1.5.2. Perancangan Projek

JKR Sabah telah melaksanakan perancangan projek seperti Pelan Induk Sistem Pembetungan dan Polisi Kerajaan, kajian kemungkinan dan kajian kawasan tадahan pembetungan dengan baik dan mematuhi peraturan yang ditetapkan kecuali perkara berikut:

1.5.2.1. Pematuhan *Environmental Impact Assessment (EIA)*

- a. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 menghendaki projek yang dikategorikan di bawah Seksyen 34 (A) menyediakan laporan *Environmental Impact Assessment (EIA)* dan mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk menentukan projek loji rawatan kumbahan memenuhi keperluan Akta Kualiti Alam Sekeliling yang sedang berkuat kuasa.
- b. Laporan EIA bagi tiga projek iaitu Skim Pembetungan Tanjung Aru, Skim Pembetungan Keningau Fasa 2 dan Skim Pembetungan Lahad Datu Fasa 2 telah disediakan dan mendapat kelulusan JAS. Manakala bagi Skim Pembetungan Kuala Penyu – *Extension Works*, laporan EIA tidak perlu disediakan kerana tidak tertakluk kepada Akta yang sedang berkuat kuasa.
- c. Semakan selanjutnya terhadap Skim Pembetungan Tanjung Aru mendapati, surat daripada JAS Negeri Sabah kepada Pengurus Projek Astra Kontraktor Sdn. Bhd. bertarikh 2 September 2014 memaklumkan Laporan *Environmental Management Plan (EMP)* yang diterima pada 17 Julai 2014 adalah tidak lengkap seperti yang dikehendaki dalam *Guidance Document For Preparation And Submission Of EMP*.
- d. Bagi Skim Pembetungan Keningau Fasa 2, JAS telah mengeluarkan Notis Arahan di bawah Seksyen 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang menyatakan pihak JKR Sabah telah memulakan kerja-kerja tanah untuk tapak pembinaan loji kumbahan tanpa mengemukakan *Environmental Management Plan (EMP)* seperti kehendak EIA kepada JAS dan membina komponen loji kumbahan tanpa pemberitahuan bertulis kepada Ketua Pengarah Alam Sekeliling. Ini disebabkan pegawai yang bertanggungjawab tidak teliti terhadap pematuhan kepada kehendak EIA semasa melaksanakan projek. Ketidakpatuhan terhadap kehendak EIA boleh menjaskan alam sekitar.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 10 Mac 2017

JKR Sabah bersetuju Laporan Environmental Management Plan (EMP) tidak lengkap dan lewat disediakan. Pihak JKR Sabah dijadualkan membuat potongan bayaran melalui Akaun Muktamad Projek berkenaan.

Maklum Balas Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah yang Diterima Pada 6 Jun 2017

Bagi Skim Pembetungan Tanjung Aru, EMP telah dikemukakan kepada JAS melalui surat bertarikh 4 Ogos 2014. Perunding EIA yang dilantik oleh kontraktor telah menghantar laporan pengawasan kualiti air, bunyi dan

udara kepada JAS pada tarikh 2 April 2015, 11 Jun 2015, 7 Disember 2015 dan 31 Mac 2016. Bagi Skim Pembetungan Keningau Fasa 2, kontraktor telah mengemukakan EMP kepada JAS dan diluluskan pada 16 November 2015. Pemberitahuan bertulis telah dikemukakan kepada JAS melalui surat bertarikh 7 Mac 2016.

Pada pendapat Audit, pematuhan kepada kehendak EIA adalah tidak teratur kerana Laporan EMP bagi Skim Pembetungan Tanjung Aru tidak lengkap manakala bagi Skim Pembetungan Keningau Fasa 2, Laporan EMP lewat disediakan.

1.5.2.2. Proses Pewartaan dan Hak Milik Tanah Belum Diselesaikan

- a. Tanah pembetungan perlu diwartakan dan hak milik tanah dipindah milik/diserah balik kepada Pihak Berkuasa Negeri serta dirizabkan di bawah Seksyen 4 dan Seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Bab 69. Tanah tapak loji perlu bebas daripada sebarang sekatan seperti rumah ibadat, pencerobohan atau pendudukan secara haram dan sebagainya bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan tanpa gangguan. Kajian terhadap tapak tanah loji sedia ada dilaksanakan bagi mengesahkan sempadan dan keluasan tanah adalah seperti yang dirizabkan bagi kegunaan pembetungan. Jabatan hendaklah membuat kajian terhadap tanah tapak projek pembinaan. Penilaian tanah hendaklah dibuat oleh Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) Negeri Sabah.
- b. Semakan Audit terhadap status tanah bagi projek pembetungan mendapati, tanah bagi Skim Pembetungan Keningau Fasa 2 telah diwartakan. Bagi Skim Pembetungan Tanjung Aru, JKR Sabah sudah mengemukakan permohonan pewartaan dan pindah milik kepada JTU. Menurut JKR Sabah, proses pembayaran adalah di bawah tanggungjawab JTU dan geran hanya dapat diberikan setelah pampasan tanah dibayar sepenuhnya kepada pemilik tanah dan projek disiapkan. Sehingga ke tarikh pengauditan, pampasan yang dibayar sewaktu pengambilan tanah adalah sejumlah RM2.7 juta iaitu 90% daripada nilai pampasan RM3 juta. JKR Sabah akan menghantar *as-built drawing* kepada JTU untuk baki 10% pembayaran berjumlah RM300,000 kepada pemilik setelah projek disiapkan. Manakala bagi Skim Pembetungan Lahad Datu Fasa 2 dan Skim Pembetungan Kuala Penyu, tanah telah dirizabkan untuk pembetungan.
- c. Semakan terhadap Minit Mesyuarat Tapak Bilangan 1/2012 bertarikh 5 Julai 2012, di JKR Lahad Datu mendapati, Laporan Pemeriksaan Tapak menyatakan bahawa pihak kontraktor melaporkan sebanyak 59 buah rumah

setinggan berada di tapak cadangan projek yang menyukarkan untuk memulakan kerja seperti dijadualkan pada 11 Julai 2012 dan tidak mengosongkan kawasan tapak walaupun surat arahan pengosongan tapak telah diedarkan. Manakala surat bertarikh 24 September 2012 dengan tajuk Arahan Pengosongan Tanah kepada 59 orang pemilik tanah dan surat bertarikh 28 Mac 2013 dengan tajuk Senarai Nama Pemilik Bangunan yang Layak Menerima Sagu Hati kepada Penolong Pemungut Hasil Tanah, JTU untuk melaksanakan projek Skim Pembetungan Lahad Datu Fasa 2 menunjukkan proses pengambilan tanah dilakukan selepas projek dimulakan. Oleh itu, pelaksanaan projek Skim Pembetungan Lahad Datu Fasa 2 tidak bebas daripada sekatan seperti rumah setinggan sebelum projek dimulakan. Ini menyebabkan kerja-kerja fizikal lewat dimulakan di tapak projek selepas operasi penguatkuasaan dilaksanakan pada 10 Oktober 2012 seperti yang dinyatakan di Minit Mesyuarat Tapak Bilangan 3 bertarikh 20 November 2012.

- d. Ekoran proses pengusiran setinggan yang lewat diselesaikan, pelaksanaan projek lewat dimulakan dan lanjutan masa selama 92 hari bagi Skim Pembetungan Lahad Datu Fasa 2 diberikan oleh JKR Sabah menyebabkan manfaat projek tidak dapat dinikmati dalam tempoh yang sepatutnya.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Permohonan pengambilan tanah telah dilaksanakan pada tahun 2013 sebelum projek dimulakan namun mengambil masa yang lama terutama bagi pemilik tanah yang membuat rayuan terhadap pampasan yang diterima. JTU memaklumkan masalah setinggan di Lahad Datu telah selesai. JTU telah bekerjasama dengan JKR untuk menyelesaikan masalah ini. Semua pengambilan tanah bagi tapak projek hendaklah mematuhi Pekeliling JTU Bilangan 1 Tahun 2013. Proses pewartaan biasanya mengambil masa tiga hingga enam bulan.

Maklum Balas Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah yang Diterima Pada 6 Jun 2017

Skim Pembetungan Lahad Datu melibatkan pembinaan loji kumbahan dan tiada pengambilan tanah terlibat. Masalah pengusiran setinggan pendatang tanpa izin telah diselesaikan dengan kerjasama Jabatan Tanah Dan Ukur, Pejabat Daerah, Majlis Daerah dan agensi lain melalui beberapa siri mesyuarat tapak.

1.5.2.3. Undang-undang Berkaitan Perancangan dan Pembinaan

Perancangan dan pembinaan loji rawatan kumbahan hendaklah dijalankan dengan teliti dan mematuhi keperluan perundangan ke semua agensi kawal selia dan teknikal yang berkaitan. Peruntukan undang-undang yang berkaitan perancangan dan pembinaan loji rawatan kumbahan perlu meliputi aspek keselamatan dan kesihatan, perlindungan kepada pengguna dan kesan kepada alam sekitar dan sumber air. Manakala perancangan dan pembinaan loji rawatan kumbahan hendaklah mengambil kira keperluan agensi kawal selia dan PBT. Semakan Audit terhadap empat sampel projek yang dipilih mendapati, JKR Sabah telah mengambil kira peruntukan undang-undang berkaitan dan keperluan agensi kawal selia dan PBT.

Pada pendapat Audit, perancangan projek adalah baik meliputi pematuhan terhadap kajian kemungkinan, kajian kawasan tадahan pembetungan dan polisi Kerajaan serta undang-undang. Bagaimanapun, perancangan projek terhadap pematuhan *Environmental Impact Assesment (EIA)* dan proses pewartaan dan hak milik tanah adalah kurang memuaskan.

1.5.3. Pengurusan Kontrak

Pengurusan kontrak hendaklah mematuhi prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan dan terma kontrak hendaklah adil serta menjaga kepentingan kerajaan.

1.5.3.1. Tempoh Menjawab Surat Setuju Terima

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5/2007 perkara 45.2 menetapkan kontraktor yang berjaya dipilih hendaklah menjawab Surat Setuju Terima dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam surat tawaran. Semakan Audit mendapati, kontraktor yang dipilih telah menandatangani Surat Setuju Terima dalam tempoh masa yang ditetapkan.

1.5.3.2. Kontrak Lewat Ditandatangani

- a. Mengikut 1 Pekeliling Perbendaharaan, P.K 4.1, Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan, kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya empat bulan daripada tarikh keluarnya Surat Setuju Terima. Tarikh kuat kuasa kontrak (*effective date*) hendaklah dinyatakan sebagai tarikh Surat Setuju Terima ditandatangani oleh petender yang berjaya manakala tarikh kontrak ialah tarikh kontrak ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

- b. Semakan mendapati, kontrak lewat ditandatangani antara 52 hingga 154 hari daripada tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan bagi tiga daripada empat sampel projek seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.4
KONTRAK LEWAT DITANDATANGANI**

BIL.	TAJUK PROJEK	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH TANDATANGAN KONTRAK	LEWAT TANDATANGAN	
				YA/TIDAK	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
1.	Skim Pembetungan Tg. Aru, Kota Kinabalu	15.11.2013	26.06.2014	Ya	103
2.	Skim Pembetungan Kuala Penyu - Extension Works	01.07.2014	07.10.2014	Tidak	TB
3.	Skim Pembetungan Keningau Fasa 2	07.10.2014	08.07.2015	Ya	154
4.	Skim Pembetungan Lahad Datu Fasa 2	11.06.2012	30.11.2012	Ya	52

Sumber: Kontrak dan SST berkaitan

Nota: TB - Tidak Berkenaan

- c. Kelewatian ini disebabkan pegawai bertanggungjawab kurang teliti tentang pematuhan terhadap tempoh menandatangani kontrak. Kelewatian menandatangani kontrak boleh menyebabkan projek lewat dimulakan dan disiapkan.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Bagi Skim Pembetungan Tg. Aru, Kota Kinabalu, dokumen kontrak telah disediakan untuk ditandatangani dalam masa empat bulan daripada surat tawaran dan wakil kontraktor telah dimaklumkan untuk datang dan menandatangani dokumen tersebut. Kelewatian ini terjadi kerana pada asalnya kontraktor ingin memilih Bank Guarantee sebagai Performance Bond dan menunggu Bank Guarantee siap barulah menandatangani dokumen kontrak. Walau bagaimanapun, akhirnya kontraktor telah memilih Wang Jaminan Pelaksanaan sebagai Performance Bond. Bagi Skim Pembetungan Keningau Fasa 2, JKR telah mengemukakan surat Delegation of Authority (DOA) to Sign Contract melalui surat rujukan: JKR.JUB(S).600-10/1/42/27 bertarikh 7 Oktober 2014. Bagaimanapun, pihak JKR tidak mendapat sebarang maklum balas dan menghantar surat peringatan melalui surat ruj.: JKR.JUB(S).600-10/1/42/39 bertarikh 29 April 2015. Pihak JKR hanya menerima DOA tersebut pada 25 Jun 2015. Manakala bagi Skim Pembetungan Lahad Datu Fasa 2, pihak kontraktor dikehendaki menghantar polisi insurans dan Bank Guarantee bagi Performance Bond dan hanya mengemukakan dokumen tersebut pada September 2012, melebihi tiga bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan. Setelah dokumen kontrak disediakan, pihak kontraktor juga mengambil masa untuk datang dan menandatangani dokumen kontrak tersebut.

1.5.3.3. Penggunaan Construction Drawing/Bon Pelaksanaan/Wang Jaminan dan Kelulusan Jabatan Alam Sekitar

- a. *Construction Drawing* merupakan lukisan pelan yang diguna pakai oleh kontraktor bagi memastikan pematuhan kepada spesifikasi yang ditetapkan. Kontraktor hendaklah mengambil polisi insurans dan bon pelaksanaan/wang jaminan pelaksanaan mengikut kadar yang ditetapkan. Manakala tapak projek hendaklah mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk projek yang melebihi 20 hektar.
- b. Semakan Audit mendapati, kontraktor menggunakan *construction drawing* untuk melaksanakan kerja dan kontraktor telah dikenakan wang jaminan pelaksanaan dan mengambil jaminan bank mengikut kadar yang ditetapkan. Selain itu, kesemua empat sampel projek yang dilawat telah mendapat kelulusan JAS.

Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak adalah memuaskan.

1.5.4. Prestasi Pelaksanaan Kerja

1.5.4.1. Lanjutan Masa Diluluskan Tanpa Permohonan Bertulis Daripada Kontraktor

- a. Pelanjutan masa perlulah dipertimbangkan dan ditadbir selaras dengan peruntukan klausula 43 bagi kontrak konvensional dan klausula 45 atau klausula 49 bagi kontrak Reka dan Bina. Permohonan lanjutan masa yang dibuat oleh kontraktor hendaklah munasabah dan mempunyai bukti sokongan yang lengkap. Lanjutan masa ini hendaklah diluluskan sebelum tarikh siap yang dibenarkan. Sijil Kerja Tak Siap hendaklah dikeluarkan dan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (*Liquidated And Ascertained Damages - LAD*), sepatutnya dikenakan mengikut kadar yang ditetapkan dalam kontrak sekiranya lanjutan masa tidak diluluskan. Surat amaran hendaklah dikeluarkan oleh Pegawai Pengguna kepada kontraktor terhadap kelewatan menyiapkan pelaksanaan projek. Pegawai Pengguna hendaklah mengeluarkan surat teguran kepada kontraktor kerana kegagalan kontraktor mematuhi arahan wakil Pegawai Pengguna.
- b. Lanjutan masa boleh diberikan sekiranya dibuktikan bahawa Kerajaan telah menyumbang terhadap kelewatan penyiapan kerja kontraktor di tapak bina atau kelewatan penyiapan kerja adalah atas sebab yang munasabah. Kontraktor hendaklah sedaya upaya mengelakkan kelewatan projek dan melaksanakan segala kerja pemantauan oleh Pegawai Pengguna.

- c. Semakan Audit terhadap rekod JKR Sabah mendapati, tiada EOT diberikan kepada Skim Pembetungan Tanjung Aru, Kota Kinabalu dan Skim Pembetungan Keningau Fasa 2. Bagaimanapun, Skim Pembetungan Kuala Penyu - *Extension Works* telah diberikan tiga lanjutan masa berjumlah 380 hari dan sedang dalam proses untuk EOT yang keempat. Manakala Skim Pembetungan Lahad Datu Fasa 2 telah diluluskan tiga lanjutan masa berjumlah 589 hari dan telah disiapkan pada 24 Ogos 2016. Semakan Audit selanjutnya mendapati, kelulusan lanjutan masa ini diluluskan tanpa permohonan kontraktor seperti jadual berikut:

JADUAL 1.5
LANJUTAN MASA DILULUSKAN TANPA PERMOHONAN DARIPADA KONTRAKTOR

BIL. LANJUTAN MASA	SEBAB LANJUTAN MASA	JENIS SEBAB	BIL. HARI DILULUSKAN	TARIKH PATUT SIAP	TARIKH LANJUTAN MASA DILULUSKAN	
SKIM PEMBETUNGAN KUALA PENYU-EXTENSION WORKS						
EOT 1	<i>Exceptional Inclement Weather</i>	Cuaca	62	14.07.2015	15.09.2015	
	<i>Change of design of mainhole foundation</i>	Perubahan reka bentuk				
EOT 2	<i>Change of design of mainhole foundation (Delay in issuing construction drawings to the contractor)</i>	Perubahan reka bentuk	109	15.09.2015	02.01.2016	
EOT 3	<i>Change of design of mainhole foundation (Delay in issuing construction drawings to the contractor)</i>	Perubahan reka bentuk	209	02.01.2016	29.07.2016	
	<i>Exceptional Inclement Weather</i>	Cuaca				
	<i>Verification of Hardrock (Delay in issuing works instruction due to delaying on verification)</i>	Halangan kerja				
JUMLAH			380			
SKIM PEMBETUNGAN LAHAD DATU FASA 2						
EOT 1	<i>Delay in giving possession of the site as provided under clause 38.4 here of other than claim in effecting insurance and Performance Bond.</i>	Kewujudan penempatan haram	211	10.01.2015	09.08.2015	
	<i>The contractor not having received in due time instruction in regard to the nomination of sub-contractors and/or supplier provided in this contract, necessary instruction, drawing or levels for the execution of the works.</i>	Perubahan reka bentuk				
EOT 2	<i>Delay on the part of artists, tradesmen or others engaged by Government in executing work not forming part of this contract.</i>	Kelewatan bekalan elektrik dari Sabah Electricity Sdn. Bhd.	150	09.08.2015	09.01.2016	
EOT 3	<i>Delay on the part of artists, tradesmen or others engaged by Government in executing work not forming part of this contract.</i>		228	09.01.2016	24.08.2016	
JUMLAH			589			

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sabah

Nota: EOT – *Extension of Time*

- d. Berdasarkan **Jadual 1.5**, lanjutan masa diberikan untuk Skim Pembetungan Kuala Penyu disebabkan oleh cuaca, perubahan reka bentuk dan halangan kerja. Manakala bagi Skim Pembetungan Lahad Datu, lanjutan masa diberikan kerana penempatan haram, perubahan reka bentuk dan kelewatan bekalan elektrik dari SESB. Pihak Audit dimaklumkan semasa exit

conference pada 24 Januari 2017, permohonan lanjutan masa telah dibuat oleh kontraktor secara lisan dalam mesyuarat bersama JKR tetapi tidak direkodkan dalam minit mesyuarat. Ini disebabkan pegawai yang bertanggungjawab tidak teliti terhadap keperluan permohonan daripada kontraktor untuk memohon EOT. Kesannya, LAD tidak dapat dikenakan kepada kontraktor.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Berkenaan dengan permohonan EOT, sekiranya pihak kontraktor ada menyatakan keperluan untuk memohon EOT di dalam mesyuarat projek, Pegawai Pengguna perlu mempertimbangkan keperluan tersebut sama ada munasabah berpandukan justifikasi seperti dalam Perjanjian Kontrak. Sekiranya munasabah, EOT boleh diproses berdasarkan justifikasi tersebut. JKR Daerah meluluskan EOT bagi mengatasi masalah projek yang terjejas akibat perubahan kerja oleh JKR. Oleh itu, permohonan EOT oleh kontraktor hanya dibuat semasa perbincangan dalam mesyuarat tapak.

Maklum Balas Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah yang Diterima Pada 6 Jun 2017

Permohonan lanjutan masa ada dinyatakan oleh kontraktor dalam mesyuarat tapak projek namun Pegawai Pengguna perlu mempertimbangkan keperluan tersebut sama ada munasabah berpandukan justifikasi seperti di kontrak. Pihak kontraktor juga ada menghantar surat permohonan lanjutan masa dan Pegawai Pengguna telah memproses permohonan tersebut berpandukan justifikasi yang munasabah untuk kelulusan selanjutnya.

1.5.4.2. Lanjutan Tempoh Kontrak

Tempoh bagi polisi insurans dan Bon Pelaksanaan/Wang Jaminan Pelaksanaan juga hendaklah dilanjutkan jika tempoh kontrak dilanjutkan. Semakan Audit mendapati, tempoh bagi polisi insurans dan Bon Pelaksanaan/Wang Jaminan Pelaksanaan telah dilanjutkan bagi dua sampel projek yang telah diberi Lanjutan Masa iaitu Skim Pembetungan Kuala Penyu - *Extension Works* dan Skim Pembetungan Lahad Datu Fasa 2.

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan kerja adalah memuaskan. Bagaimanapun, prosedur lanjutan masa dan justifikasi perubahan kerja adalah tidak selaras mengakibatkan LAD tidak dikenakan terhadap kontraktor.

1.5.5. Pengurusan Bayaran

1.5.5.1. Kelewatan Bayaran Interim

- Surat Pekeliling Mengenai Peraturan Proses Penyediaan Baucar Bayaran/Am di Semua Kementerian/Jabatan Kerajaan Negeri, Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil.11/2008, menyatakan Jabatan/Pejabat Asal diberi masa sembilan hari bekerja untuk menyediakan baucar dan Pejabat Pembayar diberi masa lima hari bekerja untuk mengeluarkan cek.
- Semakan Audit terhadap 14 sampel baucar bayaran mendapati bayaran interim bagi tiga sampel projek telah lewat dibuat antara 16 hingga 267 hari. Butiran kelewatan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.6
KELEWATAN BAYARAN INTERIM BAGI TIGA SAMPEL PROJEK PEMBETUNGAN**

NO. KONTRAK/PROJEK	AMAUAN BAUCAR (RM)	INTERIM/TARIKH TUNTUTAN	TARIKH DAN NO. BAUCAR	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
HQ.30/2014(S)/ Skim Pembetungan Kuala Penyu	538,383	Interim 11/ 15.05.2016	01.07.2016/ 011716	33
	122,972	Interim 10/ 20.02.2016	24.03.2016/ 003494	67
HQ.123/2012(s)/ Skim Pembetungan Lahad Datu Fasa 2	400,000	Interim 23/ 09.01.2016	17.10.2016/ 020862	267
	2,135,695	Interim 22/ Tiada tarikh tuntutan	27.11.2015/ 0258710	Tidak dapat disahkan
HQ.156/2013(s)/ Skim Pembetungan Tanjung Aru	9,052,082	Interim 4/ 25.08.2014	25.09.2014/ 0300121	16
	7,637,066	Interim 5/ 29.09.2014	10.11.2014/ 03000143	27
	12,599,633	Interim 6/ 24.10.2014	05.12.2014/ 0300173	27
	24,206,529	Interim 8/ 27.01.2015	12.03.2015/ 030004	29
	17,566,128	Interim 9/ 10.03.2015	11.05.2015/ 0300022	47
	21,278,087	Interim 10/ 30.03.2015	28.05.2015/ 0300024	44
	4,776,627	Interim 12/ 05.06.2015	12.08.2015/ 0300060	53
	4,055,104	Interim 14/ 03.08.2015	29.09.2015/ 0300079	43
	6,577,426	Interim 16/ 05.10.2015	03.12.2015/ 0300127	44
	3,733,594	Interim 23/ 22.07.2016	25.10.2016/ 00122199	80

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sabah

- Menurut pegawai yang bertanggungjawab kelewatan berlaku kerana bil-bil tuntutan interim yang telah disahkan tidak dikemukakan serta merta oleh pegawai projek yang berkenaan kepada Unit Akaun.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Masalah yang sering dihadapi oleh Unit Akaun ialah bil-bil tuntutan interim yang dikemukakan oleh kontraktor tidak lengkap, peruntukan lambat diterima dan kelewatan kelulusan oleh Bendahari Negeri.

Maklum Balas Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah yang Diterima Pada 6 Jun 2017

Masalah yang sering dihadapi oleh Unit Akaun ialah bil-bil tuntutan interim yang dikemukakan oleh kontraktor tidak lengkap menyebabkan kuiri oleh Jabatan Bendahari Negeri Sabah, peruntukan lambat diterima dan kelewatan kelulusan oleh Bendahari Negeri. Selain itu proses permohonan peruntukan mengambil masa yang lama di peringkat Pegawai Pengguna kepada Cawangan Pembetungan, permohonan dikemukakan kepada Cawangan Pembangunan Dan Bajet seterusnya kepada Kementerian Pembangunan Infrastruktur Negeri Sabah (KPI), KPI mengemukakan kepada Kementerian Kewangan Negeri Sabah (MOF) bagi kelulusan pengeluaran waran dan waran akan disalurkan kepada Cawangan Pembetungan JKR bagi Pegawai Pengguna menyediakan dokumen sokongan yang lengkap dibayar oleh Pejabat Pembayar.

Pada pendapat Audit, perakaunan bagi perbelanjaan projek adalah tidak memuaskan kerana berlaku kelewatan bayaran interim antara 16 hingga 267 hari menyebabkan kontraktor lewat menerima bayaran interim dan boleh menjaskasni imej Kerajaan.

1.5.6. Kualiti Pembinaan

Kualiti bahan binaan hendaklah mengikut spesifikasi kontrak. Pertukaran bahan binaan hendaklah dimaklumkan kepada Jabatan Pelaksana. Reka bentuk bangunan hendaklah menepati keperluan Jabatan Teknikal. Reka bentuk dan pelan yang disediakan hendaklah mematuhi piawaian/standard kod amalan pembinaan.

1.5.6.1. Kerja Pembinaan Tidak Berkualiti/Tidak Mengikut Spesifikasi

- a. Kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan sempurna seperti dikehendaki kontrak dan boleh digunakan. Berdasarkan empat sampel projek yang dipilih, pihak Audit mendapati, kerja-kerja kemasan tidak dilaksanakan dengan sempurna/tidak mengikut spesifikasi seperti jadual berikut:

JADUAL 1.7
KERJA PEMBINAAN TIDAK BERKUALITI/TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

BIL.	TAJUK PROJEK	KEADAAN FIZIKAL
1.	Skim Pembetungan Tanjung Aru	<ul style="list-style-type: none"> Kerja kemasan pembinaan dinding <i>Regional Sewage Treatment Plant</i> kurang memuaskan seperti di Gambar 1.1 dan Gambar 1.2. Bilik <i>M&E</i> yang masih dalam pembinaan ditakungi air seperti di Gambar 1.3 dan Gambar 1.4.
2.	Skim Pembetungan Lahad Datu Fasa 2	<ul style="list-style-type: none"> Permukaan bawah tangga tidak dicat seperti di Gambar 1.5. Kerja kemasan pembinaan dinding loji kurang memuaskan seperti di Gambar 1.6. <i>Kerja Close turfling</i> yang tidak sempurna seperti Gambar 1.7 hingga Gambar 1.10.

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 1.1



RSTP KK South, Kota Kinabalu
- Kerja Kemasan Kurang Memuaskan
(27.09.2016)

GAMBAR 1.2



RSTP KK South, Kota Kinabalu
- Kerja Kemasan Kurang Memuaskan
(27.09.2016)

GAMBAR 1.3



RSTP KK South, Kota Kinabalu
- Bilik *M & E* yang Masih Dalam Pembinaan
Dimasuki Air
(22.11.2016)

GAMBAR 1.4



RSTP KK South, Kota Kinabalu
- Bilik *M & E* yang Masih Dalam Pembinaan
Dimasuki Air
(22.11.2016)

GAMBAR 1.5



Kg. Busul, Lahad Datu
- Permukaan Bawah Tangga Tidak Dicat
(17.11.2016)

GAMBAR 1.6



Kg. Busul, Lahad Datu
- Kerja Kemasan Kurang Memuaskan
(17.11.2016)

GAMBAR 1.7



Kg. Busul, Lahad Datu
- Kerja Close Turfing yang Tidak Sempurna
(17.11.2016)

GAMBAR 1.8



Kg. Busul, Lahad Datu
- Kerja Close Turfing yang Tidak Sempurna
(17.11.2016)

GAMBAR 1.9



Kg. Busul, Lahad Datu
- Kerja Close Turfing yang Tidak Sempurna
(17.11.2016)

GAMBAR 1.10



Kg. Busul, Lahad Datu
- Kerja Close Turfing yang Tidak Sempurna
(17.11.2016)

- b. Keadaan ini disebabkan pemantauan oleh JKR Sabah terhadap kualiti kerja tidak dilaksanakan dengan teliti mengakibatkan kerja tidak dilaksanakan dengan sempurna.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Bagi Skim Pembetungan Tanjung Aru, projek belum selesai dan kontraktor telah diarahkan membaiki kecacatan terhadap mana-mana kerja yang tidak memuaskan.

Pada pendapat Audit, kualiti pembinaan projek pembetungan adalah kurang memuaskan kerana terdapat kerja pembinaan yang tidak berkualiti dan tidak mengikut spesifikasi.

1.5.7. Kemudahan Sludge Drying Bed dan Pondok Pengawal Tidak Digunakan

- a. Proses rawatan biologi menghasilkan kuantiti enap cemar (*sludge*) yang perlu dirawat sebelum dibuang. Enap cemar yang telah dirawat adalah selamat untuk dilupuskan atau diguna semula dan akan diletakkan di kemudahan pengeringan iaitu *sludge drying bed* untuk proses pengeringan (*dewatering*).

- b. Skim Pembetungan Kota Kinabalu Fasa 1 telah disiapkan pada 31 Januari 2013 dan Loji Rawatan Kumbahan (LRK) dengan kapasiti 75,000PE telah beroperasi. Kemudahan *sludge drying bed* telah dibina di *Regional Sewage Treatment Plant (RSTP) KK South* semasa pelaksanaan Skim Pembetungan Kota Kinabalu Fasa 1. Pemeriksaan Audit mendapati, *sludge drying bed* ini tidak digunakan dan telah ditumbuhki rumput sejak 31 Januari 2013. Berdasarkan Senarai Kuantiti Skim Pembetungan Kota Kinabalu Fasa 1 item 7.1, *225mm thick brickwall to sand drying beds*, nilai *sludge drying bed* ditetapkan secara *lump sum* dengan amaun RM21,600. *Sludge Drying Bed* tersebut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 1.11



*RSTP KK South, Kota Kinabalu
- Sludge Drying Bed Tidak Digunakan
Telah Ditumbuhki Rumput
(04.10.2016)*

GAMBAR 1.12



*RSTP KK South, Kota Kinabalu
- Sludge Drying Bed Tidak Digunakan
Telah Ditumbuhki Rumput
(04.10.2016)*

- c. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati, pondok pengawal di Skim Pembetungan Kota Kinabalu Fasa 1 bernilai RM52,780 yang telah siap dibina pada tahun 2013 masih belum digunakan sehingga kini adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 1.13



*RSTP KK South, Kota Kinabalu
- Pondok Pengawal Tidak Digunakan
(22.11.2016)*

GAMBAR 1.14



*RSTP KK South, Kota Kinabalu
- Pondok Pengawal Tidak Digunakan
(22.11.2016)*

- d. *Sludge drying bed* tidak digunakan kerana LRK menerima kadar aliran *influen* (kumbahan mentah) di antara 25,000 hingga 30,000PE berbanding kapasiti 75,000PE yang tidak mencukupi untuk menghasilkan enap cemar. Manakala pondok pengawal tidak digunakan kerana operator yang bertugas syif 24 jam akan menjaga keselamatan LRK. *Sludge drying bed* dan pondok pengawal yang

tidak digunakan mengakibatkan Kerajaan mengalami kerugian kerana kemudahan yang disediakan tidak dimanfaatkan dengan serta merta.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Di bawah Skim Pembetungan Tanjung Aru, terdapat skop kerja penyambungan house connection dan dijangka influen yang masuk ke RSTP Kota Kinabalu South di antara 70,000 hingga 100,000PE. Sludge drying bed ini akan dimanfaatkan selepas Skim Pembetungan Tanjung Aru beroperasi kelak bagi mengelakkan pembaziran. Oleh itu, arahan telah dikeluarkan untuk menyenggara sludge drying bed tersebut dengan membuat pembersihan dan membaiki kerosakan. Bagi pondok pengawal, pelantikan pengawal tidak dibuat untuk menjimatkan kos kerana loji belum beroperasi sepenuhnya dan keadaan masih terkawal. Oleh itu, sistem keselamatan loji hanya menggunakan khidmat operator.

Pada pendapat Audit, pengurusan loji rawatan kumbahan adalah memuaskan kecuali bagi kemudahan *sludge drying bed* dan pondok pengawal yang tidak digunakan mengakibatkan objektif asal pembinaan loji rawatan kumbahan tidak tercapai sepenuhnya.

1.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan projek pembetungan dilaksanakan dengan cekap, teratur dan mencapai matlamat yang ditetapkan, JKR Sabah disyorkan mengambil langkah berikut:

- 1.6.1. melaksanakan perancangan pelan pembangunan projek pembetungan dengan teliti daripada segi pematuhan kepada kehendak-kehendak Seksyen 34 (A) Akta Alam Sekeliling 1974 seperti *Environmental Impact Assessment* (EIA) dan menyelesaikan proses pewartaan dan pengusiran setinggan sebelum projek dimulakan bagi mengelakkan tambahan masa yang akan melewatkkan penyiapan projek;
- 1.6.2. memastikan kontrak ditandatangani mengikut tempoh yang ditetapkan, lanjutan masa diluluskan dengan permohonan bertulis oleh pihak kontraktor dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa serta bayaran interim dibuat mengikut tempoh ditetapkan bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara; dan
- 1.6.3. melaksanakan pemantauan dengan teliti bagi mengelakkan kualiti kerja yang tidak sempurna dan menggunakan kemudahan loji rawatan kumbahan secara optimum.

JABATAN MUZIUM NEGERI SABAH

2. PENGURUSAN PROJEK-PROJEK MUZIUM

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Jabatan Muzium Negeri Sabah (JMNS) bertanggungjawab memelihara khazanah warisan budaya, sejarah dan alam semula jadi di Negeri Sabah. Setakat 31 Disember 2016, sebanyak tujuh buah muzium, sebuah galeri dan empat tempat bersejarah telah dibuka di daerah Kota Kinabalu, Penampang, Sandakan, Semporna, Kinabatangan, Keningau, Ranau dan Tenom. Manakala, koleksi terkumpul yang disimpan adalah berjumlah 2,220,838 yang terdiri daripada koleksi kebudayaan, koleksi semula jadi, koleksi sejarah serta koleksi sains dan teknologi. Bagi tahun 2014 hingga 2016, JMNS telah berjaya mengutip hasil berjumlah RM1.50 juta melalui caj bayaran menyebarkan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pameran, program-program pendidikan masuk ke muzium. Manakala, seramai 962,555 orang pelawat telah mengunjungi muzium bagi tempoh yang sama.

2.1.2. Antara objektif JMNS adalah menjalankan kerja-kerja pengumpulan, pemuliharaan dan pengekalan sejarah, budaya dan alam semula jadi serta pengembangan muzium. Sehubungan itu, pembinaan dan naik taraf prasarana muzium dilaksanakan bagi memudahkan proses pengumpulan, pemeliharaan dan mendokumentasikan koleksi dan spesimen warisan budaya, sejarah dan alam semula jadi Negeri Sabah. Pada tahun 2014 hingga 2015, JMNS telah siap melaksanakan dua projek pembinaan dan dua projek naik taraf prasarana muzium dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM4.95 juta seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.1
SENARAI PROJEK-PROJEK MUZIUM BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2015**

BIL.	PROJEK	AGENSI PELAKSANA	KOS (RM Juta)	TAHUN SIAP
1.	Projek Pembinaan Repotori Koleksi Muzium	Jabatan Kerja Raya	2.47	2015
2.	Menaik Taraf Galeri-galeri Kompleks Muzium Sabah	JMNS	1.60	2015
3.	Pembangunan Prasarana Muzium Tun Sakaran	JMNS	0.60	2014
4.	Menaik Taraf Fasiliti Pelancongan Muzium Tamadun Islam	JMNS	0.28	2014
JUMLAH			4.95	

Sumber: JMNS

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai pengurusan projek-projek muzium dirancang, diurus serta dilaksanakan dengan ekonomi, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif projeknya.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini melibatkan empat buah projek yang telah siap di daerah Kota Kinabalu dan Semporna bagi tempoh tiga tahun iaitu dari tahun 2014 hingga 2016. Manakala, pengauditan yang dilaksanakan adalah meliputi tatacara perolehan, pelaksanaan dan pencapaian objektif projek.

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan mendapatkan maklumat awal melalui taklimat oleh pegawai JMNS semasa *Entrance Conference*, membuat semakan serta menganalisis maklumat serta data daripada fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen lain yang berkaitan. Lawatan fizikal dan temu bual dengan pegawai bertanggungjawab turut dijalankan.

2.5. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga bulan Disember 2016 terhadap pengurusan projek-projek muzium adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan pengurusan di peringkat Jabatan seperti berikut:

- i. tatacara perolehan bagi empat projek tidak dipatuhi;
- ii. pembinaan kantin dan kedai cenderamata bagi projek Pembangunan Prasarana Muzium Tun Sakaran tidak mengikut pelan dalam kontrak;
- iii. sebanyak 14 daripada 197 atau 7.1% kelengkapan dan perabot dengan kos berjumlah RM60,400 tidak dibekalkan bagi dua daripada empat projek; dan
- iv. sebuah Pusat Repositori bernilai RM2.47 juta belum digunakan serta sebuah kantin dan kedai cenderamata dengan kos sejumlah RM258,000 belum beroperasi sejak diserahkan pada tahun 2015 dan 2014.

Perkara yang ditemui dan maklum balas JMNS telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 26 Januari 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

2.5.1. Prestasi Pencapaian Fizikal dan Kewangan Projek

2.5.1.1. Jabatan Muzium Negeri Sabah (JMNS) telah membelanjakan peruntukan daripada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan empat projek dengan kos keseluruhan berjumlah RM4.95 juta seperti jadual berikut:

JADUAL 2.2
SENARAI PROJEK-PROJEK MUZIUM DI NEGERI SABAH

BIL.	PROJEK	AGENSI PELAKSANA	KOS DIPOHON (RM Juta)	PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR SEHINGGA 31.12.2016 (RM Juta)	TARIKH MULA	TARIKH PATUT SIAP	TARIKH SEBENAR SIAP
1.	Projek Pembinaan Repotori Koleksi Muzium	Jabatan Kerja Raya	2.45	2.45	2.47	08.05.2012	07.05.2013	30.09.2015
2.	Pembangunan Prasarana Muzium Tun Sakaran	JMNS	0.60	0.60	0.60	02.05.2014	02.12.2014	11.11.2014
3.	Menaik Taraf Fasiliti Pelancongan Muzium Tamadun Islam	JMNS	0.28	0.28	0.28	20.05.2014	20.12.2014	01.10.2014
4.	Menaik Taraf Galeri-galeri Kompleks Muzium Sabah	JMNS	1.60	1.60	1.60	17.06.2014	17.10.2015	31.12.2015
JUMLAH			4.93	4.93	4.95			

Sumber: JMNS

2.5.1.2. **Jadual 2.2** menunjukkan prestasi kewangan dan tarikh siap bagi empat projek pembinaan JMNS iaitu untuk membina sebuah pusat repositori koleksi muzium dan prasarana muzium dengan kos sejumlah RM3.07 juta serta dua projek naik taraf fasiliti serta galeri muzium bernilai RM1.88 juta. Pemeriksaan Audit mendapati dua daripada empat projek yang dilaksanakan telah siap mengikut jadual iaitu projek Pembangunan Prasarana Muzium Tun Sakaran dan projek Menaik Taraf Fasiliti Pelancongan Muzium Tamadun Islam. Manakala, Projek Pembinaan Repositori Koleksi Muzium dan projek Menaik Taraf Galeri-galeri Kompleks Muzium Sabah lewat siap daripada jadual asal dengan masing-masing telah mendapat kelulusan perlanjutan masa sebanyak lima kali selama 876 hari dan dua kali selama 73 hari. Selain itu, didapati perbelanjaan bagi Projek Pembinaan Repositori Koleksi Muzium telah melebihi siling peruntukan sejumlah RM16,340.

Maklum Balas JMNS yang Diterima Pada 6 Februari 2017

Peruntukan tambahan bagi lebihan perbelanjaan ini telah dipersetujui dalam mesyuarat Pemantauan Projek di peringkat Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar serta mesyuarat Bajet di peringkat Kementerian Kewangan Negeri Sabah. Selain itu, pertambahan peruntukan ini telah dimasukkan dalam State Project Information System (SPINS). Pihak Jabatan turut memaklumkan surat permohonan untuk

penyemakan siling peruntukan telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri pada 31 Januari 2017.

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian fizikal dan kewangan projek-projek muzium adalah baik kerana 100% projek telah siap dilaksanakan dan 100% peruntukan telah dibelanjakan.

2.5.2. Tatacara Perolehan Kerja

2.5.2.1. Semua agensi Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk memastikan perolehan Kerajaan dilaksanakan dengan mematuhi peraturan kewangan dan pekeliling yang berkuat kuasa. Lampiran 2, Perkara 181 dalam Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil.18 Tahun 2009 menyatakan kerja yang dianggarkan bernilai melebihi RM250,000 hendaklah dipelawa secara tender dan Arahan Perbendaharaan 172 hendaklah dipatuhi manakala Lampiran 1, Perkara 22 dalam surat pekeliling yang sama menjelaskan pengecualian daripada mana-mana peraturan kewangan yang ditetapkan hendaklah mendapat kelulusan bertulis daripada Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan Negeri Sabah (MOF) terlebih dahulu. Manakala, Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 2 Tahun 1995 menyatakan Lembaga Tawaran Negeri dibuat di peringkat MOF yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap MOF selaku Pegawai Kewangan Negeri. Arahan Perbendaharaan 168 pula menyatakan sebarang pengecualian daripada mana-mana peraturan yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan hendaklah mendapat kelulusan daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

2.5.2.2. Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KPKAS) serta JMNS telah mengemukakan kepada MOF maklumat empat projek berkenaan termasuklah cadangan pelantikan kontraktor untuk pertimbangan kelulusan tender. Semakan Audit mendapati MOF telah memberikan kelulusan pengecualian daripada tatacara tender bagi keempat-empat projek berkenaan dengan justifikasi pelantikan kontraktor adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.3
JUSTIFIKASI PELANTIKAN KONTRAKTOR BAGI EMPAT PROJEK MUZIUM**

BIL.	TAJUK PROJEK	KAEDAH PELANTIKAN KONTRAKTOR	KOS PROJEK (RM Juta)	JUSTIFIKASI PELANTIKAN KONTRAKTOR
1.	Pembinaan Pusat Repozitori Koleksi Muzium Sabah	Pengecualian Tender*	2.47	Pemilihan selaras dengan AP 168 dan kontraktor berdaftar dengan CIDB dan PUKONSA yang mempunyai lesen niaga, kelayakan akademik, kedudukan kewangan, kenderaan dan buruh.
2.	Projek Menaik Taraf Fasiliti Pelancongan di Muzium Tamadun Islam Sabah, Kompleks Muzium Sabah	Pengecualian Tender*	0.28	Pemilihan selaras dengan AP 168 dan kontraktor berdaftar dengan CIDB dan PUKONSA yang mempunyai lesen niaga, kelayakan akademik, kedudukan kewangan, kenderaan dan buruh.

BIL.	TAJUK PROJEK	KAEDAH PELANTIKAN KONTRAKTOR	KOS PROJEK (RM Juta)	JUSTIFIKASI PELANTIKAN KONTRAKTOR
3.	Pembangunan Prasarana di Muzium Tun Sakaran Semporna	Pengecualian Tender**	0.60	Mempunyai profail kerja yang efisien, berkesan, berkebijakan terhadap kakitangannya serta proaktif meningkatkan keberkesanan pelaksanaan projek.
4.	Projek Menaik Taraf Galeri-galeri Pameran Kompleks Muzium Sabah	Pengecualian Tender*	1.60	Pemilihan selaras dengan AP 168 dan kontraktor berdaftar dengan CIDB dan PUKONSA yang mempunyai lesen niaga, kelayakan akademik, kedudukan kewangan, kenderaan dan buruh.

Sumber: JMNS

Nota: * - Kontraktor Dicadangkan oleh Pihak MOF

** - Kontraktor Dicadangkan oleh Pihak JMNS

2.5.2.3. Pemeriksaan Audit mendapati Kerajaan Negeri Sabah tidak ada garis panduan khusus mengenai syarat dan prosedur pengecualian daripada tatacara perolehan. Pihak Audit juga tidak dapat memastikan sama ada perbandingan harga dan kajian pasaran telah dibuat oleh JMNS kerana tidak ada rekod berkaitan dikemukakan untuk semakan. Kesan daripada perolehan tidak dibuat melalui tender, wujud risiko Kerajaan tidak mendapat harga projek yang paling menguntungkan serta berpatutan atau *best value for money*. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada Kerajaan telah memperolehi *best value for money* bagi kesemua empat projek berkenaan.

2.5.2.4. Pelantikan Kontraktor

- PK 7.13 menyatakan pengecualian daripada tatacara perolehan Kerajaan iaitu perolehan secara rundingan terus boleh diluluskan apabila sesuatu perolehan memenuhi kriteria seperti keperluan mendesak, bagi maksud penyeragaman, satu punca bekalan/perkhidmatan (pembuat/ pemegang francais), melibatkan keselamatan/ strategik atau kontrak dengan syarikat pembuat bumiputera. Semakan Audit mendapati Kerajaan Negeri Sabah tidak ada mengeluarkan garis panduan mengenai rundingan terus tetapi pengecualian daripada tatacara perolehan Kerajaan boleh diluluskan setelah mendapat kelulusan bertulis daripada Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan Negeri Sabah (MOF) seperti mana yang telah dinyatakan dalam Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil.18 Tahun 2009 dan Arahan Perbendaharaan 168.
- Empat projek berkenaan telah mendapat kelulusan pengecualian tender daripada MOF di mana terdapat syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh Jabatan sebelum projek dilaksanakan seperti skop kerja/ spesifikasi dan dokumen tender telah disediakan, kos adalah munasabah, berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dan Lembaga Pembangunan Industri dan Pembinaan Malaysia (CIDB) serta peruntukan tersedia. Pemeriksaan Audit mendapati

syarat seperti penyediaan skop kerja/ spesifikasi dan dokumen, kos adalah munasabah, peruntukan tersedia telah dipatuhi kecuali pendaftaran kontraktor dengan PUKONSA dan CIDB. Pihak Audit mendapati tiga daripada empat kontraktor yang dilantik adalah sah berdaftar dengan PUKONSA dan CIDB dalam bidang yang bersesuaian manakala satu kontraktor tidak berdaftar dengan PUKONSA. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.4
SYARAT PEMILIHAN KONTRAKTOR BAGI EMPAT PROJEK MUZIUM**

BIL.	TAJUK PROJEK	PUKONSA			CIDB		
		BERDAFTAR	BIDANG SESUAI	SAH TEMPOH	BERDAFTAR	BIDANG SESUAI	SAH TEMPOH
1.	Pembinaan Pusat Repozitori Koleksi Muzium Sabah	/	/	/	/	/	/
2.	Projek Menaik Taraf Fasiliti Pelancongan di Muzium Tamadun Islam Sabah, Kompleks Muzium Sabah	/	/	/	/	/	/
3.	Pembangunan Prasarana di Muzium Tun Sakaran Semporna	X	X	X	/	/	/
4.	Projek Menaik Taraf Galeri-galeri Pameran Kompleks Muzium Sabah	/	/	/	/	/	/

Sumber: JMNS

Nota: / - Ya; X - Tidak

- c. Pihak JMNS menyatakan kontraktor berkenaan mempunyai Sijil Perolehan Kerajaan (SPK) yang dikeluarkan oleh CIDB dan beranggapan SPK tersebut merupakan Sijil PUKONSA. Kesan daripada syarat pelantikan kontraktor tidak dipatuhi menyebabkan kontraktor yang memenuhi syarat sijil CIDB dan PUKONSA tidak mendapat peluang untuk ditawarkan kontrak Kerajaan.

Pada pendapat Audit, pemilihan kontraktor adalah baik kerana mematuhi kriteria/syarat pemilihan kontraktor kecuali satu tidak dipatuhi.

2.5.2.5. Rujukan Kepada Jabatan Teknik

- a. AP182.1(a) dan (b) menyatakan semua Jabatan bukan teknik hendaklah mendapatkan perkhidmatan daripada Jabatan Teknik (Jabatan Kerja Raya atau Jabatan Pengairan dan Saliran) atau menggunakan perkhidmatan perunding bagi melaksanakan semua projek kerja tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
- b. Semakan Audit terhadap komponen projek dalam Pembangunan Prasarana Muzium Tun Sakaran yang dilaksanakan secara *design and build* adalah membina sebuah kantin dan kedai cenderamata dengan kos sejumlah RM258,000. Berdasarkan pemeriksaan Audit, pihak JMNS tidak

mendapatkan perkhidmatan daripada pihak Jabatan Kerja Raya atau perunding bagi projek yang melibatkan pembinaan kantin serta kedai cenderamata berkenaan. Kesan projek yang tidak dirujuk kepada Jabatan Teknik boleh menyebabkan risiko kecacatan projek berlaku kerana tidak mendapat ulasan teknikal.

Maklum Balas JMNS yang Diterima Pada 6 Februari 2017

Projek berkenaan tidak dirujuk kepada Jabatan Teknik atau perunding lain kerana kontraktor yang dilantik menggunakan perkhidmatan perundingnya sendiri.

Maklum Balas MOF yang Diterima Pada 17 Februari 2017

Pihak kontraktor adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap projek yang dilaksanakan secara design and build termasuklah pelantikan juruperunding.

Maklum Balas Jabatan Kerja Raya Sabah yang Diterima Pada 21 Februari 2017

Amalan biasa bagi Jabatan-jabatan Bukan Teknik adalah terlebih dahulu merujuk kepada Jabatan Teknik di mana Jabatan Bukan Teknik akan melantik Jabatan Teknik sekiranya Jabatan Teknik bersedia dan mampu untuk melaksanakan projek berkenaan. Manakala, Jabatan Bukan Teknik boleh melaksanakan sesuatu projek sekiranya Jabatan Teknik tidak mampu atau tidak bersedia.

Pada pendapat Audit, pembinaan kantin dan kedai cenderamata adalah kurang memuaskan kerana tidak dirujuk kepada Jabatan Teknik atau perunding.

2.5.2.6. Pengurusan Kontrak

Agensi hendaklah memastikan pentadbiran kontrak dibuat dengan terperinci bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan urusan pelaksanaan perolehan kerja. Kontrak yang ditandatangani antara pihak Kerajaan dan kontraktor perlu mempunyai Bon Pelaksanaan, Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP), butiran kerja yang terperinci, bayaran interim, perlanjutan tempoh kontrak, perubahan kerja dan lain-lain. Semakan Audit mendapati Bon Pelaksanaan/WJP, bayaran interim dan perlanjutan tempoh kontrak telah dipatuhi kecuali perkara seperti berikut:

a. Butiran Kerja Tidak Dinyatakan Secara Terperinci

- i. Butiran kerja atau *Bill Of Quantities* (BQ) merupakan spesifikasi kerja yang perlu dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang mengandungi perincian kerja, kuantiti, *layout plan*, saiz dan kos. Semakan Audit mendapati BQ bagi tiga daripada empat atau 75% projek tidak dinyatakan secara terperinci seperti jadual berikut:

JADUAL 2.5

BIL.	BUTIRAN KERJA	KUANTITI	KOS (RM)	JENIS BUTIRAN KERJA YANG TIDAK DINYATAKAN SECARA TERPERINCI
PEMBANGUNAN PRASARANA DI MUZIUM TUN SAKARAN SEMPORNA				
1.	5. Landscaping Work			
	iii). To build one shelter 'Wakaf' with local design.	1	100,000 (LS)	Ukuran tinggi, panjang dan lebar wakaf tidak dinyatakan dalam BQ.
PROJEK MENAIK TARAF FASILITI PELANCONGAN DI MUZIUM TAMADUN ISLAM SABAH, KOMPLEKS MUZIUM SABAH				
2.	1. Pembinaan bilik kaunter tiket lengkap dengan meja pasang siap, tingkap cermin 'sliding' dan gril tingkap dan pintu 'solid door.'	1	53,000	Ukuran tinggi, panjang dan lebar kaunter tidak dinyatakan dalam BQ.
	2. Pembinaan bilik kaunter barang lengkap dengan meja dan almari penyimpanan barang pasang siap tingkap cermin 'sliding' dan pintu 'solid door.'	1	55,000	Ukuran tinggi, panjang dan lebar kaunter tidak dinyatakan dalam BQ.
	3. Pembinaan bilik kaunter pengawal keselamatan lengkap dengan meja pasang siap tingkap cermin 'sliding' dan pintu 'solid door.'	1	50,000	Ukuran tinggi, panjang dan lebar kaunter tidak dinyatakan dalam BQ.
PROJEK MENAIK TARAF GALERI-GALERI PAMERAN KOMPLEKS MUZIUM SABAH				
3.	B. Busana Gallery Supply And Install Conversion Tools			
	C. Gaya Lokomotif			
	5. Television Plasma (TV, 3 unit)	3	13,000 (LS)	Saiz (inci) televisyen tidak dinyatakan dalam BQ.
	9. Air conditioning	X	10,000 (LS)	Kuasa (HP) dan kuantiti alat penghawa dingin tidak dinyatakan dalam BQ.
	12. Audio Visual Room	X	40,000 (LS)	Ukuran tinggi, panjang dan lebar tidak dinyatakan dalam BQ.
	16. Supplying and installing furniture	X	35,000 (LS)	Jenis (kayu, besi atau leather) dan kuantiti perabot yang dibekalkan tidak dinyatakan dalam BQ.

Sumber: JMNS

Nota: X - Tidak Dinyatakan

LS - Lump Sum

- ii. **Jadual 2.5** menunjukkan BQ yang dinyatakan dalam kontrak adalah tidak jelas dan tidak terperinci seperti ukuran tinggi, panjang dan lebar bagi wakaf, kaunter, *audio visual room* tiada dinyatakan. Manakala, kuantiti, kuasa dan jenis bagi lampu, alat penghawa dingin serta perabot tidak dinyatakan secara terperinci dalam BQ.

- iii. Kesan daripada penyediaan BQ yang tidak jelas menyebabkan pengesahan dan pemantauan kerja siap oleh pihak JMNS sukar dibuat kerana butiran kerja adalah tidak jelas.

Maklum Balas JMNS yang Diterima Pada 6 Februari 2017

Spesifikasi kerja dalam kontrak tidak disediakan dengan terperinci adalah disebabkan oleh faktor berikut:

- a. *Projek Pembangunan Prasarana Di Muzium Tun Sakaran Semporna - Pengukuran hanya dibuat di lapangan kerana ia melibatkan kerja landskap yang pelbagai seperti pembinaan wakaf, pemasangan lampu taman, penimbusan tanah dan penanaman rumput.*
- b. *Projek Menaik Taraf Fasiliti Pelancongan Di Muzium Tamadun Islam, Kompleks Muzium Sabah - Memandangkan pembinaan kaunter dan pemasangan almari dibuat secara built-in, maka pengukuran saiz dan pemasangan dibuat di lapangan mengikut rupa bentuk kaunter berkenaan.*
- c. *Projek Menaik Taraf Galeri-galeri Pameran Kompleks Muzium Sabah - Perincian mengenai saiz televisyen, jumlah dan kuasa kuda alat penghawa dingin tidak disediakan kerana ia tertakluk kepada saiz dan jenis artifak yang diperagakan.*

Pada pendapat Audit, penyediaan BQ kontrak adalah kurang memuaskan kerana BQ bagi tiga daripada empat projek berkenaan tidak jelas dan tidak terperinci.

b. Arahan Perubahan Kerja

- i. AP202.2 menyatakan sebarang Arahan Perubahan Kerja (APK) hendaklah diluluskan oleh Pegawai Penguasa. Semakan Audit mendapati dua daripada empat projek yang dilaksanakan mempunyai perubahan kerja dalam kontrak iaitu projek Pembinaan Pusat Repotori Koleksi Muzium Sabah dan projek Pembangunan Prasarana Di Muzium Tun Sakaran Semporna. APK telah diluluskan oleh Pegawai Penguasa bagi projek Pembinaan Repotori Koleksi Muzium manakala tiada kelulusan Pegawai Penguasa mengenai APK bagi projek Pembangunan Prasarana Di Muzium Tun Sakaran Semporna. Senarai projek yang mendapat APK oleh Pegawai Penguasa adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.6
SENARAI PROJEK YANG
MENDAPAT KELULUSAN APK OLEH PEGAWAI PENGUASA

BIL.	PROJEK	AGENSI PELAKSANA	KOS (RM Juta)	KELULUSAN APK OLEH PEGAWAI PENGUASA
1.	Projek Pembinaan Repositori Koleksi Muzium	Jabatan Kerja Raya	2.47	Diluluskan
2.	Menaik Taraf Galeri-galeri Kompleks Muzium Sabah	JMNS	1.60	Tidak Berkенаan
3.	Pembangunan Prasarana Muzium Tun Sakaran	JMNS	0.60	Tidak Ada
4.	Menaik Taraf Fasiliti Pelancongan Muzium Tamadun Islam	JMNS	0.28	Tidak Berkenaan
JUMLAH			4.95	

Sumber: JMNS

- ii. Pihak JMNS memaklumkan APK bagi kerja Pembangunan Prasarana Muzium Tun Sakaran hanya dibuat secara lisan dengan pihak kontraktor dan menyatakan tiada perbelanjaan tambahan atas perubahan kerja yang dilaksanakan. Kesan APK tidak dibuat secara bertulis dan tidak mendapat kelulusan daripada Pegawai Penguasa boleh menyebabkan kepentingan Kerajaan terjejas.

Pada pendapat Audit, pematuhan AP202.2 adalah tidak teratur kerana satu projek tidak mendapat kelulusan APK daripada Pegawai Penguasa.

2.5.2.7. Wang Jaminan Pelaksanaan

Klausula 37(d) dalam kontrak ada menyatakan *The Performance Bond (or any balance thereof remaining for the credit of the Contractor) may be released or refunded to the Contractor on the Completion of making goods of all defects, shrinkages or other faults which may appear during the Defects Liability Period and upon the giving of the Certificate Of Completion of Making Good Defects for the whole of the Works.* Semakan Audit mendapati pihak JMNS belum mengembalikan wang jaminan pelaksanaan berjumlah RM14,025 kepada satu kontraktor selepas tempoh kecacatan tamat pada 11 November 2015.

Maklum Balas JMNS yang Diterima Pada 6 Februari 2017

Pihak JMNS telah mengembalikan wang jaminan kepada kontraktor berkenaan pada 23 Januari 2017 melalui baucar No.000015/144.

Pada pendapat Audit, pengembalian wang jaminan oleh Jabatan adalah kurang memuaskan kerana wang jaminan lewat dikembalikan kepada kontraktor iaitu melebihi satu tahun selepas tempoh kecacatan tamat.

2.5.3. Pelaksanaan Projek-projek Muzium

Pelaksanaan setiap projek hendaklah dibuat mengikut butiran kerja, spesifikasi dan pelan yang telah diluluskan dalam kontrak. Lawatan Audit pada bulan November dan Disember 2016 di daerah Semporna dan Kota Kinabalu mendapati tiga daripada empat projek tidak dilaksanakan mengikut kontrak iaitu projek Pembangunan Prasarana Di Muzium Tun Sakaran Semporna, projek Pembinaan Repozitori Koleksi Muzium Sabah dan projek Menaik Taraf Galeri-galeri pameran Kompleks Muzium. Penjelasan lanjut adalah seperti di perenggan berikut:

2.5.3.1. Pemasangan Tangga dan Lantai Bagi Kantin dan Kedai Cenderamata Tidak Mengikut Pelan Dalam Kontrak

- a. Klaus 4 dalam kontrak menyatakan *The Contractor shall upon and subject to these Conditions construct and complete the Works shown upon the Contract Drawings and described by or referred to in the Specification and in the Articles of Agreement and these Conditions in compliance therewith, using materials, goods and workmanship of quality and standards therein specified.* Hasil lawatan Audit pada bulan November di Muzium Tun Sakaran, Semporna bagi kerja pembangunan prasarana adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.7
KERJA PEMBANGUNAN PRASARANA DI MUZIUM
TUN SAKARAN SEMPORNA YANG TIDAK MENGIKUT PELAN DALAM KONTRAK**


BIL.	BUTIRAN KERJA MENGIKUT KONTRAK	KOS (RM)	HASIL LAWATAN FIZIKAL AUDIT
<i>To Construct New Building For Canteen / Souvenir Shop (Refer to plan attached).</i>			
1.	Merujuk kepada pelan Pandangan Keratan B-B dan Pandangan Keratan A-A, tangga berserta dengan <i>hand rails</i> dibina sebagai laluan masuk ke bangunan. Rujuk Pelan 2.1.	258,000 <i>(Lump sum)</i>	Tangga berserta dengan <i>hand rails</i> telah digantikan dengan lorong simen berjubin. Rujuk Gambar 2.1.
2.	Merujuk kepada pelan Pandangan Lantai, lantai kayu dipasang pada bangunan. Rujuk Pelan 2.2.		Lantai kayu telah digantikan dengan lantai simen berjubin. Rujuk Gambar 2.2.

Sumber: JMNS

- b. Pihak Audit mendapati pihak JMNS tidak membuat kajian awal mengenai kesesuaian struktur pembinaan bagi kantin dan kedai cenderamata berkenaan dan tidak ada Arahan Perubahan Kerja diluluskan oleh Pegawai Pengguna. Bagaimanapun, pihak JMNS memaklumkan pelaksanaan perubahan kerja berkenaan tidak melibatkan perubahan kos asal projek.


Kesan daripada kerja tidak dilaksanakan mengikut pelan dalam kontrak menyebabkan risiko kerugian kepada Kerajaan kerana tidak mendapat *value for money*.

PELAN 2.1 PELAN KERATAN B-B DAN KERATAN A-A



Sumber: JMNS

PELAN 2.2 PELAN PANDANGAN LANTAI



Sumber: JMNS

GAMBAR 2.1



Muzium Tun Sakaran, Semporna
- Kerja Tidak Mematuhi Spesifikasi Kontrak
(30.11.2016)

GAMBAR 2.2



Muzium Tun Sakaran, Semporna
- Kerja Tidak Mematuhi Spesifikasi Kontrak
(30.11.2016)

Maklum Balas JMNS yang Diterima Pada 6 Februari 2017

Tangga berserta dengan hand rails telah digantikan dengan lorong simen berjubin untuk kemudahan golongan kurang upaya. Manakala, lantai kayu digantikan dengan lantai simen berjubin adalah disebabkan risiko lantai kayu dimakan anai-anai dalam jangka masa pendek.

Pada pendapat Audit, kerja pembinaan kantin dan kedai cenderamata adalah kurang memuaskan kerana spesifikasi kerja dalam kontrak tidak dipatuhi.

2.5.3.2. Kelengkapan dan Perabot Tidak Dibekalkan

- Barang hendaklah dibekalkan mengikut kontrak dan diperakui pembekalan adalah sempurna sebelum pembayaran dibuat. Selain itu, Arahan Perbendaharaan 99(e)(ii) menyatakan sesuatu bayaran kemajuan kerja hendaklah diperakurkan mengikut nilai kerja setakat mana yang dilaksanakan atau nilai bahan-bahan yang sebenarnya telah dibekalkan. Manakala, Arahan Perbendaharaan 102(a) menyatakan tandatangan seseorang Pegawai Pengawal atau wakilnya yang diberi kuasa adalah memperakui tentang betulnya setiap butiran dalam baucar itu.
- Lawatan Audit pada bulan Disember 2016 bersama-sama dengan pegawai JMNS mendapati sebanyak 7.1% kelengkapan dan perabot tidak dibekalkan yang melibatkan dua daripada empat projek seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.8
JUMLAH KELENGKAPAN DAN PERABOT
YANG SEPATUTNYA DAN SEBENAR DIBEKALKAN**

BIL.	PROJEK	JUMLAH KELENGKAPAN DAN PERABOT YANG SEPATUTNYA DIBEKALKAN		JUMLAH SEBENAR		
		KUANTITI	KOS (RM Juta)	JUMLAH KELENGKAPAN DAN PERABOT YANG DIBEKALKAN	JUMLAH KELENGKAPAN DAN PERABOT YANG TIDAK DIBEKALKAN	
1.	Projek Pembinaan Repozitori Koleksi Muzium Sabah	117	0.62	104	0.58	13
2.	Menaik Taraf Galeri-galeri Kompleks Muzium Sabah	50	0.14	49	0.12	1
3.	Pembangunan Prasarana Muzium Tun Sakaran	20	0.19	20	0.19	0
4.	Menaik Taraf Fasiliti Pelancongan Muzium Tamadun Islam	10	0.19	10	0.19	0
JUMLAH		197	1.14	183	1.08	14
Sumber: JMNS						60,400

JADUAL 2.9
SENARAI KELENGKAPAN DAN PERABOT YANG TIDAK DIBEKALKAN

BIL.	BUTIRAN KERJA MENGIKUT KONTRAK	BILANGAN KELENGKAPAN DAN PERABOT YANG SEPATUTNYA DIBEKALKAN		BILANGAN SEBENAR KELENGKAPAN DAN PERABOT YANG TELAH DIBEKALKAN		BILANGAN SEBENAR KELENGKAPAN DAN PERABOT YANG TIDAK DIBEKALKAN	
		KUANTITI	KOS (RM)	KUANTITI	KOS (RM)	KUANTITI	KOS (RM)
PROJEK PEMBINAAN REPOSITORY KOLEKSI MUZIUM SABAH							
1.	<i>Variation Order Serial No.4 : Provisional Sum For Supply Of Loose Furniture</i>						
	<i>Laboratory Table (3'Hx6'Lx18"W) @ RM2,550 Per Unit.</i>	2	5,100	0	0	2	5,100
	<i>Laboratory Table 3 Layers Type (31"x20"Wx3'L) @ RM1,500 Per Unit.</i>	2	3,000	0	0	2	3,000
	<i>Office Table (2.5'x4') @ RM500 Per Unit.</i>	2	1,000	1	500	1	500
	<i>Stainless Lab Rack @ RM2,700 Per Unit.</i>	2	5,400	0	0	2	5,400
	<i>Laboratory Table 2 Layers Type (2'Hx3'Lx2.33'W) @ RM1,700 Per Unit.</i>	2	3,400	0	0	2	3,400
<i>Internal Services Item 4.5: B.Dehumidifier System</i>							
	<i>3.0. 24 Hours Switch Over Control Panel @ RM4,500 Per Unit.</i>	4	18,000	0	0	4	18,000
PROJEK MENAIK TARAF GALERI-GALERI PAMERAN KOMPLEKS MUZIUM							
2.	<i>Supply And Install Conversion Tools</i>						
	<i>33. Humidity (Thermogrometer, Thermometer & Hygrometer (3 in 1 @ 4 unit), Silica Gel 1 tin), UV Filter (36 tube), UV Monitor (1 unit) & Lux Meter (1 unit).</i>	1	25,000	0	0	1	25,000
JUMLAH		15	60,900	1	500	14	60,400

Sumber: JMNS

- c. Jadual 2.8 menunjukkan sebanyak 183 daripada 197 kelengkapan dan perabot atau 92.9% telah dibekalkan dengan nilai keseluruhan berjumlah RM1.14 juta. Manakala, Jadual 2.9 menunjukkan 14 kelengkapan dan perabot yang tidak dibekalkan terdiri daripada meja makmal, meja pejabat, rak makmal, control panel dan peralatan humidity yang bernilai RM60,400. Pemeriksaan Audit mendapati tempoh kecacatan telah tamat pada 29 September 2016 bagi Projek Pembinaan Repository Koleksi Muzium Sabah dan pada 31 Disember 2016 untuk projek Menaik Taraf Galeri-galeri Kompleks Muzium Sabah.
- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati bangunan pusat repositori berkenaan telah diserahkan oleh pihak kontraktor kepada pihak JMNS pada 27 November 2015 dengan kehadiran pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku agensi pelaksana bagi Projek Pembinaan Repository Koleksi Muzium Sabah. Berdasarkan surat Perakuan Penyerahan/Pengambilalihan Projek Siap yang bertarikh 27 November 2015 didapati meja makmal, meja pejabat,

rak makmal dan *24 hours switch over control panel* tidak diserahkan kepada pihak JMNS. Pemeriksaan Audit turut mendapati pembayaran telah dibuat oleh pihak JKR kepada pihak kontraktor pada 19 November 2014 bagi *24 hours switch over control panel* dan 15 Disember 2014 untuk meja makmal, meja pejabat dan rak makmal berkenaan. Manakala, peralatan *humidity* bagi projek Menaik Taraf Galeri-galeri Kompleks Muzium Sabah telah dibekalkan tetapi dikembalikan semula oleh pihak JMNS kepada pihak kontraktor pada 18 Disember 2015 kerana tidak menepati spesifikasi Jabatan tetapi pembayaran telah dibuat kepada pihak kontraktor pada 15 April 2016.

- e. Kesannya, risiko *improper payment* berlaku kerana pembayaran telah dibuat sedangkan kelengkapan dan perabot berkenaan tidak dibekalkan sehingga tempoh kecacatan tamat. Bagaimanapun, selepas teguran Audit dan lawatan susulan pada 14 Februari 2017, kelengkapan dan perabot berkenaan telah dibekalkan kecuali dua unit *stainless lab rack* bernilai RM5,400 dan empat unit *24 hours switch over control panel* bernilai RM18,000 bagi Projek Pembinaan Repozitori Koleksi Muzium Sabah serta sebahagian daripada peralatan *humidity* untuk projek Menaik Taraf Galeri-galeri Kompleks Muzium Sabah seperti empat unit *thermogrometer*, *thermometer* & *hygrometer (3 in 1)*, satu unit *UV monitor* dan satu unit *lux meter* dengan kos keseluruhan sejumlah RM14,704 belum dibekalkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.10
KELENGKAPAN DAN PERABOT YANG TELAH DIBEKALKAN SELEPAS TEGURAN AUDIT**

BIL.	BUTIRAN KERJA MENGIKUT KONTRAK	BILANGAN SEBENAR KELENGKAPAN DAN PERABOT YANG TIDAK DIBEKALKAN		BILANGAN SEBENAR KELENGKAPAN DAN PERABOT YANG TELAH DIBEKALKAN SELEPAS TEGURAN AUDIT DAN LAWATAN SUSULAN PADA 14.02.2017	
		KUANTITI	KOS (RM)	KUANTITI	KOS (RM)

PEMBINAAN REPOSITORY KOLEKSI MUZIUM SABAH

1.	<i>Variation Order Serial No.4 : Provisional Sum For Supply Of Loose Furniture</i>				
	<i>Laboratory Table (3'Hx6'Lx18"W) @ RM2,550 Per Unit.</i>	2	5,100	2	5,100
	<i>Laboratory Table 3 Layers Type (31"x20"Wx3'L) @ RM1,500 Per Unit.</i>	2	3,000	2	3,000
	<i>Office Table (2.5'x4') @ RM500 Per Unit.</i>	1	500	1	500
	<i>Stainless Lab Rack @ RM2,700 Per Unit.</i>	2	5,400	0	0
	<i>Laboratory Table 2 Layers Type (2'Hx3'Lx2.33'W) @ RM1,700 Per Unit.</i>	2	3,400	2	3,400
	<i>Internal Services Item 4.5: B.Dehumidifier System</i>				
	<i>3.0. 24 Hours Switch Over Control Panel @ RM4,500 Per Unit.</i>	4	18,000	0	0

BIL.	BUTIRAN KERJA MENGIKUT KONTRAK	BILANGAN SEBENAR KELENGKAPAN DAN PERABOT YANG TIDAK DIBEKALKAN		BILANGAN SEBENAR KELENGKAPAN DAN PERABOT YANG TELAH DIBEKALKAN SELEPAS TEGURAN AUDIT DAN LAWATAN SUSULAN PADA 14.02.2017	
		KUANTITI	KOS (RM)	KUANTITI	KOS (RM)
MENAIK TARAF GALERI-GALERI KOMPLEKS MUZIUM SABAH					
2.	<i>Supply And Install Conversion Tools</i> 33. Humidity(Thermogrometer, Thermometer & Hygrometer (3 in 1 @ 4 unit), Silica Gel 1 tin), UV Filter (36 tube), UV Monitor (1 unit) & Lux Meter (1 unit).	1	25,000	1	10,296
JUMLAH		14	60,400	8	22,296

Sumber: JMNS

- f. Lawatan susulan Audit pada 30 Mac 2017 mendapati *stainless lab rack* bernilai RM5,400 telah dibekalkan dan *24 hours switch over control panel* bernilai RM18,000 telah dipasang. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati *stainless lab rack* berkenaan tidak mengikut saiz ukuran dalam kontrak dan *24 hours switch over control panel* tidak berfungsi.

Maklum Balas JMNS yang Diterima Pada 9 Jun 2017

Thermogrometer, thermometer & hygrometer, UV monitor dan lux meter telah dibekalkan oleh pihak kontraktor pada 10 April 2017 manakala dua unit stainless lab rack telah dibekalkan semula oleh pihak kontraktor pada 22 Mei 2017.

Maklum Balas Jabatan Kerja Raya Sabah yang Diterima Pada 16 Mei 2017

24 hours switch over control panel boleh berfungsi apabila centralised dehumidifier dipasang pada masa hadapan oleh pihak JMNS. Pada masa sekarang, portable dehumidifier yang dibekalkan ke pusat repositori berkenaan berfungsi sepenuhnya tanpa menggunakan control panel berkenaan.

Pada pendapat Audit, kerja pembekalan kelengkapan dan perabot adalah kurang memuaskan kerana spesifikasi kerja dalam kontrak tidak dipatuhi serta *improper payment* berlaku kerana kelengkapan serta perabot bernilai RM60,400 tidak dibekalkan sehingga tempoh kecacatan tamat sedangkan pembayaran telah dibuat kepada pihak kontraktor.

2.5.4. Pencapaian Objektif Projek

Setiap projek pembinaan dan naik taraf yang dilaksanakan hendaklah digunakan mengikut objektif perolehan agar tidak menyebabkan pembaziran wang Kerajaan. Semakan Audit mendapati dua daripada empat projek yang telah siap dilaksanakan tetapi masih belum beroperasi dan digunakan mengikut objektif perolehan projek iaitu projek Pembangunan Prasarana Muzium Tun Sakaran dan Pembinaan Reposisori Koleksi Muzium Sabah. Butiran lanjut mengenai pencapaian objektif projek muzium adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.11
PENCAPAIAN OBJEKTIF PROJEK-PROJEK MUZIUM**

BIL.	PROJEK	OBJEKTIF PROJEK	KOS (RM Juta)	TARIKH SIAP	TARIKH SERAH	STATUS	CATATAN
1.	Projek Pembinaan Reposisori Koleksi Muzium	Sebagai pusat penyimpanan artifik/ spesimen yang sistematik yang mampu mempertingkatkan kerja-kerja pemunggahan, penyimpanan dan katalog artifik/spesimen.	2.47	30.09.2015	27.11.2015	Belum Digunakan	Tempoh tidak guna setakat 31 Mac 2017 adalah selama 16 bulan. Penjelasan lanjut adalah di perenggan 2.5.4.1.
2.	Menaik Taraf Galeri-galeri Kompleks Muzium Sabah	Untuk kemudahan dan keselesaan para pengunjung bagi mengetengahkan serta mempromosi warisan budaya, sejarah dan alam semula jadi Negeri Sabah.	1.60	31.12.2015	31.12.2015	Telah Digunakan	Tidak Berkenaan
3.	Pembangunan Prasarana Muzium Tun Sakaran (Melibatkan Pembinaan Kantin dan Kedai Cenderamata)	Pembinaan kantin dan kedai cenderamata adalah sebagai kemudahan untuk keselesaan pengunjung ke Muzium Tun Sakaran, Semporna.	0.26	01.10.2014	01.10.2014	Belum Digunakan	Tempoh tidak guna setakat 31 Mac 2017 adalah selama 30 bulan. Penjelasan lanjut adalah di perenggan 2.5.4.2.
4.	Menaik Taraf Fasiliti Pelancongan Muzium Tamadun Islam	Untuk kemudahan dan keselesaan para pengunjung di samping mempromosi warisan khazanah budaya dan sejarah Islam.	0.28	11.11.2014	11.11.2014	Telah Digunakan	Tidak Berkenaan
JUMLAH		4.61					

Sumber: JMNS

2.5.4.1. Bangunan Pusat Reposisori Tidak Digunakan

- a. JKR telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi projek Pembinaan Reposisori Koleksi Muzium Sabah bernilai RM2.47 juta sebagai tambahan kepada tempat penyimpanan koleksi serta spesimen organik dan bukan organik. Ini adalah disebabkan tempat penyimpanan koleksi sedia ada yang terletak di Kompleks Muzium Sabah tidak dapat menampung koleksi dan spesimen yang semakin bertambah. Pemeriksaan Audit mendapati

bangunan berkenaan siap dibina pada 30 September 2015 dengan tempoh kecatakan berakhir pada 29 September 2016. Manakala, bangunan berkenaan telah diserahkan oleh pihak kontraktor kepada pihak JMNS dengan kehadiran pihak JKR pada 27 November 2015.

- b. Bagaimanapun, didapati Sijil Layak Menduduki bagi bangunan berkenaan belum diperolehi dan pihak JKR telah menyusul semula dengan pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu pada 12 Oktober 2016. Lawatan Audit pada bulan Disember 2016 bersama-sama dengan pegawai JMNS mendapati bangunan pusat repositori berkenaan masih belum digunakan seperti di **Gambar 2.3** hingga **Gambar 2.5**. Selain itu, pihak JMNS turut memaklumkan pusat repositori berkenaan belum dapat digunakan kerana peruntukan *mobile compactor* tidak diluluskan dalam bajet mengurus JMNS oleh pihak MOF. Kesannya, pusat repositori berkenaan lewat dimanfaatkan oleh Jabatan.



GAMBAR 2.3

Repositori Koleksi Muzium Sabah, Kota Kinabalu
- Bangunan Pusat Repositori yang Belum Beroperasi
(07.12.2016)

GAMBAR 2.4



Repositori Koleksi Muzium Sabah, KK
- Tempat Penyimpanan Koleksi dan Spesimen
di Tingkat Bawah yang Masih Kosong
(07.12.2016)

GAMBAR 2.5



Repositori Koleksi Muzium Sabah, KK
- Tempat Penyimpanan Koleksi dan Spesimen
di Tingkat Satu yang Masih Kosong
(07.12.2016)

Maklum Balas JMNS yang Diterima Pada 6 Februari 2017

Pihak JMNS telah mengemukakan susulan permohonan Sijil Layak Menduduki kepada pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu pada 31 Januari 2017. Pihak JMNS turut menjelaskan pada awalnya peruntukan bagi perolehan mobile compactor telah dimasukkan dalam kos projek pembinaan pusat repositori berkenaan tetapi ditolak kerana ia perlu dipohon di bawah peruntukan perbekalan. Bagaimanapun, dalam bajet

tahun 2016 dan 2017 perolehan ini tidak diluluskan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

Maklum Balas Jabatan Kerja Raya Sabah yang Diterima Pada 13 April 2017

Surat susulan mengenai permohonan Sijil Layak Menduduki bangunan pusat repositori berkenaan telah dikemukakan kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu pada 10 April 2017.

Pada pendapat Audit, objektif pembinaan pusat repositori bernilai RM2.47 juta tidak tercapai kerana belum digunakan.

2.5.4.2. Kantin dan Kedai Cenderamata Tidak Digunakan

Antara komponen projek dalam Pembangunan Prasarana Muzium Tun Sakaran adalah membina sebuah kantin dan kedai cenderamata dengan kos sejumlah RM258,000 sebagai kemudahan untuk keselesaan pengunjung ke Muzium Tun Sakaran di Semporna. Semakan Audit mendapati projek berkenaan telah siap pada 1 Oktober 2014 dan pihak JMNS telah merancang untuk menyewakan kantin dan kedai cenderamata berkenaan kepada pengusaha kedai makanan dan kedai cenderamata di sekitar pekan Semporna. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati pihak JMNS belum mengambil tindakan untuk mempelawa tender penyewaan kantin dan kedai cenderamata kepada pihak luar yang berminat. Berdasarkan lawatan Audit ke Muzium Tun Sakaran di Semporna pada bulan November 2016 didapati kantin dan kedai cenderamata berkenaan belum beroperasi seperti di **Gambar 2.6** dan **Gambar 2.7**. Kesannya, kerugian kepada Kerajaan kerana potensi hasil melalui sewa kantin dan kedai cenderamata tidak dapat dikutip.

GAMBAR 2.6



Muzium Tun Sakaran, Semporna
- Kantin dan Kedai Cenderamata Tidak Digunakan
(30.11.2016)

GAMBAR 2.7



Muzium Tun Sakaran, Semporna
- Kantin dan Kedai Cenderamata Tidak Digunakan
(30.11.2016)

Maklum Balas JMNS yang Diterima Pada 9 Jun 2017

Notis panggilan sebut harga bertarikh 17 April 2017 untuk mengendalikan kantin Muzium Tun Sakaran Semporna telah diiklankan di Pejabat Daerah Semporna tetapi tidak mendapat sambutan.

Pada pendapat Audit, objektif pembinaan kantin dan kedai cenderamata dengan kos sejumlah RM258,000 tidak tercapai kerana belum beroperasi.

2.6. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pengurusan projek-projek muzium, pihak Jabatan Muzium Negeri Sabah disarankan agar mengambil tindakan seperti berikut:

- 2.6.1. mematuhi peraturan kewangan dan prosedur yang berkuat kuasa bagi memastikan perolehan dilaksanakan mengikut prinsip-prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, diurus dengan telus, nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil agar kepentingan Kerajaan terpelihara;
- 2.6.2. memantau pelaksanaan kerja bagi memastikan spesifikasi kerja dipatuhi mengikut kontrak. Selain itu, pembayaran hanya dilaksanakan selepas kelengkapan dan perabot telah dibekalkan sepenuhnya serta perakuan pengesahan pembekalan diperakui betul bagi mengelakkan kerugian kepada Kerajaan; dan
- 2.6.3. menyusul semula dengan pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan Jabatan Kerja Raya agar permohonan Sijil Layak Menduduki diluluskan segera serta mengemukakan permohonan pembelian *mobile compactor* kepada Kementerian Kewangan Negeri Sabah dengan memberi justifikasi yang lebih terperinci seperti menyatakan keperluan mendesak *mobile compactor* untuk penyimpanan koleksi muzium bagi membolehkan ia dimanfaatkan. Selain itu, tender penyewaan kantin dan kedai cenderamata diiklankan dengan segera di Pejabat Daerah Semporna agar Kerajaan memperoleh hasil.

MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN

MAJLIS DAERAH LAHAD DATU

MAJLIS DAERAH SEMPORNA

3. PENGURUSAN KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Sabah ditubuhkan di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan (OKT), 1961 (No. 11) berkuat kuasa pada 1 Januari 1962 di bawah GN No.134 bertarikh 15 November 1961. PBT tertakluk kepada Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah Tahun 1961 dan pindaan tahun 2007. Terdapat 24 PBT di Sabah yang terdiri daripada satu Dewan Bandaraya, dua Majlis Perbandaran, satu Lembaga Perbandaran dan 20 Majlis Daerah. Setiap PBT bertanggungjawab mengenakan dan mengutip cukai taksiran terhadap pemilik harta berkadar dalam kawasan perkadarannya. Cukai taksiran adalah cukai yang dikenakan ke atas harta berkadar yang terletak dalam kawasan perkadaran yang diperuntukkan dalam Bahagian 10 hingga Bahagian 12, OKT 1961. Mengikut Seksyen 72, OKT 1961, harta berkadar adalah merujuk kepada *immovable property* termasuk tanah dan benda-benda yang terlekat dengan tanah atau yang dipasang secara kekal ke atas mana-mana benda yang terlekat pada tanah. Manakala Seksyen 82, OKT 1961 pula menjelaskan, setiap pemilik harta berkadar haruslah membayar cukai taksiran melainkan harta yang dikecualikan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 73, OKT 1961.

3.1.2. Tiga PBT yang telah dipilih bagi Kajian Pengurusan Kutipan Cukai Taksiran ialah Majlis Perbandaran Sandakan (MPS), Majlis Daerah Lahad Datu (MDLD) dan Majlis Daerah Semporna (MDS). MPS telah diwujudkan setelah percantuman Lembaga Bandaran Sandakan dan Majlis Daerah Luar Bandar pada 1 Januari 1982. MPS bertanggungjawab mengurus dan mentadbir kawasan percuai Majlis yang meliputi keluasan 2,305.94 km persegi iaitu meliputi keluasan keseluruhan Daerah Sandakan. Kawasan percuai Majlis telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada 5 Julai 2006 dan diwartakan dalam Warta Kerajaan. Manakala, MDLD ditubuhkan pada 1 Januari 1962 di bawah OKT 1961 dengan kawasan perkadarannya meliputi seluas 7,522 ekar. MDS pula ditubuhkan pada tahun 1962 melalui Tatacara Majlis Daerah Semporna Tahun 1961 mengikut Seksyen 3, OKT 1961 dengan keluasan kawasan perkadaran 683 ekar.

3.1.3. Pada tahun 2016, sebanyak masing-masing 64,451, 24,823 dan 3,695 harta pegangan direkodkan dalam kawasan operasi MPS, MDLD dan MDS dengan cukai taksiran yang dikutip daripada pemilik hartanah masing-masing berjumlah RM22.41 juta, RM9.34 juta dan RM0.66 juta. Pada tahun 2014 dan 2015, cukai

taksiran menyumbang antara 17.0% hingga 52.4% daripada pendapatan tahunan PBT dengan cukai taksiran tahunan antara RM0.90 juta hingga RM21.62 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.1** berikut:

JADUAL 3.1
JUMLAH CUKAI TAKSIRAN DIKUTIP BERBANDING
JUMLAH PENDAPATAN TIGA PBT BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	BILANGAN HARTA PEGANGAN	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta)	JUMLAH CUKAI TAKSIRAN DIKUTIP (RM Juta)	PERATUS CUKAI TAKSIRAN DIKUTIP (%)
MPS				
2014	59,126	45.10	20.85	46.2
2015	61,092	49.03	21.62	44.1
2016	64,451	53.41	22.41	42.0
MDLD				
2014	23,370	19.87	8.72	43.9
2015	23,909	22.74	11.92	52.4
2016	24,823	17.75	9.34	52.6
MDS				
2014	3,317	5.30	0.90	17.0
2015	3,546	5.34	0.98	18.4
2016	3,695	5.57	0.66	11.9

Sumber: MPS, MDLD dan MDS

3.1.4. Seksyen 83, OKT 1961 menyatakan objektif cukai taksiran yang dikutip adalah untuk:

- i. membangun dan menyenggara kemudahan awam seperti dewan komuniti, tandas awam, perhentian bas, taman permainan kanak-kanak, taman rekreasi dan pasar;
- ii. pembersihan kawasan perumahan, perindustrian dan komersial;
- iii. membina dan menyenggara infrastruktur seperti jalan raya dan perparitan;
- iv. penyenggaraan lampu jalan; dan
- v. pembangunan kawasan perkadaran PBT.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai pengurusan cukai taksiran dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP PENG AUDITAN

Skop pengauditan ini adalah meliputi pengurusan harta pegangan bagi tahun 2014 hingga 2016. Pengauditan telah dijalankan di tiga PBT iaitu Majlis Perbandaran Sandakan (MPS), Majlis Daerah Lahad Datu (MDLD) dan Majlis Daerah Semporna (MDS). Antara aspek yang dikaji adalah prestasi kutipan cukai taksiran, tunggakan cukai taksiran, pengurusan ejen kutipan dan sistem berkomputer cukai taksiran.

3.4. METODOLOGI PENG AUDITAN

Semakan Audit dibuat terhadap fail, laporan kewangan, rekod dan daftar yang berkaitan serta membuat analisis terhadap pangkalan data dalam sistem berkomputer cukai taksiran. Bilangan sampel yang dipilih untuk dianalisis data adalah sebanyak 29 unit iaitu 10.0% daripada 291 unit harta pegangan PBT yang mempunyai cukai taksiran tertunggak berjumlah RM10,000 ke atas setakat tahun 2016. Ini adalah bagi menentukan kewujudan harta pegangan berkenaan dan memastikan ketepatan kadar cukai taksiran yang dikenakan terhadap harta tersebut.

3.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap Pengurusan Kutipan Cukai Taksiran PBT di MPS, MDLD dan MDS telah dijalankan antara bulan Oktober hingga bulan Disember 2016. Secara keseluruhannya, Pengurusan Kutipan Cukai Taksiran bagi tiga PBT yang dipilih adalah memuaskan dari segi prestasi kutipan cukai taksiran tahunan, tindakan kutipan tunggakan dan pengurusan ejen yang dilantik. Bagaimanapun, terdapat kelemahan seperti berikut:

- i. prestasi kutipan tunggakan cukai taksiran bagi tempoh tiga tahun untuk tiga PBT berkenaan hanya antara 14.2% hingga 43.8% daripada jumlah tunggakan PBT; dan
- ii. tunggakan cukai taksiran yang melebihi lima tahun di tiga PBT berkenaan berjumlah RM14.68 juta pada akhir tahun 2016.

Perkara yang ditemui dan maklum balas yang dikemukakan oleh pihak MPS, MDLD serta MDS masing-masing pada 2, 3 dan 21 Februari 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

3.5.1. Prestasi Kutipan Cukai Taksiran

3.5.1.1. Kadar Cukai Taksiran

- a. Cukai taksiran adalah cukai yang dikenakan terhadap harta tanah yang diperuntukkan di bawah Bahagian 10 hingga 12, OKT 1961. Harta tanah yang dikenakan cukai taksiran adalah:
 - i. rumah kediaman (rumah pangsa, rumah teres, kondominium, banglo dan rumah kedai);
 - ii. bangunan komersil/industri (kedai, kilang, stesen minyak, gudang, hotel, panggung wayang, bengkel dan bangunan pejabat); dan
 - iii. tanah kosong.

- b. Seksyen 82, OKT 1961 menyatakan bahawa kadar cukai taksiran tidak boleh melebihi 30.0% daripada nilai tahunan yang diluluskan. Kadar cukai taksiran yang dikenakan adalah berbeza mengikut jenis harta pegangan dan lokasi harta pegangan. Cukai taksiran yang dikenakan adalah pada kadar antara 0.03% hingga 25.0% daripada nilai tahunan harta bagi tiga PBT yang dipilih seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.2
KADAR CUKAI TAKSIRAN MPS, MDLD DAN MDS PADA TAHUN 2016

BIL.	BAHAGIAN	JENIS HARTANAH	KADAR CUKAI (%)					
			AM			PEMBENTUNGAN		
			MPS	MDLD	MDS	MPS	MDLD	MDS
1.	Bandar	Komersil	25.0	3.0	8.0	0.1	1.0	3.0
		Industri	25.0	3.0	-	0.1	1.0	3.0
		Kediaman	25.0	3.0	8.0	0.1	1.0	3.0
		Tanah Kosong	5.0	1.0	0.03	-	-	-
2.	Luar Bandar	Komersil	25.0	1.5	8.0	-	-	-
		Industri	25.0	1.5	-	-	-	-
		Kediaman	25.0	1.5	8.0	-	-	-
		Tanah Kosong	5.0	1.0	0.03	-	-	-

Sumber: MPS, MDLD dan MDS

- c. Harta pegangan berikut adalah dikecualikan daripada cukai taksiran berdasarkan Seksyen 73, OKT 1961 iaitu:
 - i. harta tanah yang digunakan untuk keagamaan;
 - ii. tanah perkuburan;
 - iii. sekolah awam;

- iv. tempat awam (khairat atau sains, sastera dan seni halus);
- v. tempat rekreasi atau kebajikan dan bukan mendapat keuntungan;
- vi. harta tanah milik PBT;
- vii. harta tanah yang nilai tahunannya kurang daripada RM120; dan
- viii. harta tanah yang diluluskan oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah dan diwartakan.

3.5.1.2. Prestasi Kutipan Cukai Taksiran Tahunan

- a. PBT hendaklah memastikan setiap harta pegangan yang terletak dalam kawasan operasi dikenakan cukai taksiran mengikut kadar yang ditetapkan dan dikutip sepenuhnya. Sepanjang tahun 2014 hingga 2016, kutipan cukai taksiran tiga PBT yang dipilih adalah antara 56.3% hingga 79.8% daripada jumlah yang patut dikutip yang melibatkan kutipan tahunan antara RM0.58 juta hingga RM18.34 juta seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.3
PRESTASI KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN TIGA PBT BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	KATEGORI KUTIPAN			PERATUS KUTIPAN SEBENAR BERBANDING JUMLAH PATUT DIKUTIP (%)
	JUMLAH PATUT DIKUTIP (RM Juta)	ANGGARAN KUTIPAN (RM Juta)	KUTIPAN SEBENAR (RM Juta)	
MPS				
2014	22.58	17.96	17.84	79.0
2015	23.62	18.76	17.88	75.7
2016	24.74	19.40	18.34	74.1
JUMLAH	70.94	56.12	54.06	76.2
MDLD				
2014	8.69	6.30	6.52	75.0
2015	9.27	6.30	7.07	76.2
2016	9.77	6.45	7.64	78.2
JUMLAH	27.73	19.05	21.23	76.6
MDS				
2014	0.94	1.44	0.70	74.5
2015	0.99	1.75	0.79	79.8
2016	1.03	0.74	0.58	56.3
JUMLAH	2.96	3.93	2.07	69.9

Sumber: MPS, MDLD dan MDS

- b. Hasil analisis Audit di **Jadual 3.3** mendapati kutipan sebenar MPS pada tahun 2016 meningkat sejumlah RM500,000 berbanding kutipan sebenar pada tahun 2014 iaitu daripada sejumlah RM17.84 juta pada tahun 2014 kepada RM18.34 juta pada tahun 2016. Peningkatan ini disebabkan penambahan bilangan harta pegangan dari 59,126 pada tahun 2014 kepada 64,451 pada tahun 2016. Bagaimanapun, peratusan kutipan sebenar berbanding jumlah patut dikutip pada tahun 2016 menurun sebanyak 4.9% iaitu daripada 79.0% pada tahun 2014 kepada 74.1% pada tahun 2016. Ini disebabkan MPS telah memperkenalkan kaedah penghantaran bil secara email yang masih dalam peringkat untuk diperluaskan kepada semua pembayar cukai. Namun, tindakan ini menyebabkan cukai tidak dapat dikutip kerana bil tidak sampai sepenuhnya kepada semua pembayar cukai.
- c. Analisis Audit terhadap kutipan sebenar cukai taksiran bagi MDLD pula mendapati kutipan sebenar pada tahun 2016 meningkat sejumlah RM1.12 juta berbanding kutipan sebenar pada tahun 2014 iaitu daripada sejumlah RM6.52 juta pada tahun 2014 kepada RM7.64 juta pada tahun 2016. Peratusan kutipan sebenar berbanding jumlah patut dikutip pada tahun 2016 juga meningkat sebanyak 3.2% iaitu daripada 75.0% pada tahun 2014 kepada 78.2% pada tahun 2016. Peningkatan ini disebabkan penambahan bilangan harta pegangan dari 23,370 pada tahun 2014 kepada 24,823 pada tahun 2016.
- d. Analisis Audit seterusnya terhadap kutipan sebenar cukai taksiran bagi MDS mendapati kutipan sebenar MDS pada tahun 2016 menurun sejumlah RM120,000 berbanding kutipan sebenar pada tahun 2014 iaitu daripada sejumlah RM0.70 juta pada tahun 2014 kepada RM0.58 juta pada tahun 2016. Peratusan kutipan sebenar berbanding jumlah patut dikutip pada tahun 2016 juga menurun sebanyak 18.2% iaitu daripada 74.5% pada tahun 2014 kepada 56.3% pada tahun 2016. Penurunan peratus kutipan sebenar adalah disebabkan MDS sedang dalam proses mengemas kini data di mana terdapat perubahan status harta dari bangunan kediaman bertukar kepada bangunan komersil.

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan cukai taksiran tahunan adalah memuaskan bagi MPS, MDLD dan MDS dengan pencapaian 76.2%, 76.6% dan 69.9% masing-masing daripada jumlah patut dikutip bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016.

3.5.1.3. Prestasi Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran

- a. Cukai Taksiran yang gagal dibayar oleh pemilik harta pegangan dalam tahun semasa diambil kira sebagai tunggakan pada tahun berikutnya. Sepanjang tahun 2014 hingga 2016, MPS, MDLD dan MDS menyasarkan kutipan tunggakan tahunan cukai taksiran antara RM185,710 hingga RM5.90 juta. Namun kutipan sebenar tunggakan tahunan cukai taksiran bagi tiga PBT yang dipilih adalah antara RM84,602 hingga RM4.85 juta berbanding jumlah tunggakan tahunan iaitu antara RM0.94 juta hingga RM24.86 juta. Jumlah tunggakan cukai taksiran dan kutipan sebenar bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.4
PRESTASI KUTIPAN TUNGGAKAN
CUKAI TAKSIRAN TIGA PBT BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	KATEGORI KUTIPAN			PERATUS KUTIPAN SEBENAR TUNGGAKAN BERBANDING JUMLAH TUNGGAKAN (%)
	JUMLAH TUNGGAKAN (RM Juta)	ANGGARAN KUTIPAN TUNGGAKAN (RM Juta)	KUTIPAN SEBENAR TUNGGAKAN (RM Juta)	
MPS				
2014	16.82	5.90	3.01	17.9
2015	18.71	5.90	3.74	20.0
2016	24.86	5.90	4.79	19.3
JUMLAH	60.39	17.70	11.54	19.1
MDLD				
2014	7.76	1.95	2.20	28.4
2015	7.51	1.95	4.85	64.6
2016	8.20	3.00	3.22	39.3
JUMLAH	23.47	6.90	10.27	43.8
MDS				
2014	0.94	0.53	0.20	21.3
2015	1.02	0.62	0.19	18.6
2016	1.35	0.19	0.08	5.9
JUMLAH	3.31	1.34	0.47	14.2

Sumber: MPS, MDLD dan MDS

- b. Hasil analisis Audit seperti di **Jadual 3.4** mendapati kutipan sebenar tunggakan cukai taksiran di MPS pada tahun 2016 meningkat sejumlah RM1.78 juta berbanding kutipan sebenar pada tahun 2014 iaitu daripada sejumlah RM3.01 juta pada tahun 2014 kepada RM4.79 juta pada tahun 2016. Peratusan kutipan sebenar tunggakan berbanding jumlah tunggakan pada tahun 2016 juga meningkat sebanyak 1.4% iaitu daripada 17.9% pada tahun 2014 kepada 19.3% pada tahun 2016. Peningkatan kutipan sebenar tunggakan adalah disebabkan oleh kecekapan ejen kutipan yang dilantik iaitu Menggaris IT Sdn. Bhd. (MG) dan TC Property (TC) serta Unit Kadaran MPS dalam memastikan tunggakan dapat dikutip dengan segera. Selain itu,

pihak MPS juga telah mempelbagaikan mekanisme tindakan kutipan cukai taksiran seperti pemberitahuan di laman web rasmi MPS dan pengiklanan di surat khabar.

- c. Analisis Audit terhadap kutipan sebenar tunggakan cukai taksiran di MDLD pula mendapati kutipan sebenar tunggakan cukai taksiran pada tahun 2016 meningkat sejumlah RM1.02 juta berbanding kutipan sebenar pada tahun 2014 iaitu daripada sejumlah RM2.20 juta pada tahun 2014 kepada RM3.22 juta pada tahun 2016. Peratusan kutipan sebenar tunggakan berbanding jumlah tunggakan pada tahun 2016 juga meningkat sebanyak 10.9% iaitu daripada 28.4% pada tahun 2014 kepada 39.3% pada tahun 2016. Peningkatan kutipan sebenar tunggakan adalah disebabkan oleh tindakan MDLD memperkenalkan bulan pengampunan kepada pembayar cukai dengan pemberian diskaun 80% ke atas faedah tunggakan sekiranya pembayaran tunggakan dijelaskan sepenuhnya.
- d. Analisis Audit seterusnya terhadap kutipan sebenar tunggakan cukai taksiran di MDS mendapati kutipan sebenar tunggakan pada tahun 2016 menurun sejumlah RM114,388 berbanding kutipan sebenar pada tahun 2014 iaitu daripada sejumlah RM198,990 pada tahun 2014 kepada RM84,602 pada tahun 2016. Peratusan kutipan sebenar tunggakan berbanding jumlah tunggakan pada tahun 2016 juga menurun sebanyak 15.4% iaitu daripada 21.3% pada tahun 2014 kepada 5.9% pada tahun 2016. Penurunan kutipan sebenar tunggakan adalah disebabkan kelemahan tindakan kutipan tunggakan seperti tiada pemberitahuan/iklan, tiada program/aktiviti yang dilaksanakan, tiada kemudahan pembayaran secara ansuran dan notis perundungan tidak dikeluarkan kepada pemilik harta yang belum menjelaskan tunggakan cukai taksiran oleh pihak MDS.


Pada pendapat Audit, prestasi kutipan tunggakan cukai taksiran tahunan adalah tidak memuaskan bagi MPS, MDLD dan MDS dengan pencapaian hanya 19.1%, 43.8% dan 14.2% masing-masing daripada jumlah tunggakan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016.

3.5.2. Tunggakan Cukai Taksiran

3.5.2.1. Tempoh Cukai Taksiran Tertunggak

- a. Kutipan cukai taksiran hendaklah dilakukan dengan cekap bagi mengelakkannya daripada tertunggak lama dan menyukarkan proses kutipan. Semakan Audit terhadap pengumuran tunggakan cukai bagi tiga PBT yang dipilih setakat 31 Disember 2016 mendapati jumlah tunggakan cukai taksiran di bawah pengumuran satu tahun adalah antara RM288,544

hingga RM6.72 juta. Bagi tempoh pengumuran satu hingga tiga tahun, jumlah tunggakan cukai taksiran pula adalah antara RM0.63 juta hingga RM12.96 juta. Tempoh pengumuran tiga hingga lima tahun, jumlah tunggakan cukai taksiran pula adalah antara RM386,122 hingga RM6.70 juta. Manakala bagi pengumuran tunggakan cukai taksiran melebihi lima tahun adalah antara RM0.55 juta hingga RM10.32 juta. Butiran pengumuran tunggakan cukai taksiran setakat 31 Disember 2016 adalah seperti di carta berikut:



Sumber: MPS, MDLD dan MDS

- Analisis Audit terhadap **Carta 3.1** di atas menunjukkan tunggakan cukai paling tinggi MPS adalah bagi tempoh satu hingga tiga tahun iaitu RM12.96 juta dan yang paling rendah adalah bagi tempoh tiga hingga lima tahun iaitu RM6.70 juta.
- Analisis Audit juga mendapati tunggakan cukai paling tinggi MDLD adalah bagi tempoh satu hingga tiga tahun iaitu RM5.53 juta dan yang paling rendah adalah bagi tempoh di bawah satu tahun iaitu RM2.63 juta.
- Analisis Audit seterusnya mendapati tunggakan cukai paling tinggi MDS adalah bagi tempoh satu hingga tiga tahun iaitu RM0.63 juta dan yang paling rendah adalah bagi tempoh di bawah satu tahun iaitu RM288,544.
- Semakan Audit seterusnya terhadap 20 harta pegangan yang mempunyai tunggakan cukai taksiran tertinggi di MPS, MDLD dan MDS adalah terdiri daripada harta komersil, industri, kediaman, loji dan jentera serta tanah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.5
20 HARTA PEGANGAN TIGA PBT YANG
MEMPUNYAI TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN TERTINGGI

JENIS HARTA	BIL.	JUMLAH CUKAI TERTUNGGAK (RM)	TEMPOH (TAHUN)	KADAR SETAHUN (RM)	SEBAB BERLAKU TUNGGAKAN
MPS					
Komersil	4	907,622	2 - 16	12,048.00 - 61,888.00	
Industri	13	2,972,788	4 - 30	2,676.00 - 190,140.00	
Kediaman	1	49,136	13	2,748.00	
Loji Dan Jentera	2	2,805,836	5 - 8	142,560.00 - 267,300.00	<ul style="list-style-type: none"> Pertukaran nama dan pemilikan syarikat. Syarikat tidak beroperasi lagi. Sikap tidak prihatin dan kurang bertanggungjawab. Syarikat masih membuat bantahan/rayuan terhadap kadar penilaian baru.
JUMLAH	20	6,735,382			
MDLD					
Komersil	7	1,068,282	3 - 20	2,614.00 - 32,862.40	
Industri	3	40,452	11	634.20 - 915.90	
Kediaman	5	175,370	17 - 20	606.00 - 1,521.00	
Tanah	5	148,968	13	174.00 - 5,725.50	<ul style="list-style-type: none"> Pertukaran nama dan pemilikan syarikat. Syarikat tidak beroperasi lagi. Sikap tidak prihatin dan kurang bertanggungjawab. Pemilik tidak mampu untuk membayar tunggakan yang ada.
JUMLAH	20	1,433,072			
MDS					
Komersil	20	354,465	4 - 28	1,053.00 - 3,692.00	<ul style="list-style-type: none"> Pertukaran nama dan pemilikan syarikat. Syarikat tidak beroperasi lagi. Proses rayuan untuk pengurangan bayaran.
JUMLAH	20	354,465			

Sumber: MPS, MDLD dan MDS

Nota: Termasuk Faedah dan Caj Notis

- f. Tindakan perundangan telah dilaksanakan oleh MPS terhadap empat pemilik harta iaitu satu telah menyelesaikan tunggakan cukai, dua masih membayar secara ansuran dan satu belum memberikan sebarang maklum balas. Surat peringatan juga telah dikeluarkan kepada 16 pemilik harta yang belum menjelaskan tunggakan cukai taksiran tersebut.
- g. Surat peringatan telah diberikan oleh MDLD kepada 16 pemilik harta dengan empat telah menerima notis perundangan pada tahun 2014 untuk segera menyelesaikan tunggakan cukai taksiran. Bagaimanapun, pemilik masih gagal menjelaskan sebarang bayaran dan tiada tindakan susulan daripada MDLD terhadap pemilik tersebut.
- h. MDS hanya mengeluarkan surat peringatan tanpa ada notis perundangan diserahkan kepada pemilik tersebut.

Maklum Balas MPS yang Diterima Pada 2 Februari 2017

Pihak MPS sedang meningkatkan usaha yang lebih agresif dan berkesan dengan mengambil tindakan mengiklankan nama-nama penghutang di surat khabar atau laman web rasmi MPS serta tindakan undang-undang akan diambil terhadap pemilik harta yang mempunyai tunggakan melebihi lima tahun.

Maklum Balas MDLD yang Diterima Pada 3 Februari 2017

Pihak MDLD telah menghantar notis peringatan kepada semua pemilik harta yang mempunyai tunggakan melebihi lima tahun. Namun, pemilik masih gagal menjelaskan bayaran tunggakan cukai taksiran.

Maklum Balas MDS yang Diterima Pada 21 Februari 2017

Pihak MDS sedang mengeluarkan notis peringatan kepada pembayar cukai dan melantik panel peguam untuk mengambil tindakan perundangan terhadap tunggakan yang gagal dibayar.

Pada pendapat Audit, kedudukan kutipan tunggakan cukai taksiran oleh MPS, MDLD dan MDS adalah tidak memuaskan kerana terdapat tunggakan berjumlah RM14.68 juta iaitu masing-masing RM10.32 juta, RM3.81 juta dan RM0.55 juta gagal dikutip melebihi tempoh lima tahun.

3.5.2.2. Tindakan Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran

a. Kaedah yang Dilaksanakan

Antara kaedah yang dilaksanakan oleh PBT untuk memberi kesedaran kepada pemilik harta pegangan tentang tanggungjawab membayar cukai taksiran adalah berbentuk pemberitahuan, notis peringatan dan program bulan pengampunan seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.6
SENARAI KAEDEAH YANG DILAKSANAKAN OLEH TIGA PBT
UNTUK MEMBERI KESEDARAN KEPADA PEMILIK HARTA PEGANGAN

PBT	KEADEAH
MPS	i. Pemberitahuan melalui laman web rasmi MPS (www.mps.sabah.gov.my), surat khabar <i>Daily Express</i> dan <i>See Hua Daily News</i> (2 kali setahun), papan iklan berdekatan dengan bulatan Bandar Tanah Merah dan penyiaran di stesen radio tempatan (Sandakan FM). ii. Notis peringatan yang dikeluarkan oleh ejen pemungut tunggakan cukai taksiran.
MDLD	i. Mengadakan Program Bulan Pengampunan kepada pembayar cukai dengan memberikan diskain faedah 80% ke atas faedah yang dikenakan atas tunggakan dengan syarat pembayaran dilaksanakan sekali gus. ii. Notis peringatan yang dikeluarkan oleh ejen pemungut tunggakan cukai taksiran.
MDS	Notis peringatan yang dikeluarkan oleh ejen pemungut tunggakan cukai taksiran.

Sumber: MPS, MDLD dan MDS

b. Kemudahan Pembayaran

PBT juga menyediakan kemudahan pembayaran seperti bayaran melalui kaunter, bank, pejabat pos dan kios seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.7
SENARAI KEMUDAHAN PEMBAYARAN YANG
DISEDIAKAN OLEH TIGA PBT KEPADA PEMILIK HARTA PEGANGAN

PBT	KEMUDAHAN PEMBAYARAN
MPS	i. Menerima bayaran melalui kaunter secara tunai, cek, kad kredit dan Internet. ii. Menerima pembayaran melalui laman web, pejabat Pos, kaunter bergerak, kaunter <i>cluster</i> dan mesin kios di kaunter pembayaran MPS.
MDLD	i. Menerima bayaran melalui kaunter secara tunai, <i>banker cheque</i> dan Internet. ii. Mesin deposit tunai. iii. Kaunter bank Alliance Bank.
MDS	Menerima bayaran melalui kaunter secara tunai dan cek.

Sumber: MPS, MDLD dan MDS

c. Rebат

Seksyen 86(2), OKT 1961 menetapkan rebat adalah dibenarkan tertakluk kepada kelulusan Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP). PBT boleh memberikan rebat kepada pembayar cukai sebagai galakan untuk menjelaskan bayaran cukai taksiran semasa bagi mengelakkan berlakunya tunggakan. Semakan Audit mendapati MPS dan MDLD telah memberikan rebat 5% atas cukai tahunan semasa yang diselesaikan sepenuhnya pada suku pertama setiap tahun. Manakala MDS tidak memberikan rebat kepada pembayar cukai sebagai galakan dalam menyelesaikan cukai taksiran semasa.

d. Surat Peringatan

Seksyen 86(1), OKT 1961 menyatakan PBT hendaklah memberi notis tuntutan bayaran sekurang-kurangnya 30 hari kepada pemilik harta apabila sesuatu cukai itu menjadi tertunggak. Semakan Audit mendapati MPS dan ejen yang dilantik iaitu Menggaris IT Sdn. Bhd. dan TC Property ada mengeluarkan surat peringatan kepada semua pemilik harta. Manakala surat peringatan tunggakan bagi MDLD dan MDS dikeluarkan oleh ejen yang dilantik. Semakan Audit selanjutnya terhadap bilangan surat peringatan yang dibayar/selesai sepanjang tahun 2014 hingga 2016 bagi tiga PBT adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.8
SURAT PERINGATAN YANG
DIKELUARKAN OLEH TIGA PBT BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	BILANGAN SURAT PERINGATAN			BILANGAN SURAT PERINGATAN YANG DIBAYAR/SELESAI			PERATUS SURAT PERINGATAN DIBAYAR BERBANDING BILANGAN SURAT DIKELUARKAN (%)		
	MG	TC	PBT	MG	TC	PBT	MG	TC	PBT
MPS									
2014	4,934	3,862	160	1,364	615	23	27.6	15.9	14.4
2015	924	7,856	265	498	1,758	67	53.9	22.4	25.3
2016	81	6,761	425	7	812	133	8.6	12.0	31.3
JUMLAH	5,939	18,479	850	1,869	3,185	223	31.5	17.2	26.2
MDLD									
2014	2,827	TB	TB	2,077	TB	TB	73.5	TB	TB
2015	2,306	TB	TB	1,040	TB	TB	45.1	TB	TB
2016	2,175	TB	TB	791	TB	TB	36.4	TB	TB
JUMLAH	7,308	TB	TB	3,908	TB	TB	53.5	TB	TB
MDS									
2014	482	TB	TB	TM	TB	TB	TM	TB	TB
2015	441	TB	TB	TM	TB	TB	TM	TB	TB
2016	354	TB	TB	TM	TB	TB	TM	TB	TB
JUMLAH	1,277	TB	TB	TM	TB	TB	TM	TB	TB

Sumber: MPS, MDLD dan MDS

Nota: TB - Tidak Berkenaan; TM - Tiada Maklumat; MG - Menggaris IT Sdn. Bhd.; dan TC - TC Property

- i. Hasil analisis Audit di **Jadual 3.8** mendapati jumlah surat peringatan yang dikeluarkan di MPS bagi tahun 2014 hingga 2016 oleh MG, TC dan MPS adalah masing-masing sebanyak 5,939, 18,479 dan 850 surat. Berdasarkan jumlah surat peringatan yang telah dikeluarkan tersebut, pihak Audit mendapati sebanyak 1,869 (31.5%), 3,185 (17.2%) dan 223 (26.2%) masing-masing oleh MG, TC dan MPS telah dibayar oleh pemilik harta pegangan.
- ii. Analisis Audit juga mendapati jumlah surat peringatan yang dikeluarkan di MDLD bagi tahun 2014 hingga 2016 oleh MG adalah sebanyak 7,308 surat. Bagaimanapun, pengesahan jumlah surat peringatan yang telah dibayar oleh pemilik pegangan harta tiada dalam simpanan MDLD. Ini disebabkan MDLD tidak memastikan setiap pembayaran kepada MG disertakan dengan bukti penghantaran surat peringatan kepada pemilik harta. Pengesahan pembayaran hanya dibuat berdasarkan jumlah kutipan tunggakan yang berjaya dikutip di dalam sistem.

- iii. Analisis Audit seterusnya mendapati jumlah surat peringatan yang dikeluarkan di MDS bagi tahun 2014 hingga 2016 oleh MG adalah sebanyak 1,277 surat. Bagaimanapun, pengesahan jumlah surat peringatan yang telah dibayar oleh pemilik pegangan harta tiada dalam simpanan MDS. Ini disebabkan MDS tidak memastikan setiap pembayaran kepada MG disertakan dengan bukti penghantaran surat peringatan kepada pemilik harta. Pengesahan pembayaran hanya dibuat berdasarkan jumlah kutipan tunggakan yang berjaya dikutip di dalam sistem.
- iv. Semakan Audit terhadap jumlah kutipan tunggakan berdasarkan surat peringatan yang dikeluarkan bagi tahun 2014 hingga 2016 di MPS, MDLD dan MDS adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.9
JUMLAH KUTIPAN TUNGGAKAN BERDASARKAN SURAT
PERINGATAN YANG DIKELUARKAN TIGA PBT BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	JUMLAH TUNGGAKAN SEMASA SURAT PERINGATAN DIKELUARKAN (RM Juta)			JUMLAH KUTIPAN TUNGGAKAN (RM Juta)			PERATUS JUMLAH KUTIPAN BERBANDING JUMLAH TUNGGAKAN (%)		
	MG	TC	PBT	MG	TC	PBT	MG	TC	PBT
MPS									
2014	6.76	6.78	3.27	0.12	0.63	2.26	1.8	9.3	69.1
2015	5.78	7.76	5.18	0.12	1.59	2.03	2.1	20.5	39.2
2016	7.55	9.60	4.69	0.05	1.23	3.38	0.7	12.8	72.1
JUMLAH	20.09	24.14	13.14	0.29	3.45	7.67	1.4	14.3	58.4
MDLD									
2014	7.76	TB	TB	2.20	TB	TB	28.4	TB	TB
2015	7.51	TB	TB	4.85	TB	TB	64.6	TB	TB
2016	8.20	TB	TB	2.09	TB	TB	25.5	TB	TB
JUMLAH	23.47	TB	TB	9.14	TB	TB	38.9	TB	TB
MDS									
2014	0.94	TB	TB	0.20	TB	TB	21.3	TB	TB
2015	1.02	TB	TB	0.19	TB	TB	18.6	TB	TB
2016	1.35	TB	TB	0.08	TB	TB	5.9	TB	TB
JUMLAH	3.31	TB	TB	0.47	TB	TB	14.2	TB	TB

Sumber: MPS, MDLD dan MDS

Nota :TB - Tidak Berkenaan; MG - Menggaris IT Sdn. Bhd.; dan TC - TC Property

- v. Hasil analisis Audit seperti di **Jadual 3.9** menunjukkan jumlah tunggakan semasa surat peringatan dikeluarkan di MPS bagi tahun 2014 hingga 2016 oleh MG, TC dan MPS adalah masing-masing sebanyak RM20.09 juta, RM24.14 juta dan RM13.14 juta. Berdasarkan surat peringatan yang telah dikeluarkan, pihak Audit mendapati sebanyak

RM287,674 (1.4%), RM3.45 juta (14.3%) dan RM7.67 juta (58.4%) masing-masing oleh MG, TC dan MPS telah dibayar oleh pemilik harta.

- vi. Analisis Audit juga mendapati jumlah tunggakan semasa surat peringatan dikeluarkan di MDLD bagi tahun 2014 hingga 2016 oleh MG adalah sejumlah RM23.47 juta. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah kutipan tunggakan bagi tempoh tersebut iaitu sebanyak RM9.14 juta atau 38.9% adalah daripada surat peringatan yang dikeluarkan oleh MG.
- vii. Analisis Audit seterusnya mendapati jumlah tunggakan semasa surat peringatan dikeluarkan di MDS bagi tahun 2014 hingga 2016 oleh MG adalah sebanyak RM3.31 juta. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah kutipan tunggakan bagi tempoh tersebut iaitu sebanyak RM469,509 atau 14.2% adalah daripada surat peringatan yang dikeluarkan oleh MG.

e. Notis Perundangan

Seksyen 90(1), OKT 1961 menyatakan bahawa sekiranya masih tiada pembayaran dibuat dalam masa dua minggu selepas notis perundangan dikeluarkan, pemilik harta boleh diambil tindakan perundangan oleh PBT. Semakan Audit terhadap notis perundangan yang dikeluarkan bagi tahun 2014 dan 2016 mendapati 35 notis telah dikeluarkan seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.10
NOTIS PERUNDANGAN YANG DIKELUARKAN BAGI TAHUN 2014 DAN 2016**

PBT	TAHUN	BIL. NOTIS DIKELUARKAN	BIL. NOTIS YANG DIBAYAR	PERATUS NOTIS DIBAYAR BERBANDING BILANGAN NOTIS DIKELUARKAN (%)	JUMLAH TUNGGAKAN SEMASA NOTIS DIKELUARKAN (RM Juta)	JUMLAH KUTIPAN (RM Juta)	PERATUS KUTIPAN BERBANDING JUMLAH TUNGGAKAN (%)
MPS	2016	4	3	75.0	0.10	0.09	90.0
MDLD	2014	31	11	35.5	1.18	0.37	31.4
	JUMLAH	35	14	40.0	1.28	0.46	35.94

Sumber: MPS dan MDLD

- i. Hasil analisis Audit seperti di **Jadual 3.10** di atas menunjukkan daripada 35 notis perundangan yang dikeluarkan, sebanyak 14 atau 40% notis perundangan telah dibuat bayaran oleh pemilik harta di mana jumlah kutipan bagi MPS dan MDLD masing-masing adalah RM85,100 dan RM374,240. Manakala MDS tidak pernah mengeluarkan notis perundangan terhadap pemilik harta yang gagal membayar tunggakan cukai taksiran.

- ii. Sehingga 31 Disember 2016, tiada tindakan susulan atau tindakan mahkamah yang dibuat oleh MPS dan MDLD kepada pemilik yang gagal menjelaskan bayaran tunggakan berdasarkan notis perundangan yang dikeluarkan.

f. Pembayaran Ansuran

- i. Seksyen 102(f), OKT 1961 menyatakan bayaran ansuran adalah dibenarkan. Semakan Audit mendapati bayaran ansuran bagi tunggakan cukai taksiran hanya dilaksanakan di MPS. Berdasarkan Laporan Kutipan Bayaran Ansuran di Unit Kadaran bagi tahun 2014 hingga 2016 menunjukkan statistik pembayaran ansuran adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.11
STATISTIK PEMBAYARAN ANSURAN MPS BAGI
TAHUN 2014 HINGGA 2016**

PBT	TAHUN KEMUDAHAN DIBERI	BIL. KES TERLIBAT	BAKI JUMLAH TUNGGAKAN (RM)
MPS	2014	2	838
	2015	3	2733
	2016	33	142,119
JUMLAH		38	145,690

Sumber: MPS

- ii. Pihak MPS telah memberi kemudahan bayaran ansuran tunggakan cukai untuk diselesaikan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kemudahan diberi. Sehingga tarikh pengauditan pada 2 Disember 2016, pihak Audit mendapati dua penghutang dengan baki tunggakan sejumlah RM838 tahun 2014 dan tiga penghutang dengan baki tunggakan RM2733 untuk tahun 2015 telah gagal menjelaskan ansuran dalam tempoh 12 bulan. Bagaimanapun, pihak MPS masih memberi peluang kepada lima penghutang tersebut untuk menyelesaikan baki yang tertunggak kerana penghutang berkenaan masih berusaha membayar tunggakan tersebut. Kemudahan ini akan ditamatkan jika pembayar cukai gagal membayar ansuran secara berterusan dalam tempoh tiga bulan. Malah, data berkaitan pembayar cukai tersebut akan dikeluarkan dan rekod penamatan tidak disimpan di dalam pangkalan data sistem cukai taksiran.

Maklum Balas MDLD yang Diterima Pada 3 Februari 2017

Pihak MDLD telah mengambil tindakan seperti mengadakan Program Bulan Pengampunan, menyediakan kemudahan pembayaran dan mengeluarkan notis perundangan terhadap pemilik harta yang gagal membayar tunggakan cukai taksiran.

Pada pendapat Audit, tindakan kutipan tunggakan MPS adalah baik, MDLD pula adalah memuaskan kecuali kaedah pembayaran melalui ansuran tidak dilaksanakan untuk pembayaran tunggakan. Manakala bagi MDS tindakan kutipan tunggakan adalah tidak memuaskan kerana tiada rebat cukai, tiada pemberitahuan/iklan, tiada program/aktiviti yang dilaksanakan, tiada kemudahan pembayaran secara ansuran dan notis perundangan tidak dikeluarkan kepada pemilik harta yang belum menjelaskan tunggakan cukai taksiran.

3.5.3. Pengurusan Ejen Kutipan

3.5.3.1. Pelantikan Ejen

- a. Pelantikan ejen oleh PBT bagi tujuan kutipan cukai taksiran adalah tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah (KKTP). PBT di Sabah telah melantik MG untuk meningkatkan kecekapan kutipan tunggakan cukai taksiran selaras dengan kelulusan yang diberi oleh pihak KKTP pada 13 Mac 2006 dan tertakluk kepada keupayaan PBT.
- b. MPS telah melantik MG dan TC sebagai ejen kutipan tunggakan cukai taksiran berkuat kuasa pada 1 Mei 2014 dan 12 Mei 2014. Perjanjian tersebut adalah berkuat kuasa selama tiga tahun. Semakan Audit mendapati TC telah memohon untuk menjadi ejen kutipan tunggakan cukai taksiran pada 15 November 2013. Permohonan ini dipersetujui di dalam mesyuarat MPS pada 19 November 2013 untuk disyorkan kepada KKTP untuk kelulusan. Semakan Audit seterusnya terhadap permohonan TC mendapati permohonan ini tidak lengkap dari segi dokumen profil syarikat dan pengalamannya untuk menjalankan tugas sebagai ejen. Bagi tempoh 2014 hingga 2016, jumlah tunggakan yang berjaya dikutip oleh MG adalah sebanyak RM287,674 iaitu 1.4% berbanding jumlah tunggakan sebanyak RM20.09 juta. Manakala jumlah tunggakan yang berjaya dikutip oleh TC adalah sebanyak RM3.45 juta iaitu 14.3% berbanding jumlah tunggakan sebanyak RM24.14 juta dalam tempoh yang sama. Ini menunjukkan bahawa prestasi ejen iaitu MG dan TC di MPS adalah rendah berdasarkan peratus pencapaian kutipan tunggakan dalam tempoh tersebut.
- c. MDLD hanya melantik MG sebagai ejen kutipan tunggakan cukai taksiran pada 29 Jun 2007 dan melanjutkan perjanjian tersebut pada 8 Mac 2013 bagi tempoh lima tahun dan lokasi pungutan adalah melibatkan kawasan perkadaran MDLD yang mempunyai tunggakan cukai taksiran. Bagi tempoh 2014 hingga 2016, jumlah tunggakan yang berjaya dikutip oleh MG adalah sebanyak RM9.14 juta iaitu 38.9% berbanding jumlah tunggakan sebanyak RM23.47 juta. Ini menunjukkan bahawa prestasi ejen iaitu MG di MDLD

adalah rendah berdasarkan peratus pencapaian kutipan tunggakan dalam tempoh tersebut.

- d. MDS juga melantik MG sebagai ejen kutipan tunggakan cukai taksiran pada 15 September 2011 dan perjanjian tersebut berkuat kuasa selama lima tahun. Perjanjian ini juga boleh dilanjutkan sehingga tiga tahun lagi dari tarikh akhir perjanjian asal dengan persetujuan MDS dan MG. Bagi tempoh 2014 hingga 2016, jumlah tunggakan yang berjaya dikutip oleh MG adalah sebanyak RM469,509 iaitu 14.2% berbanding jumlah tunggakan sebanyak RM3.31 juta. Ini menunjukkan bahawa prestasi ejen iaitu MG di MDS adalah rendah berdasarkan peratus pencapaian kutipan tunggakan dalam tempoh tersebut.
- e. Senarai kawasan perkadaran yang diberikan kepada ejen yang dilantik dan yang masih diuruskan oleh PBT bagi MPS, MDLD dan MDS bagi tahun 2016 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.12
SENARAI KAWASAN PERKADARAN
EJEN BAGI MPS, MDLD DAN MDS BAGI TAHUN 2016**

PBT	EJEN/PBT	JUMLAH LOKASI
MPS	MG	363
	TC	269
	MPS	115
MDLD	MG	Semua perkadaran MDLD
MDS	MG	Semua perkadaran MDS

Sumber: MPS, MDLD dan MDS

- f. Berdasarkan **Jadual 3.12**, MPS masih terlibat dari segi penghantaran surat peringatan kepada pembayar cukai tertunggak yang melibatkan 115 jumlah lokasi operasi. Keupayaan MPS mengendalikan pembayar cukai tertunggak di sebahagian kawasan boleh mengurangkan perbelanjaan bagi bayaran ejen dalam menguruskan kutipan tunggakan cukai taksiran. Manakala MDLD dan MDS menyerahkan sepenuhnya kepada MG untuk menguruskan kutipan tunggakan cukai taksiran.

3.5.3.2. Bayaran Komisen

- a. Mengikut kontrak perjanjian antara PBT dengan ejen yang dilantik, pembayaran komisen sebanyak 10% hingga 15% daripada jumlah hasil kutipan tunggakan cukai taksiran akan dibayar kepada ejen. Pengiraan dan pengesahan komisen ditentukan berdasarkan pembayaran tunggakan cukai taksiran yang berjaya dikutip oleh PBT. Jumlah pembayaran komisen kepada ejen yang dilantik di MPS, MDLD dan MDS bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.13
PEMBAYARAN KOMISEN KEPADA EJEN YANG DILANTIK BERDASARKAN
JUMLAH KUTIPAN TUNGGAKAN TIGA PBT BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	JUMLAH KUTIPAN TUNGGAKAN (RM Juta)		JUMLAH BAYARAN KOMISEN (RM Juta)	
	MG	TC	MG	TC
MPS				
2014	0.12	0.63	0.01	0.05
2015	0.12	1.59	0.01	0.13
2016	0.05	1.23	0.005	0.08
JUMLAH	0.29	3.45	0.025	0.26
MDLD				
2014	2.20	TB	0.39	TB
2015	4.85	TB	0.85	TB
2016	2.09	TB	0.34	TB
JUMLAH	9.14	TB	1.58	TB
MDS				
2014	0.20	TB	0.04	TB
2015	0.19	TB	0.04	TB
2016	0.08	TB	0.01	TB
JUMLAH	0.47	TB	0.09	TB

Sumber: MPS, MDLD dan MDS

Nota: TB – Tidak Berkenaan

- b. Hasil analisis Audit seperti di **Jadual 3.13** mendapati jumlah bayaran komisen yang dibayar oleh MPS bagi tahun 2014 hingga 2016 kepada MG dan TC adalah masing-masing sebanyak RM26,638 dan RM261,372. Analisis Audit juga mendapati berlaku peningkatan jumlah kutipan tunggakan oleh TC pada tahun 2014 berbanding tahun 2015 iaitu dari RM0.63 juta kepada RM1.59 juta. Manakala jumlah kutipan tunggakan oleh MG berlaku penurunan pada tahun 2016 iaitu RM48,950 berbanding RM123,487 pada tahun 2014.
- c. Analisis Audit juga mendapati jumlah bayaran komisen yang dibayar oleh MDLD bagi tahun 2014 hingga 2016 kepada MG adalah sebanyak RM1.58 juta berbanding jumlah kutipan tunggakan iaitu RM9.14 juta. Jumlah tunggakan yang berjaya dikutip oleh MG meningkat dari tahun 2014 berbanding 2015 iaitu dari RM2.20 juta kepada RM4.85 juta.
- d. Analisis Audit seterusnya mendapati jumlah bayaran komisen yang dibayar oleh MDS bagi tahun 2014 hingga 2016 kepada MG adalah sebanyak RM86,090 berbanding jumlah kutipan tunggakan iaitu RM469,509. Jumlah

tunggakan yang berjaya dikutip oleh MG menurun dari tahun 2014 berbanding 2015 iaitu dari RM198,990 kepada RM185,917.

3.5.3.3. Pengesahan Tuntutan Bayaran

- a. Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bil. 120 menyatakan bahawa salinan asal invois dan dokumen sokongan lain perlu dilampirkan bersama baucar bayaran. PBT perlu mengesahkan dokumen tuntutan bayaran komisen ejen berdasarkan surat peringatan yang diserahkan kepada pembayar cukai yang tertunggak.
- b. Semakan Audit terhadap baucar bayaran tahun 2014 hingga 2016 mendapati pengesahan bayaran komisen ejen di MPS dibuat berdasarkan invois dan laporan penyerahan surat peringatan oleh ejen kepada pembayar cukai.
- c. Semakan Audit seterusnya terhadap baucar bayaran bagi tahun 2014 hingga 2016 mendapati pengesahan bayaran komisen ejen di MDLD dan MDS hanya berdasarkan invois dan laporan jumlah kutipan tunggakan yang dijana dari Sistem Pungutan Cukai Taksiran. Bukti penyerahan surat peringatan tidak disemak bersama tuntutan yang dikemukakan oleh ejen sebelum pembayaran komisen dijelaskan.

Maklum Balas MDLD yang Diterima Pada 3 Februari 2017

Pihak MDLD telah mengarahkan MG untuk menyediakan dokumen sokongan yang lengkap bagi setiap tuntutan seperti rekod penyerahan surat peringatan, laporan cukai pintu tertunggak yang telah dijelaskan berdasarkan akaun, gambar aktiviti kutipan cukai, tarikh dan lokasi aktiviti notis serahan yang dilaksanakan.

Maklum Balas MDS yang Diterima Pada 21 Februari 2017

Pihak MDS telah mengarahkan MG untuk menyediakan dokumen sokongan yang lengkap bagi setiap tuntutan seperti rekod penyerahan surat peringatan, laporan cukai pintu tertunggak yang telah dijelaskan berdasarkan akaun, gambar aktiviti kutipan cukai, tarikh dan lokasi aktiviti notis serahan yang dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, MPS menguruskan ejen kutipan tunggakan cukai taksiran yang dilantik dengan baik manakala bagi MDLD dan MDS pula adalah memuaskan kerana dokumen sokongan bagi pengesahan tuntutan bayaran komisen ejen tidak lengkap.

3.5.4. Sistem Berkomputer Cukai Taksiran

3.5.4.1. Kawalan Akses

- a. Pengurusan cukai taksiran tiga PBT yang dipilih telah dilaksanakan melalui sistem berkomputer. MG bertanggungjawab membekal sistem pengurusan cukai taksiran bagi memastikan data dan rekod berkaitan pemilik harta, kadar cukai taksiran semasa dan jumlah tunggakan cukai adalah tepat dan kemas kini.
- b. Seramai 44 pengguna telah didaftar sebagai pengguna sistem berkomputer cukai taksiran dengan had capaian masing-masing iaitu 20 orang di MPS, 18 orang di MDLD dan enam orang di MDS. Ini melibatkan pengguna daripada Bahagian Akaun, Bahagian Cukai Taksiran, Bahagian Hasil Dan Bahagian Pelesenan, Bahagian Perkadaran dan Bahagian Penilaian. Semakan Audit mendapati kawalan dan penggunaan sistem berkomputer di MPS dan MDLD adalah baik, di mana penggunaan dan capaian ejen berkaitan maklumat dalam pengurusan cukai taksiran adalah dihadkan. Semakan Audit seterusnya di MDS mendapati kakitangan ejen mempunyai capaian tanpa had seperti mewujudkan atau membatalkan hartanah dan akaun, mengemas kini pemilikan hartanah, mengemas kini bayaran cukai taksiran dan sebagainya. Had capaian kakitangan ejen harus ditentukan dan dikawal untuk memastikan integriti data dalam sistem berkomputer terjamin.
- c. Semakan Audit juga mendapati dua pengguna/kakitangan di MDS tidak mengetahui *identification* (ID) dan kata laluan untuk mengakses sistem berkomputer cukai taksiran. Malah pengguna tidak mengetahui fungsi sesuatu capaian yang telah diberikan dan peranan mereka terhadap capaian tersebut. MDS perlu memastikan capaian yang diberikan kepada pengguna adalah dihadkan bersesuaian dengan tugas dan tanggungjawab kakitangan tersebut.

3.5.4.2. Pangkalan Data

- a. Pangkalan data yang lengkap dan kemas kini dalam sistem berkomputer cukai taksiran memainkan peranan penting untuk memastikan pengurusan cukai taksiran adalah teratur, cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati pangkalan data sistem berkomputer di MPS, MDLD dan MDS berkaitan cukai taksiran seperti alamat, pemilik hartanah dan status hartanah adalah tidak lengkap dan kemas kini.
- b. Semakan Audit seterusnya mendapati maklumat berkaitan bilangan kes terlibat dan selesai untuk pembayaran tunggakan secara ansuran di MPS tidak boleh diperoleh melalui pangkalan data sistem cukai taksiran.

Maklum Balas MDLD yang Diterima Pada 3 Februari 2017

Pihak MDLD telah mengarahkan MG untuk memastikan data berkaitan pemilik harta, status harta dan alamat adalah tepat dan kemas kini.

Maklum Balas MDS yang Diterima Pada 21 Februari 2017

Pihak MDS telah mengarahkan MG memastikan capaian yang diberikan kepada pengguna adalah dihadkan bersesuaian dengan tugas dan tanggungjawab kakitangan serta memastikan data berkaitan pemilik harta, status harta dan alamat adalah tepat dan kemas kini.

Pada pendapat Audit, sistem berkomputer cukai taksiran adalah memuaskan bagi MPS dan MDLD kecuali bagi pangkalan data. Manakala MDS pula kurang memuaskan dari aspek kawalan akses dan pangkalan data.

3.6. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan lagi Pengurusan Kutipan Cukai Taksiran, pihak Audit mengesyorkan PBT mengambil tindakan seperti berikut:

- 3.6.1. penilaian semula hartanah perlu disegerakan bagi memastikan nilai kadaran cukai adalah tepat dengan nilai semasa harta pegangan dan maklumat di pangkalan data dapat dikemas kini dari segi cukai taksiran, jenis harta tanah, pemilik serta lokasi;
- 3.6.2. mempelbagaikan mekanisme bagi meningkatkan kutipan cukai taksiran seperti mengadakan program galakan pembayaran cukai taksiran, kempen kesedaran, pengiklanan di akhbar tempatan atau laman web dan kaunter bergerak;
- 3.6.3. surat peringatan perlu dikeluarkan secara berkala dan menyatakan dengan jelas mengenai tunggakan cukai taksiran yang perlu dibayar dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya pembayaran tidak dibuat dalam tempoh tersebut, tindakan mahkamah hendaklah diambil terhadap pemilik harta pegangan; dan
- 3.6.4. had capaian terhadap sistem berkomputer cukai taksiran oleh kakitangan MG selaku pemungut tunggakan cukai taksiran hendaklah dihadkan mengikut kesesuaian manakala aspek kawalan had capaian dan keselamatan penggunaan sistem oleh kakitangan PBT perlu dipertingkatkan. Selain itu, PBT perlu memantau prestasi ejen selaku pemungut tunggakan cukai taksiran dengan menetapkan sasaran hasil kutipan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT SABAH

4. ASIAN SUPPLY BASE SDN. BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Asian Supply Base Sdn. Bhd. (ASBSB) telah ditubuhkan pada 17 Mac 1984 dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sabah melalui Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd. Pada tahun 2015, ASBSB mempunyai modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM55 juta dan RM43.99 juta. ASBSB adalah hab logistik bersepadan sepenuhnya yang disesuaikan dengan keperluan aktiviti cari gali, pembangunan dan pengeluaran minyak dan gas di rantau ini. Aktiviti utama ASBSB adalah menyediakan perkhidmatan pangkalan bekalan untuk industri minyak dan gas serta industri lain yang berkaitan. ASBSB beroperasi di kawasan perindustrian Rancah-Rancah Wilayah Persekutuan Labuan.

4.1.2. Pada tahun 2015, kakitangan ASBSB adalah seramai 1,019 orang yang diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO). Manakala ahli Lembaga Pengarah adalah seramai tujuh orang terdiri daripada dua orang ahli politik, dua orang ahli perniagaan, dua orang pegawai eksekutif Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd. dan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat. Pengurus merupakan ahli politik. Pengurusan ASBSB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Penubuhan (M&A) serta *Standard Operating Procedures* (SOP) syarikat.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai prestasi kewangan dan amalan tadbir urus korporat ASBSB adalah memuaskan dan pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan bagi tahun 2013 hingga 2015 serta pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tahun 2014 hingga 2016.

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Bagi prestasi kewangan, penilaian terhadap analisis pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi serta analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit tahun 2013 hingga 2015. Bagi pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat, kaedah pengauditan adalah dengan menyemak dokumen, fail dan rekod yang berkaitan bagi tahun 2014 hingga 2016. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai ASBSB juga telah dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Selain itu, pemeriksaan Audit terhadap kemudahan, perkhidmatan dan aset ASBSB telah dijalankan pada 16 dan 17 November 2016. *Exit conference* bersama CEO ASBSB telah diadakan pada 20 Januari 2017 yang turut dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat Sabah.

4.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2016 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan adalah memuaskan kerana ASBSB berjaya mencatat keuntungan tiga tahun berturut-turut dan keuntungan terkumpul berjumlah RM269.11 juta pada tahun 2015. Dari segi pengurusan aktiviti ASBSB adalah teratur manakala tadbir urus korporat adalah memuaskan. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti ringkasan berikut:

- i. kemudahan/perkhidmatan belum disewakan;
- ii. tunggakan penghutang melebihi 120 hari berjumlah RM27.33 juta dan perjanjian sewaan belum ditandatangani/diperbaharui; dan
- iii. Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit belum ditubuhkan.

4.5.1. Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan ASBSB, analisis terhadap trend dari aspek pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi serta analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

4.5.1.1. Analisis Pendapatan, Perbelanjaan dan Untung Rugi

- a. Pendapatan utama ASBSB adalah terdiri daripada operasi sewaan dan perkhidmatan serta penjualan minyak. Pendapatan lain terdiri daripada dividen, faedah, pendapatan jualan minyak dan caj elektrik (*sundry*). Pada tahun 2014, pendapatan operasi telah meningkat sejumlah RM48.44 juta (17.8%) menjadi RM321.02 juta berbanding tahun 2013 yang berjumlah RM272.58 juta. Bagaimanapun, ia menurun sejumlah RM41.91 juta (13.1%)

menjadi RM279.11 juta pada tahun 2015. Pendapatan operasi lain mencatat penurunan sejumlah RM2.70 juta (30.6%) daripada RM8.82 juta kepada RM6.12 juta pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 tetapi meningkat semula menjadi RM9.24 juta pada tahun 2015. Ini disebabkan oleh kelembapan industri minyak dan gas. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.1** dan **Carta 4.1**.

- b. Perbelanjaan ASBSB terdiri daripada perbelanjaan operasi, perbelanjaan pentadbiran dan kos pembiayaan. Pada tahun 2014 perbelanjaan operasi telah meningkat sejumlah RM25.98 juta menjadi RM212.23 juta berbanding tahun 2013. Perbelanjaan operasi mencatat penurunan sebanyak 7.3% menjadi RM196.72 juta pada tahun 2015 berbanding tahun 2014. Perbelanjaan pentadbiran telah meningkat daripada RM21.79 juta pada tahun 2013 menjadi RM22.57 dan RM24.03 juta masing-masing pada tahun 2014 dan 2015. Kos pembiayaan pada tahun 2013 hingga 2015 pula telah menurun daripada RM3.83 juta pada tahun 2013 menjadi RM3.01 juta dan RM2.41 juta masing-masing pada tahun 2014 dan 2015. Peningkatan perbelanjaan operasi disebabkan oleh pembelian *container* berjumlah RM18.84 juta pada tahun 2014 dan penurunan pada tahun 2015 disebabkan tiada perolehan *container* dibuat. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.1** dan **Carta 4.1**.
- c. Bagi tahun 2013 hingga 2015, prestasi kewangan ASBSB adalah baik di mana ASBSB telah mencatat keuntungan sebelum cukai bagi tiga tahun berturut-turut masing-masing berjumlah RM69.53 juta, RM89.33 juta dan RM65.19 juta. Selain itu, keuntungan terkumpul adalah berjumlah RM269.11 juta pada tahun 2015. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.1** dan **Carta 4.2**.

JADUAL 4.1
PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN
KEUNTUNGAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015

BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
Pendapatan Operasi	272.58	321.02	279.11
Pendapatan Operasi Lain	8.82	6.12	9.24
Jumlah Pendapatan	281.40	327.14	288.35
Perbelanjaan Operasi	(186.25)	(212.23)	(196.72)
Perbelanjaan Pentadbiran	(21.79)	(22.57)	(24.03)
Kos Pembiayaan	(3.83)	(3.01)	(2.41)
Jumlah Perbelanjaan	(211.87)	(237.81)	(223.16)
Keuntungan Sebelum Cukai	69.53	89.33	65.19
Cukai Pendapatan	(25.27)	(26.74)	(19.65)
Keuntungan Selepas Cukai	44.26	62.59	45.54
Keuntungan Terkumpul	174.97	230.57	269.11

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

CARTA 4.1
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015



CARTA 4.2
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN KEUNTUNGAN TERKUMPUL
BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

4.5.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Analisis yang dibuat adalah meliputi analisis nisbah semasa, margin untung bersih, pulangan atas aset dan pulangan atas ekuiti seperti jadual berikut:

JADUAL 4.2
ANALISIS NISBAH KEWANGAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015

NISBAH SEMASA	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) [a]	LIABILITI SEMASA (RM Juta) [b]	NISBAH SEMASA [a/b]
	2013	198.63	135.15	1.47:1
	2014	222.41	136.58	1.63:1
	2015	169.31	109.80	1.54:1

Nisbah semasa atau nisbah kecairan aset adalah ukuran bagi menilai tahap kecairan kewangan sesebuah syarikat. Nisbah ini menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah semasa yang baik adalah melebihi 2 menunjukkan pada bila-bila masa syarikat mampu membayar pembiutang semasanya.

Analisis Audit mendapati kadar kecairan ASBSB bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 masing-masing dengan kadar 1.47:1, 1.63:1 dan 1.54:1. Ini menunjukkan kecairan ASBSB berada pada tahap yang memuaskan pada tahun 2013 hingga 2015 dan berkeupayaan melunaskan tanggungan semasanya.

MARGIN UNTUNG BERSIH	TAHUN	KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (RM Juta) [a]	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) [b]	MARGIN UNTUNG BERSIH (%) [a/b] x 100
	2013	44.27	272.59	16.2
	2014	62.59	321.03	19.5
	2015	45.54	279.11	16.3

Margin untung bersih digunakan untuk mengukur keberkesanannya aktiviti utama dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat, di mana bagi setiap kenaikan hasil akan memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Pada umumnya, margin yang lebih tinggi adalah lebih baik.

Analisis Audit terhadap kedudukan margin keuntungan bersih mendapati ASBSB berupaya menjana keuntungan kepada syarikat. Margin keuntungan bersih pada tahun 2014 meningkat menjadi 19.5% berbanding tahun 2013 iaitu 16.2%. Kadar margin keuntungan pada tahun 2015 telah menurun menjadi 16.3% berbanding tahun 2014 adalah disebabkan penurunan pada pendapatan syarikat.

PULANGAN ATAS ASET	TAHUN	KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (RM Juta)	JUMLAH ASET (RM Juta)	PULANGAN ATAS ASET (%)
		[a]	[b]	[a/b] x 100
	2013	44.27	480.97	9.2
	2014	62.59	530.72	11.8
	2015	45.54	533.63	8.5

Kadar pulangan atas aset digunakan untuk mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya, iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, nisbah yang lebih tinggi adalah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset.

Analisis Audit mendapati kadar pulangan atas aset pada tahun 2013 hingga 2015 adalah masing-masing pada kadar 9.2%, 11.8% dan 8.5%. Penurunan yang ketara pada tahun 2015 adalah disebabkan pertambahan aset syarikat dan penurunan pada pendapatan.

PULANGAN ATAS EKUITI	TAHUN	KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (RM Juta)	JUMLAH EKUITI (RM Juta)	PULANGAN ATAS EKUITI (%)
		[a]	[b]	[a/b] x 100
	2013	44.27	218.96	20.2
	2014	62.59	274.56	22.8
	2015	45.54	313.10	14.5

Pulangan atas ekuiti bertujuan mengukur pulangan atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah, semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan untung yang lebih tinggi kepada pemiliknya.

Analisis Audit mendapati pulangan atas ekuiti pada tahun 2013 hingga 2015 adalah kukuh walaupun berlaku penurunan ketara pada tahun 2015 iaitu pada kadar 14.5% berbanding tahun 2014 iaitu 22.8%. Ini disebabkan oleh penurunan pendapatan dan peningkatan pada keuntungan terkumpul syarikat. Selain itu, pada tahun 2015, ASBSB telah membayar dividen berjumlah RM7 juta kepada syarikat induknya.

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi tahun 2013 Hingga 2015

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan ASBSB adalah memuaskan kerana ASBSB berjaya mencatat keuntungan tiga tahun berturut-turut dan keuntungan terkumpul berjumlah RM269.11 juta pada tahun 2015.

4.5.2. Pengurusan Aktiviti

ASBSB menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kepada industri minyak dan gas serta industri lain yang berkaitan di Wilayah Persekutuan Labuan. Kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan adalah penjualan minyak dan tenaga elektrik, penyewaan bangunan, kabin, ruang penyimpanan terbuka dan perkhidmatan jetty/quay wharf complete with loading at all berth, material handling equipment, bulking, manpower dan 24 hour security.

4.5.2.1. Prestasi Pendapatan dari Perkhidmatan Jetty/Quay Wharf, Material Handling Equipment, Bulking dan Manpower/Labour

- a. Jumlah pendapatan dari perkhidmatan *jetty/quay wharf, material handling equipment, bulking* dan *manpower/labour* pada tahun 2014 hingga 2016 adalah masing-masing berjumlah RM238.18 juta, RM196.12 juta dan RM124.66 juta berbanding sasaran iaitu RM217.91 juta, RM181.92 juta dan RM107.51 juta bagi tempoh yang sama. Berdasarkan **Jadual 4.3**, didapati pendapatan bagi semua aktiviti perkhidmatan telah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu antara 7.8% hingga 16% bagi tahun 2014 hingga 2016.

**JADUAL 4.3
PENDAPATAN PERKHIDMATAN SEBENAR
BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

BUTIRAN	2014		2015		2016	
	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)
<i>Material Handling Equipment</i>	98.94	106.07	87.55	93.51	49.40	57.00
<i>Bulking</i>	76.94	87.42	55.54	61.53	36.00	39.87
<i>Jetty</i>	27.14	28.72	23.51	24.12	11.91	17.10
<i>Manpower (Labour)</i>	14.89	16.11	15.32	16.96	10.20	10.69
JUMLAH	217.91	238.32	181.92	196.12	107.51	124.66
Pencapaian (%)	238.32/217.91 = 109.4		196.12/181.92 = 107.8		124.66/107.51= 116.0	

Sumber: ASBSB

- b. Semakan Audit terhadap dua daripada empat perkhidmatan yang disediakan oleh ASBSB mendapati ASBSB mempunyai 12 jeti (*berthage* dan *wharfage jetty/quay wharf*) untuk disewakan. Kapasiti perkhidmatan jeti ASBSB adalah 36 kapal yang boleh berlabuh pada setiap masa/hari. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkhidmatan *jetty/quay wharf* menyumbang kutipan hasil berjumlah RM28.72 juta, RM24.12 juta dan RM17.10 juta masing-masing bagi tahun 2014 hingga 2016. Ini menunjukkan trend penurunan kerana kapal yang mendarat dan menggunakan jeti telah menurun bagi tempoh yang sama iaitu masing-masing 10,316, 7,521 dan 5,724 buah seperti **Jadual 4.4**. Pencapaian penggunaan jeti berbanding anggaran kapasiti jeti adalah pada tahap memuaskan iaitu masing-masing 94.2%, 68.7% dan 52.3% bagi tiga tahun ini.

**JADUAL 4.4
KAPAL YANG MENGGUNAKAN
PERKHIDMATAN JETI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

PERIHAL	2014 (BIL.)	2015 (BIL.)	2016 (BIL.)
Kapasiti (a) *	10,950	10,950	10,950
Penggunaan Sebenar (b)	10,316	7,521	5,724
Pencapaian (b)/(a) (%)	94.2	68.7	52.3

Sumber: ASBSB

Nota: * - Andaian 36 kapal setiap hari dalam setahun

4.5.2.2. Prestasi Pendapatan daripada Penyewaan Bangunan, Kabin dan Ruang Penyimpanan Terbuka

a. ASBSB menyewakan bangunan pejabat, kabin dan lain-lain seperti perkhidmatan pembersihan, perabot dan peralatan pejabat, *warehouse* dan kawasan ruang penyimpanan terbuka dengan keluasan antara lima ekar hingga 52 ekar. Jumlah hasil bagi penyewaan bangunan, kabin, dan ruang penyimpanan terbuka pada tahun 2014 hingga 2016 adalah masing-masing berjumlah RM73.02 juta, RM75.70 juta dan RM66.93 juta berbanding sasaran berjumlah RM73.51 juta, RM75.12 juta dan RM68.18 juta bagi tempoh yang sama. Berdasarkan **Jadual 4.5**, didapati pendapatan bagi tahun 2015 telah mencapai sasaran bagi tahun 2014 dan 2016. Sungguhpun sasaran tidak tercapai namun pendapatan yang telah dijana melebihi 95%.

JADUAL 4.5
PENDAPATAN SEWAAN SEBENAR
BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

BUTIRAN	2014		2015		2016	
	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)
Open storage (yard)	39.43	38.75	39.46	39.18	36.92	36.22
Warehouse	12.75	12.79	13.47	13.38	11.28	11.05
Containers	10.66	11.10	12.72	13.65	9.60	10.17
Workshop	8.08	7.88	6.70	6.77	7.29	6.78
Pejabat	1.99	1.95	2.19	2.13	2.50	2.07
Explosive Bunker	0.60	0.55	0.58	0.59	0.59	0.64
JUMLAH	73.51	73.02	75.12	75.70	68.18	66.93
Pencapaian (%)	73.02/73.51 = 99.3		75.70/75.12 = 100.8		66.93/68.18=98.2	

Sumber: ASBSB

- i. Penyewaan *containers* menyumbang kutipan hasil berjumlah RM11.10 juta, RM13.65 juta dan RM10.17 juta masing-masing pada tahun 2014 hingga 2016. Mengikut rekod ASBSB, hanya 1,136 buah *container* (11 jenis) atau 32.2% daripada 3,524 keseluruhan *container* yang disewa setakat bulan Disember 2016. Manakala bakinya sebanyak 2,388 buah *container* (67.8%) belum ada penyewa seperti **Jadual 4.6** dan **Gambar 4.1**. Ini menunjukkan penyewaan *container* pada tahun 2016 adalah pada tahap yang kurang memuaskan. Permintaan terhadap *container* berkurangan disebabkan penurunan dalam aktiviti penggalian minyak dan gas berikutan kelembapan ekonomi industri minyak dan gas. *Mini container* merupakan bilangan terbanyak tidak disewa iaitu sebanyak 551 buah daripada 775 buah dan 548 buah daripada 628 buah masing-masing bagi jenis DNV 2-7.1 dan EN 12079. Perolehan *container* jenis DNV tersebut telah dibuat antara bulan Jun 2014 hingga Oktober 2015 dengan kos keseluruhan berjumlah RM18.84 juta dan kesannya

perolehan *mini container* tersebut belum memberikan pulangan sewajarnya kepada ASBSB.

JADUAL 4.6
KEDUDUKAN CONTAINERS PADA TAHUN 2016

CONTAINER	JENIS					
	DNV 2-7.1			EN 12079		
	JUMLAH (UNIT)	DISEWA (UNIT)	BAKI (UNIT)	JUMLAH (UNIT)	DISEWA (UNIT)	BAKI (UNIT)
<i>Mini Container</i>	775	224	551	628	80	548
<i>Open Top Basket</i>	250	215	35	394	79	315
<i>Rubbish Skip</i>	348	140	208	425	184	241
<i>Drum Rack</i>	120	85	35	173	85	88
<i>Cylinder Rack</i>	5	1	4	52	31	21
<i>Open Top Basket (23 Feet)</i>	5	3	2	75	6	69
<i>Open Top Basket (25 Feet)</i>	10	0	10	44	3	41
<i>Open Top Basket (14' x 4')</i>	200	0	200	0	0	0
<i>Open Top Basket (45 Feet)</i>	10	0	10	0	0	0
<i>Cargo Container</i>	10	0	10	0	0	0
<i>Double Deck Rack</i>	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	1,733	668	1,065	1,791	468	1,323

Sumber: ASBSB



GAMBAR 4.1

*Warehouse 3, W.P. Labuan
- Stok Mini Container
(16.11.2016)*

Maklum Balas ASBSB yang Diterima Pada 26 Mei 2017

Pihak ASBSB telah pun menandatangani MOU dengan Modex Energy Rentals Singapore untuk kerjasama bagi memasarkan penyewaan container ke pasaran luar. Selain itu, pihak ASBSB juga dalam perancangan menandatangani MOU bersama Usukan Oil & Gas Centre Sdn. Bhd. bagi penyewaan container.

- ii. Pemeriksaan Audit ke lokasi yard/warehouse/workshop pada 16 November 2016 mendapati perkara berikut:
 - Lot gudang sukar ditentukan akibat garisan pudar. Manakala lantai gudang yang lekuk mengakibatkan air telah bertakung seperti berikut:

GAMBAR 4.2



Warehouse 2, ASBSB, W.P. Labuan
- Garisan Pemisah Lot Telah Pudar
(16.11.2016)

GAMBAR 4.3



Warehouse 2, ASBSB, W.P. Labuan
- Garisan Pemisah Lot Telah Dicat Semula
(20.02.2017)
(Sumber: ASBSB)

GAMBAR 4.4



Warehouse 2, ASBSB, W.P. Labuan
- Air Bertakung Di Lantai
(16.11.2016)

GAMBAR 4.5



Warehouse 2, ASBSB, W.P. Labuan
- Lantai Telah Dibaiki
(20.02.2017)
(Sumber: ASBSB)

- Selain itu, lot *warehouse* yang belum disewa telah digunakan untuk menyimpan aset/peralatan/barangan dan pihak ASBSB tidak mempunyai stor yang khusus untuk menyimpan barang-barang stok mereka seperti berikut:

GAMBAR 4.6



Warehouse 2, ASBSB, W.P. Labuan
- Prime Mover (Trailer) Disimpan Di Lot
Belum Disewa
(16.11.2016)

GAMBAR 4.7



Warehouse 2, ASBSB, W.P. Labuan
- Prime Mover (Trailer) Telah Dialihkan
(20.02.2017)
(Sumber: ASBSB)

GAMBAR 4.8



*Warehouse 2, ASBSB, W.P. Labuan
Barangan - ASBSB Disimpan Di Lot Belum
Disewa
(16.11.2016)*

GAMBAR 4.9



*Warehouse 2, ASBSB, W.P. Labuan
- Lot Belum Disewa Telah Dikosongkan
(20.02.2017)
(Sumber: ASBSB)*

4.5.2.3. Perjanjian Sewaan

Mengikut *Agreement Master List* yang diselenggara oleh ASBSB, terdapat sebanyak 120 perjanjian sewaan kemudahan antara ASBSB dan pelanggan pada tahun 2016. Bagaimanapun, sebanyak 14 pembaharuan perjanjian sewaan belum ditandatangani dan tiga pelanggan tidak mempunyai perjanjian seperti di **Jadual 4.7**. Ini disebabkan, pusat operasi pihak penyewa berada di luar negara dan mengakibatkan perjanjian lewat ditandatangani.

JADUAL 4.7
SENARAI PERJANJIAN PENYEWAAN YANG
TAMAT TEMPOH DAN TIDAK DISEDIAKAN PADA TAHUN 2016

BIL.	PELANGGAN	JENIS KEMUDAHAN	TEMPOH PENYEWAAN	TARIKH TAMAT TEMPOH
1.	Baker Atlas (M) Sdn. Bhd.	MHE – 3 ton forklift	3 tahun	31.12.2011
2.	Desa 7 Resources (M) Sdn. Bhd.	Open Space	5 tahun	31.03.2016
3.	Dialog Systems Sdn. Bhd.	Liquid Mud Plant	1 tahun	31.05.2016
4.	Diamond Offshore Drilling Sdn. Bhd.	Open Storage	3 tahun	31.10.2016
5.	Dowell Schlumberger (M) Sdn. Bhd.	Silo Rental	3 tahun	31.12.2015
6.		Warehouse	2 tahun	31.01.2016
7.	Franklin Offshore International Pte. Ltd.	Open Storage	1 tahun	29.02.2016
8.	Halliburton Energy Services (M) Sdn. Bhd.	Warehouse	1 tahun	15.04.2016
9.	Murphy Sarawak Oil Co. Ltd.	Racks – Pallet Rack System	20 tahun	30.05.2016
10.	Petronas Dagangan Berhad	Office	3 tahun	31.08.2016
11.	Repsol Oil & Gas Malaysia Ltd.	Container	49 bulan	01.01.2016
12.	Sapurakencana Drilling Tioman Sdn. Bhd.	Racks	3 tahun	14.04.2016
13.	Scomi Oiltools Sdn. Bhd.(KMC)	Silo Rental	3 tahun	31.12.2015
14.	UMW Workover Sdn. Bhd.	Workshop	3 tahun	31.07.2016

Sumber: ASBSB

Maklum balas ASBSB yang diterima pada 14 Februari 2017

Pihak ASBSB telah mengambil tindakan dengan memberi notis peringatan kepada sembilan pelanggan, dua perjanjian bagi satu pelanggan telah

ditandatangani dan tiga pelanggan dalam perbincangan untuk menyempurnakan perjanjian.

4.5.2.4. Tunggakan Penghutang

ASBSB memberi tempoh kredit selama 30 hari kepada pelanggannya untuk menjelaskan bayaran. Semakan Audit mendapati tunggakan penghutang ASBSB pada tahun 2016 adalah berjumlah RM71.36 juta. Analisis pengumuran mendapati tunggakan penghutang yang melebihi RM1 juta adalah berjumlah RM37.72 juta (52.9%) daripada keseluruhan tunggakan. Tempoh tunggakan adalah kurang daripada 30 hingga melebihi 121 hari. Tunggakan melebihi tempoh 121 hari adalah yang tertinggi iaitu berjumlah RM27.33 juta. Semakan Audit mendapati tidak ada tindakan undang-undang diambil terhadap penghutang walaupun beberapa notis dikeluarkan. Maklumat lanjut pengumuran tunggakan penghutang adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.8
PENGUMURAN TUNGGAKAN PENGHUTANG PADA TAHUN 2016

BUTIRAN	Di bawah 30 HARI (RM Juta)	31 – 60 HARI (RM Juta)	61 – 90 HARI (RM Juta)	91 – 120 HARI (RM Juta)	> 121 HARI (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
<RM500,000	7.88	5.55	3.72	1.24	5.97	24.36
RM500,000 – RM1,000,000	2.57	2.89	1.98	0	1.84	9.28
>RM1,000,000	9.24	6.11	2.85	0	19.52	37.72
JUMLAH	19.69	14.55	8.55	1.24	27.33	71.36

Sumber: ASBSB

Maklum balas ASBSB yang diterima pada 14 Februari 2017

Kebanyakan pelanggan menempatkan pejabat operasi di W.P. Labuan, manakala urusan kewangan dan kelulusan beroperasi di luar W.P. Labuan. Oleh yang demikian, aliran dokumen mengambil lebih masa disebabkan lokasi pihak berkuasa yang berbeza bagi setiap pelanggan.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti adalah teratur. Bagaimanapun, kelemahan seperti kemudahan dan perkhidmatan yang tidak dapat disewakan disebabkan keadaan ekonomi yang tidak menentu adalah di luar kawalan dan tindakan alternatif perlu dicari.

4.5.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ia merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik boleh membantu syarikat mempertingkatkan

kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat ASBSB mendapati perkara berikut:

4.5.3.1. Pengerusi dan Lembaga Pengarah

- a. Perenggan 1.1.3 Buku Hijau menyatakan Pengerusi yang dilantik hendaklah tidak mempunyai kuasa eksekutif dan tidak campur tangan dalam urusan operasi harian syarikat. Selain itu, satu per tiga keahlian Lembaga Pengarah hendaklah bebas. Sekiranya, Pengerusi yang dilantik bukan bebas, majoriti komposisi keahlian Lembaga Pengarah hendaklah bebas. Perenggan 1.1.4 juga menyatakan Lembaga Pengarah perlu dilantik atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan perniagaan syarikat.

Komposisi keahlian Lembaga Pengarah ASBSB adalah selari dengan amalan tadbir urus yang digariskan dalam Buku Hijau. ASBSB diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO). Manakala ahli Lembaga Pengarah adalah seramai tujuh orang terdiri daripada dua orang ahli politik, dua orang ahli perniagaan, dua orang pegawai eksekutif Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd. dan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat. Pengerusi merupakan seorang ahli politik.

- b. Buku Hijau *Enhancing Board Effectiveness* menyarankan kekerapan mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah secara purata antara enam hingga lapan kali setahun serta berdasarkan keperluan persekitaran perniagaan syarikat. Pihak Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sebanyak satu kali, enam kali dan tiga kali masing-masing pada tahun 2014 hingga 2016. Semakan Audit mendapati, kekerapan mesyuarat ahli Lembaga Pengarah tidak mengikut amalan terbaik yang ditetapkan Buku Hijau *Enhancing Board Effectiveness* bagi tahun 2014 dan 2016. Manakala pada tahun 2015 ASBSB mematuhi kekerapan mesyuarat yang ditetapkan.

Maklum Balas ASBSB yang Diterima Pada 26 Mei 2017

Pihak ASBSB telah mengambil perhatian terhadap isu yang dinyatakan. Setakat bulan Mei 2017 Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sebanyak 2 kali masing-masing pada bulan Mac dan Mei 2017.

- c. Mengikut pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Bil. CMD. JKM.100-10/24 bertarikh 18 Ogos 2011, cadangan lawatan keluar Negeri oleh Pengerusi,

Ahli Lembaga Pengarah atau Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun dan syarikat milik Kerajaan Negeri yang dibiayai oleh agensi atau syarikat hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Y.A.B. Ketua Menteri atau Menteri yang bertanggungjawab. Semakan Audit mendapati perbelanjaan perjalanan/lawatan ahli Lembaga Pengarah ke luar negara adalah berjumlah RM0.66 juta, RM0.18 juta dan RM0.10 juta masing-masing pada tahun 2013 hingga 2015. Perjalanan/lawatan tersebut telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah dan Kementerian Pembangunan Dan Teknologi Maklumat pada 2 Mac 2017.

4.5.3.2. Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit

Prinsip 6 - Mengenal Dan Mengurus Risiko yang digariskan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 menjelaskan bahawa Lembaga Pengarah perlu mewujudkan fungsi Audit Dalam yang membuat laporan terus kepada Jawatankuasa Audit. Bahagian B2, Kod Tadbir Urus Korporat Untuk Badan Berkanun Negeri Sabah yang diluluskan oleh Jemaah Kabinet Negeri pada 20 Januari 2010 dan dipanjangkan pemakaiannya kepada semua syarikat milik Kerajaan Negeri menetapkan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan hendaklah ditubuhkan. Semakan Audit mendapati ASBSB tidak menubuhkan Unit Audit Dalam (UAD) dan Jawatankuasa Audit. Bagaimanapun, fungsi UAD dan Jawatankuasa Audit telah dilaksanakan oleh UAD serta Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan syarikat induk iaitu Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd. Pengauditan oleh UAD Sabah Energy Corporation adalah merangkumi operasi dan pengiraan stok.

Maklum Balas ASBSB yang Diterima Pada 26 Mei 2017

Pihak pengurusan ASBSB bersetuju atas saranan terhadap pengwujudan UAD dan akan membentangkan saranan ini dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk pelaksanaan.

4.5.3.3. Pelan Strategik dan Rancangan Korporat

Berdasarkan amalan terbaik, setiap syarikat perlu menyediakan Rancangan Korporat dan menetapkan strateginya untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang serta rancangan tersebut perlu selaras dengan objektif penubuhannya. Semakan Audit mendapati Pelan Strategik ASBSB telah disediakan yang merangkumi kewangan dan persekitaran operasi untuk perkhidmatan industri minyak dan gas serta pembangunan dan pengeluaran aktiviti berkaitan dengannya.

4.5.3.4. Standard Operating Procedures

Sistem dan prosedur yang lengkap, jelas dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Ia dapat membantu pihak pengurusan membuat keputusan dan mengambil tindakan dengan segera dan seterusnya dapat membantu syarikat mencapai misi dan objektifnya. *Standard Operating Procedures* (SOP) merupakan rujukan penting kepada setiap anggota kerana dokumen ini mengandungi segala fungsi, prosedur, proses kerja dan kuasa kewangan. Semakan Audit mendapati ASBSB mengguna pakai peraturan yang telah mendapat pengiktirafan ISO 9001:2008, OHSAS 18001:2007, ISO 14001:2004 yang merangkumi operasi/aktiviti dan kewangan syarikat. Sijil tersebut telah diperbaharui dan sah sehingga bulan Mac 2018.

4.5.3.5. Pembayaran Dividen

Berdasarkan amalan terbaik dan Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bilangan 7 Tahun 2001, bayaran dividen sekurang-kurangnya sepuluh peratus daripada keuntungan setiap tahun perlu dibayar oleh syarikat Kerajaan kepada Kerajaan Negeri sebagai pemegang saham. Semakan Audit mendapati ASBSB telah mengisyiharkan dividen setiap tahun iaitu sejumlah RM8 juta pada tahun 2013 dan masing-masing RM7 juta pada tahun 2014 dan 2015.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat adalah memuaskan. Bagaimanapun, penambahbaikan terhadap isu berbangkit perlu diambil tindakan segera.

4.6. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan pengurusan Asian Supply Base Sdn. Bhd. (ASBSB) dari aspek pengurusan aktiviti dan amalan tadbir urus korporat, pihak Audit mengesyorkan ASBSB mengambil tindakan berikut:

- 4.6.1. mempertingkatkan usaha pemasaran/promosi untuk mendapatkan pelanggan/penyewa bagi kemudahan/perkhidmatan yang belum disewa atau mencari alternatif lain untuk menjana pendapatan;
- 4.6.2. tindakan undang-undang hendaklah diambil terhadap penghutang dan perjanjian sewaan hendaklah ditandatangani serta diperbaharui; dan
- 4.6.3. memantapkan tadbir urus korporat dengan menerima pakai amalan terbaik tadbir urus agar berada pada tahap yang lebih baik.

KORPORASI PEMBANGUNAN DESA

5. AGRODESA SDN. BHD.

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Agrodesa Sdn. Bhd. (ASB) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 25 Julai 2006 dengan saham dibenarkan dan berbayar penuh sejumlah RM500,000. ASB merupakan syarikat milik penuh Korporasi Pembangunan Desa (KPD) yang merupakan Badan Berkanun Negeri. Objektif utama penubuhan syarikat adalah untuk mencapai misi memaksimumkan nilai pemegang saham dalam semua aktiviti komersial dan seterusnya sebagai Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) asas tani yang terbaik di Sabah. Aktiviti utama yang dijalankan oleh ASB adalah mengendalikan *Agrodesa Poultry Processing Centre* (APPC) dan jualan ayam diproses, mengendalikan fidlot ladang lembu dan jualan daging lembu segar dan mengendalikan pengeluaran sebatian baja kompos serta jualan baja kompos. Bagaimanapun, mulai bulan November 2014, semua aktiviti berkenaan telah dihentikan dan hanya tertumpu kepada satu aktiviti sahaja iaitu penyewaan APPC yang terletak di Lok Kawi, Penampang.

5.1.2. Ahli Lembaga Pengarah ASB dipengerusikan oleh ADUN N48 Sukau sebagai ahli bukan eksekutif dan dibantu oleh dua orang pengarah yang terdiri daripada wakil KPD. ASB diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh enam orang kakitangan. Pengurusan ASB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Penubuhan (M&A) serta *Standard Operating Procedures* (SOP) syarikat.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan dan amalan tadbir urus korporat ASB adalah memuaskan serta pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

5.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus dan pengurusan kewangan. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada Penyata Kewangan beraudit bagi tahun 2013 hingga 2015. Manakala pengurusan aktiviti dan tadbir urus dilaksanakan bagi tahun 2013 hingga bulan Jun 2016.

5.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan adalah melalui semakan terhadap rekod, fail, minit mesyuarat dan dokumen yang dikemukakan oleh pihak pengurusan ASB kepada pihak Audit. Selain itu, pihak Audit juga menjalankan analisis terhadap data syarikat, menemu buah pihak berkaitan dan menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap aktiviti yang dijalankan. *Exit conference* yang dihadiri oleh ahli Lembaga Pengarah yang juga merupakan Timbalan Pengurus Besar KPD, Ketua Pegawai Eksekutif ASB dan wakil Kementerian Kewangan Sabah telah dijalankan pada 5 September 2016.

5.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun dan Julai 2016, mendapati pada umumnya prestasi kewangan ASB adalah tidak memuaskan kerana mencatatkan kerugian tiga tahun berturut-turut berjumlah antara RM0.16 juta hingga RM2.30 juta. Manakala kerugian terkumpul pada 31 Disember 2015 berjumlah RM4.33 juta. Dari segi pengurusan aktiviti ASB adalah tidak teratur kerana projek yang diusahakan tidak mencapai objektif penubuhannya. Manakala tadbir urus korporat adalah kurang memuaskan. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti ringkasan berikut:

- i. mengalami kerugian dalam operasi APPC, jualan ayam segar, jual beli lembu hidup dan daging segar serta Projek Bio-Kompos;
- ii. menanggung tunggakan berjumlah RM688,547 setakat 31 Disember 2016 dari aktiviti pembelian ayam hidup dan ayam segar oleh Manggis Abattoir. Tunggakan juga disumbangkan daripada aktiviti sewaan APPC oleh syarikat sama manakala perjanjian sewaan yang baharu masih belum ditandatangani. Di samping itu, tunggakan pinjaman kepada Borneo Moringa Sdn. Bhd. belum berjaya dikutip semula; dan
- iii. kurang pemantauan oleh KPD terhadap operasi APPC sehingga mendarangkan kerugian kepada syarikat ditambah dengan pengurusan aset yang lemah di mana Manual Prosedur yang disediakan tidak lengkap.

5.5.1 Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan ASB, analisis terhadap trend dan nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

5.5.1.1. Analisis Pendapatan, Perbelanjaan dan Untung Rugi

- Analisis pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi bagi tahun 2013 hingga 2015 mendapati jumlah pendapatan ASB telah meningkat daripada RM642,754 pada tahun 2013 kepada RM4.60 juta pada tahun 2014 tetapi menurun semula kepada RM632,959 pada tahun 2015. Peningkatan pendapatan pada tahun 2014 adalah disebabkan syarikat menjalankan aktiviti pemprosesan dan pemasaran ayam. Bagaimanapun pada tahun 2015, ASB tidak menjalankan sebarang aktiviti kecuali penyewaan APPC. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 5.1** dan **Carta 5.1**.
- Perbelanjaan ASB menunjukkan peningkatan daripada RM1.65 juta pada tahun 2013 kepada RM6.90 juta pada tahun 2014 tetapi menurun semula kepada RM0.79 juta pada tahun 2015. Peningkatan perbelanjaan pada tahun 2014 terutamanya adalah disebabkan oleh pembelian ayam hidup yang berjumlah RM5.15 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 5.1** dan **Carta 5.1**.
- ASB mencatatkan kerugian tiga tahun berturut-turut berjumlah antara RM0.16 juta hingga RM2.30 juta. Manakala kerugian terkumpul pada 31 Disember 2015 berjumlah RM4.33 juta berbanding RM500,000 modal berbayar sedia ada. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 5.1** dan **Carta 5.2**.

JADUAL 5.1
PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN
UNTUNG RUGI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015

BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
Jumlah Pendapatan	0.64	4.60	0.63
Jumlah Perbelanjaan	(1.65)	(6.90)	(0.79)
Kerugian Sebelum Cukai	(1.01)	(2.30)	(0.16)
Cukai Pendapatan	-	-	-
Kerugian Selepas Cukai	(1.01)	(2.30)	(0.16)
Kerugian Terkumpul	(1.87)	(4.17)	(4.33)

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

CARTA 5.1
TREND PENDAPATAN DAN
PERBELANJAAN BAGI TAHUN
2013 HINGGA 2015



CARTA 5.2
TREND KERUGIAN SEBELUM CUKAI DAN
KERUGIAN TERKUMPUL BAGI TAHUN
2013 HINGGA 2015



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

5.5.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan ASB, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Kewangan ASB bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.2
ANALISIS NISBAH KEWANGAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015

NISBAH SEMASA	TAHUN	ASET SEMASA (RM) [a]	LIABILITI SEMASA (RM) [b]	NISBAH SEMASA (RM) [a/b]
	2013	350,659	3,102,728	0.11:1
	2014	1,317,832	6,182,715	0.21:1
	2015	1,322,042	6,079,275	0.22:1

Nisbah semasa digunakan bagi mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat membayar hutang dalam jangka pendek. Pada umumnya semakin tinggi nisbah, semakin baik kecairan sesebuah syarikat.

Bagi tahun 2013 hingga 2015, analisis Audit mendapati nisbah semasa tidak memuaskan iaitu pada nisbah 0.11:1, 0.21:1 dan 0.22:1 masing-masing. Ini menunjukkan ASB tidak berkemampuan untuk menjelaskan keseluruhan tanggungan semasanya.

MARGIN UNTUNG BERSIH	TAHUN	KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI (RM) [a]	JUMLAH PENDAPATAN (RM) [b]	MARGIN UNTUNG BERSIH (%) [a/b] x 100
	2013	(1,006,947)	642,754	(156.7)
	2014	(2,294,178)	4,603,456	(49.8)
	2015	(158,812)	632,959	(25.1)

Margin untung bersih digunakan bagi mengukur keberkesanan aktiviti utama dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di

mana bagi setiap kenaikan hasil akan memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Pada umumnya, margin yang lebih tinggi adalah lebih baik. Analisis Audit mendapati syarikat telah menanggung kerugian bersih selepas cukai pada tahun 2013 sebanyak negatif 156.7%. Bagaimanapun, kadar kerugian bersih selepas cukai semakin berkurangan masing-masing kepada negatif 49.8% dan 25.1% pada tahun 2014 dan 2015

PULANGAN ATAS ASET	TAHUN	KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) SELEPAS CUKAI (RM) [a]	JUMLAH ASET (RM) [b]	PULANGAN ATAS ASET (%) [a/b] x 100
		(RM)	[a]	[b]
	2013	(1,006,947)	2,321,154	(43.4)
	2014	(2,294,178)	3,014,986	(76.1)
	2015	(158,812)	2,652,237	(6.0)

Pulangan atas aset adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, nisbah yang lebih tinggi adalah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset.

Analisis Audit mendapati pulangan atas aset syarikat menunjukkan kerugian bagi tahun 2013 hingga 2015 masing-masing sebanyak negatif 43.4%, negatif 76.1% dan negatif 6% bagi setiap ringgit aset yang dilaburkan.

PULANGAN ATAS EKUITI	TAHUN	KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) SELEPAS CUKAI (RM) [a]	JUMLAH EKUITI (RM) [b]	PULANGAN ATAS EKUITI (%) [a/b] x 100
		(RM)	[a]	[b]
	2013	(1,006,947)	(1,372,165)	(73.4)
	2014	(2,294,178)	(3,666,343)	(62.6)
	2015	(158,812)	(3,825,155)	(4.2)

Pulangan atas ekuiti bertujuan mengukur pulangan atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah, semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan untung yang lebih tinggi kepada pemiliknya.

Bagi tahun 2013 hingga 2015, analisis Audit mendapati syarikat berada dalam kedudukan defisit ekuiti. Pulangan atas ekuiti pada tahun 2013, 2014 dan 2015 adalah pada (73.4%), (62.6%) dan (4.2%) masing-masing. Ini bermaksud syarikat telah menanggung kerugian selepas cukai pada kadar RM0.73, RM0.63 dan RM0.04 pada tahun 2013, 2014 dan 2015 masing-masing.

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan ASB adalah tidak memuaskan kerana mencatatkan kerugian tiga tahun berturut-turut berjumlah antara RM0.16 juta hingga RM2.30 juta.

5.5.2. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya menjamin pencapaian objektif. Pada asalnya, aktiviti utama ASB adalah mengendalikan *Agrodesa Poultry Processing Centre* (APPC) dan jualan ayam yang telah diproses, projek jual-beli lembu hidup dan jualan daging lembu segar serta Projek Bio-Kompos dan jualan baja kompos. Bagaimanapun, mulai bulan November 2014, semua aktiviti berkenaan telah dihentikan dan hanya tertumpu kepada satu aktiviti sahaja iaitu penyewaan APPC. Antara sebab aktiviti

dihentikan ialah salah urus pengurusan APPC dan jualan ayam diproses mengakibatkan kehilangan besar pendapatan, kemerosotan jualan baja kompos, kesukaran mendapatkan bekalan lembu muda yang mencukupi untuk menambah operasi fidlot dan pengurusan aktiviti syarikat yang tidak cekap.

5.5.2.1. Agrodesa Poultry Processing Centre dan Jualan Ayam Diproses

- a. *Agrodesa Poultry Processing Centre (APPC) diwujudkan bagi membantu KPD mengatasi masalah lebihan ayam yang tidak mampu disembelih oleh rumah penyembelihan luar serta kos upah menyembelih yang mahal. APPC mengendalikan pusat sembelihan ayam dan pengendalian ayam proses sebelum dijual. Kemudahan yang disediakan oleh APPC adalah mobile container untuk digunakan bagi menyembelih ayam KPD. Pada 2 Januari 2013, ASB telah menandatangani perjanjian dengan KPD bagi pembayaran upah menyembelih dan memproses ayam. ASB dibayar upah RM1.10 bagi seekor ayam yang disembelih, upah memotong bahagian-bahagian ayam adalah RM0.20 bagi setiap kilo dan jika ayam diproses dan disejuk bekukan, bayaran upah seekor adalah RM1.30.*
- b. Semakan Audit mendapati jumlah pendapatan tahun 2013 bagi upah sembelih dan jualan ayam ASB tidak dapat menampung kos operasi APPC serta mengalami kerugian berjumlah RM382,673. Bermula pada 9 Disember 2013, pihak ASB telah mengambil alih pemasaran ayam KPD untuk mendapatkan dana bagi membiayai perbelanjaan operasi.
- c. Bagaimanapun, aktiviti pemasaran sendiri ayam KPD tidak mampu menjana pendapatan kepada pihak ASB menyebabkan aktiviti tersebut terpaksa dihentikan pada 7 Julai 2014. Pihak ASB hanya mengambil upah sembelih ayam KPD sehingga 30 Oktober 2014 dan mula menyewakan APPC kepada Manggis Abattoir pada 7 November 2014. Pihak ASB masih mengalami kerugian berjumlah RM1.66 juta pada tahun 2014. Butiran analisis jualan dan kos pemprosesan ayam APPC bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.3
ANALISIS JUALAN DAN KOS
PEMPROSESAN AYAM BAGI TAHUN 2013 DAN 2014**

BUTIRAN	BIL. AYAM (EKOR)	2013 (RM)	BIL. AYAM (EKOR)	2014 (RM)
Jualan	TM	602,049	TM	4,494,532
Tolak : Kos Pembelian Ayam hidup	33,571	456,040	381,288	5,147,316
Lain-lain Kos Operasi		427,046		540,477
Kos Pentadbiran		101,636		463,731
Jumlah Kos		984,722		6,151,524
Kerugian		382,673		1,656,991

Sumber: ASB

Nota: TM = Tiada Maklumat

- d. Semakan lanjut menerusi laporan Unit Audit Dalam KPD oleh Juruaudit Dalam menyatakan bahawa mantan Ketua Pegawai Eksekutif telah memberi kemudahan kredit kepada para pelanggan tanpa mematuhi prosedur. Ini telah menyebabkan ASB mengalami kerugian jualan ayam di mana sejumlah wang telah diperuntukkan bagi menyelesaikan hutang lapuk. Ahli Lembaga Pengarah telah meluluskan resolusi pada 17 Mac 2015 untuk mengambil tindakan terhadap mantan Ketua Pegawai Eksekutif dengan menahan bayaran gaji beliau berjumlah RM19,000 untuk 2 bulan terakhir sebagai sebahagian penyelesaian hutang lapuk syarikat berjumlah RM82,994. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menyemak dokumen berkaitan kerana disimpan oleh mantan Ketua Pegawai Eksekutif. **Pihak Audit berpendapat, Jawatankuasa Siasatan perlu ditubuhkan bagi menyiasat pelanggaran prosedur pengurusan kewangan yang telah ditetapkan dan penyalahgunaan kuasa sehingga menyebabkan berlaku ketirisan dan pembaziran terhadap sumber dana yang disalurkan.**

Maklum Balas ASB yang Diterima Pada 29 Mei 2017

Berdasarkan kepada kandungan Laporan Siasatan Audit Dalam KPD, Lembaga Pengarah telah mengarahkan pengurusan syarikat untuk meneruskan usaha mengutip baki hutang daripada peminjam yang berjumlah RM82,994. Hasil daripada usaha berkenaan sejumlah RM42,134 telah berjaya dikutip setakat bulan Mei 2017. Baki daripada jumlah yang belum berjaya dikutip sedang dalam proses diambil tindakan guaman.

5.5.2.2. Penyewaan APPC oleh Manggis Abattoir

- a. Pihak ASB telah mendapat kelulusan Ahli Lembaga Pengarah melalui mesyuarat bertarikh 8 September 2014 untuk menyewakan APPC kepada Manggis Abattoir. Perjanjian penyewaan telah ditandatangani pada 7 November 2014 dengan kadar RM40,000 sebulan dan tempoh setahun.
- b. Semakan Audit mendapati perjanjian penyewaan berkenaan telah tamat tempoh pada 31 Oktober 2015. Pihak ASB telah mengemukakan surat bertarikh 26 Februari 2016 kepada penyewa iaitu Manggis Abattoir untuk mengosongkan APPC pada 30 Mac 2016. Bagaimanapun, pihak Manggis Abattoir melalui surat bertarikh 11 Mac 2016 telah memohon untuk meneruskan penyewaan APPC. Permohonan penyambungan sewa dipersetujui dan pihak ASB telah mengemukakan surat bertarikh 10 dan 23 Mei 2016 kepada pihak Manggis Abattoir untuk menandatangani perjanjian penyewaan baru dengan kadar RM37,100 namun setakat tarikh pengauditan dijalankan, pihak Manggis Abattoir masih belum menandatangani perjanjian

berkenaan. Semakan lanjut mendapati bayaran sewa APPC masih mempunyai tunggakan berjumlah RM333,900 seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.4
PENDAPATAN SEWAAN APPC SETAKAT 30 JUN 2016**

BIL.	BUTIRAN	TARIKH TERIMA	AMAUN (RM)
1.	Sewa bulan 11/2014	28.01.2015	40,000
2.	Sewa bulan 12/2014	10.03.2015	40,000
3.	Sewa bulan 01/2015	13.05.2015	40,000
4.	Sewa bulan 02/2015	31.07.2015	40,000
5.	Sewa bulan 03/2015	19.11.2015	40,000
6.	Sewa bulan 04/2015	11.01.2016	40,000
7.	Sewa bulan 05/2015	10.03.2016	40,000
8.	Sewa bulan 06/2015	25.04.2016	40,000
9.	Sewa bulan 07/2015	24.05.2016	40,000
10.	Sewa bulan 08/2015	24.06.2016	40,000
11.	Sewa bulan 09/2015	12.08.2016	40,000
12.	Sewa bulan 10/2015	19.09.2016	40,000
13.	Sewa bulan 11/2015	24.10.2016	37,100
14.	Sewa bulan 12/2015	30.11.2016 05.12.2016	18,550 18,550
JUMLAH KESELURUHAN BAYARAN SEWA			554,200
Tunggakan sewa (mulai Januari hingga September 2016*): 9 bulan X RM37,100 = RM333,900			333,900

Sumber: ASB

- c. Pemeriksaan fizikal ke APPC pada 28 Julai 2016 mendapati kawasan persekitarannya kurang terjaga dan mengeluarkan bau yang kurang menyenangkan. Ini adalah disebabkan sistem pembuangan/*septic tank* tidak disenggarakan dengan baik. Pihak Audit dimaklumkan, perkara ini telah menyebabkan penduduk di sekitar kawasan tersebut telah membuat aduan kepada pihak Berkuasa Tempatan. Selain itu, terdapat aset ASB yang tidak digunakan oleh penyewa telah dilonggokkan di tepi premis. Pihak Manggis Abattoir juga telah mendirikan struktur bangunan tambahan untuk menempatkan staf dan juga mengubahsuai tandas menjadi stor simpanan mereka. Semakan lanjut mendapati pembinaan dan pengubahsuaian tersebut tidak ada kelulusan Lembaga Pengarah ASB. Hasil pemeriksaan adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 5.1

APPC, Lok Kawi
- Septic Tank yang Tidak Disenggara
Dengan Baik
(28.07.2016)

GAMBAR 5.2

APPC, Lok Kawi
- Longgokan Aset ASB yang Tidak
Digunakan Oleh Penyewa
(28.07.2016)

GAMBAR 5.3

APPC, Lok Kawi
- Struktur Bangunan Tambahan Untuk Staf
(28.07.2016)

GAMBAR 5.4

APPC, Lok Kawi
- Tandas Yang Diubahsuai Menjadi Stor
(28.07.2016)

Maklum Balas ASB yang Diterima Pada 18 November 2016

Pelbagai usaha yang dilakukan belum berjaya mendorong pihak Manggis Abattoir untuk menandatangani perjanjian dan juga membayar tunggakan sewa. Selain itu, aset milik ASB telah dipindahkan dan teguran secara bertulis untuk mengembalikan struktur bangunan telah dikeluarkan.

Pihak Audit berpendapat, ASB perlu tegas untuk memastikan pihak Manggis Abattoir menandatangani perjanjian.

5.5.2.3. Pembelian Ayam oleh Manggis Abattoir

Selain daripada menyewa APPC, pihak Manggis Abattoir juga mengambil alih penyembelihan, pemprosesan dan pemasaran ayam KPD. Semakan Audit mendapati pihak Manggis Abattoir mempunyai tunggakan hutang pembelian ayam hidup dan ayam diproses berjumlah RM688,547 setakat 31 Disember 2016. Oleh itu, keseluruhan hutang Manggis Abattoir kepada ASB termasuk tunggakan sewa APPC adalah berjumlah RM1.02 juta.

Maklum Balas ASB yang Diterima Pada 29 Mei 2017

Tindakan undang-undang telah mula diambil oleh syarikat guaman Adnan Puteh & Saleh pada 12 April 2017. Tindakan guaman selanjutnya akan melalui proses saman dan penghakiman.

5.5.2.4. Projek Jual-Beli Lembu Hidup dan Jualan Daging Segar

- a. Projek jual-beli lembu hidup telah dimulakan oleh ASB pada penghujung tahun 2007 bagi menjana pendapatan. ASB membeli lembu hidup dari pelbagai sumber dan dihantar ke kandang lembu yang terletak di Fidlot Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak (JPHPT), Penampang bagi tujuan penggemukan untuk dijual kembali. Pada masa yang sama, pihak ASB juga menjual daging lembu segar pada setiap tamu mingguan KPD. Pada peringkat awal projek ini iaitu pada awal tahun 2008, sebanyak 29 ekor lembu telah berjaya dibeli dan digemukkan bagi tujuan jual-beli lembu hidup. Purata pembelian lembu daripada tahun 2008 hingga 2014 ialah 20 ekor setahun dan menurun pada tahun 2015 iaitu sebanyak 12 ekor kerana harga pasaran daripada pembekal/penternak lembu semakin meningkat. Projek jual-beli lembu ini berjalan sehingga bulan September 2015 dan tidak dapat diteruskan atas sebab-sebab berikut:
 - i. Jabatan Haiwan Negeri Sabah tidak membenarkan untuk menjual atau menyembelih lembu betina yang sihat bagi mengelakkan kepupusan kepada baka lembu;
 - ii. pembekal lembu pada harga murah atau berpatutan amat terhad kerana pembekal/penternak lebih tertumpu kepada menjual lembu jantan yang mendapat permintaan tinggi;
 - iii. harga pasaran lembu hidup daripada pihak pembekal/penternak semakin meningkat saban tahun; dan
 - iv. kos upah menggembala lembu, perubatan bagi lembu hidup dan juga pengangkutan semakin meningkat berikutan harga minyak semasa yang meningkat.
- b. Semakan Audit mendapati projek ini mengalami kerugian berjumlah RM30,175, RM127,648 dan RM74,071 bagi tahun 2013, 2014 dan 2015 masing-masing. Butiran terperinci adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.5
BUTIRAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PROJEK JUAL-BELI
LEMBU HIDUP DAN JUALAN DAGING SEGAR BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015

BUTIRAN	2013		2014		2015	
	BIL. LEMBU (EKOR)	(RM)	BIL. LEMBU (EKOR)	(RM)	BIL. LEMBU (EKOR)	(RM)
Jumlah Pendapatan	9	37,694	47	52,700	22	39,237
Perbelanjaan:						
Kos Operasi (Termasuk Pembelian Lembu dan Stok Awal)	10	66,691	60	177,501	24	113,003
Kos Pentadbiran		1,178		2,847		305
Jumlah Perbelanjaan		67,869		180,348		113,308
Kerugian		(30,175)		(127,648)		(74,071)

Sumber: ASB

- c. Sehubungan itu, Lembaga Pengarah yang bermesyuarat pada 24 Februari 2016 telah meluluskan untuk tidak meneruskan perniagaan lembu ini sehingga syarikat boleh mendapatkan bekalan lembu muda pada harga yang lebih kompetitif.

5.5.2.5. Projek Bio-Kompos dan Jualan Baja Kompos

- a. Projek Bio-Kompos mulai dijalankan pada bulan November 2009. Tujuan projek ini dijalankan adalah untuk membantu para petani yang terletak di Kundasang, Ranau menyelesaikan masalah membuang sisa-sisa sayuran yang berlambak pada ketika itu. Namun selepas pihak ASB memulakan Projek Bio-Kompos berasaskan sisa sayuran, para petani mula terbuka minda untuk melakukan projek tersebut sendiri. Oleh kerana para petani sudah memulakan langkah untuk membuat baja kompos sendiri pada pertengahan tahun 2010 maka Projek Bio-Kompos ASB terhenti kerana baja kompos yang dihasilkan tidak mendapat sambutan yang menggalakkan serta pekerja yang mengendalikan projek telah berhenti. Pada bulan Ogos 2011, Projek Bio-Kompos berjalan semula namun tidak menggunakan sisa sayuran sebaliknya menggunakan habuk kayu yang telah bercampur dengan tahi ayam yang dibeli dari Projek Ternakan Ayam KPD. Bagaimanapun, pada bulan Julai 2012, Projek ini dihentikan kerana para petani telah berkolaborasi dengan universiti tempatan untuk membuat penyelidikan dan kajian seterusnya menghasilkan baja kompos sendiri untuk kegunaan para petani. Pada bulan April 2013, operasi Projek Bio-Kompos disambung semula namun masih menemui jalan buntu bagi memasarkan produknya dan akhirnya projek ini dihentikan pada bulan Disember 2013 kerana masalah kewangan ASB. Pada pertengahan tahun 2015, projek ini disambung semula untuk menghabiskan stok habuk kayu dan tahi ayam sedia ada.

- b. Semakan Audit mendapati Projek Bio-Kompos mengalami kerugian berjumlah RM6,817 dan RM716 pada tahun 2013 dan 2014 masing-masing tetapi mencatatkan sedikit keuntungan berjumlah RM217 dan RM1,004 pada tahun 2015 dan 2016 masing-masing seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.6
BUTIRAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PROJEK BIO-KOMPOS
DAN JUALAN BAJA KOMPOS BAGI TAHUN 2013 HINGGA DISEMBER 2015**

BUTIRAN	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	2016* (RM)
Jumlah Pendapatan	816	-	433	1,162
Perbelanjaan:				
Kos Operasi	1,863	216	216	158
Kos Pentadbiran	5,770	500	-	-
Jumlah Perbelanjaan	7,633	716	216	158
Keuntungan/(Kerugian)	(6,817)	(716)	217	1,004

Sumber: ASB

Nota: * - Setakat bulan Jun 2016

- c. Semakan Audit lanjut mendapati Lembaga Pengarah yang bermesyuarat pada 24 Februari 2016 telah meluluskan untuk memberhentikan perniagaan baja kompos tersebut kerana kesukaran untuk mendapatkan bahan mentah dan harga yang sangat kompetitif. Selain itu, kebanyakan peladang telah dilatih untuk menghasilkan baja kompos sendiri.

5.5.2.6. Pinjaman Kepada Borneo Moringa Sdn. Bhd.

Pihak ASB telah memberi pinjaman sebanyak RM100,000 dengan kadar faedah 4% setahun kepada Borneo Moringa Sdn. Bhd. (BMSB) iaitu syarikat subsidiari KPD dan perjanjian pinjaman tersebut telah ditandatangani pada 25 Oktober 2012. Berdasarkan kepada surat perjanjian, bayaran pertama pinjaman berserta faedah berjumlah RM3,167 perlu dibayar pada atau sebelum 1 Mei 2013 dan tempoh bayaran adalah selama 36 bulan. Pihak ASB perlu mengeluarkan notis tuntutan bayaran balik dalam tempoh 14 hari selepas tarikh patut bayar dan pihak BMSB perlu mengemukakan bayaran balik dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat tuntutan tersebut. Semakan Audit mendapati pihak BMSB belum pernah membuat bayaran balik pinjaman berkenaan walaupun ASB menghantar nota debit setiap bulan.

Maklum Balas ASB yang Diterima Pada 29 Mei 2017

Notis tuntutan bayaran balik telah dikemukakan kepada Borneo Moringa Sdn. Bhd. dan bayaran pinjaman sejumlah RM3,167 sebulan telah mula dibuat pada 24 Mei 2017 sehingga selesai.

5.5.2.7. Pendahuluan/Pinjaman daripada KPD

- a. Selaras dengan keputusan Lembaga Pengarah KPD dalam mesyuaratnya pada 10 September 2007, KPD telah bersetuju meluluskan wang pendahuluan berjumlah RM1.27 juta kepada ASB bagi memulakan aktiviti perniagaannya. Bagaimanapun, dalam mesyuarat Lembaga Pengarah KPD bertarikh 29 Mei 2008, KPD telah menukarkan RM500,000 daripada wang pendahuluan tersebut sebagai ekuiti dalam ASB. Oleh itu, baki pendahuluan daripada KPD adalah berjumlah RM769,270.
- b. Pada 9 April 2012, pihak ASB telah membuat pinjaman daripada KPD berjumlah RM1.20 juta dengan kadar faedah 4% setahun. Pihak ASB diberi tempoh tangguh bayaran selama dua tahun dan bayaran pertama berjumlah RM25,600 perlu dibayar pada 9 April 2014 selama 60 bulan. Selain itu, semakan Audit selanjutnya mendapati pihak ASB juga menerima pendahuluan daripada KPD untuk pembayaran minyak kenderaan, cukai jalan kenderaan, perolehan perabot, pembayaran insurans, tambang kapal terbang, caj hotel, caj telefon, perolehan aset untuk APPC dan pembelian lembu antara tahun 2007 hingga tahun 2015. Jumlah pendahuluan/pinjaman setakat 30 Jun 2016 adalah RM2.08 juta. Semakan Audit mendapati amaun tersebut tidak mengambil kira jumlah faedah atas pinjaman 4% setahun iaitu RM48,000 sebagaimana yang termaktub dalam perjanjian. Selain itu, memandangkan ASB mempunyai kekangan kewangan, bayaran balik pendahuluan/pinjaman tidak dapat dilakukan. Pihak ASB menerima nota debit berjumlah RM25,600 sebulan sejak bulan April 2014 daripada KPD.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti ASB adalah tidak teratur kerana projek yang diusahakan tidak mencapai objektif yang ditetapkan.

5.5.3. Tadbir Urus Korporat

5.5.3.1. Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ianya merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik boleh membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab.

5.5.3.2. Semakan Audit terhadap amalan tadbir urus korporat ASB mendapati terdapat beberapa perkara yang perlu dibuat penambahbaikan seperti berikut:

5.5.3.3. Lembaga Pengarah

- a. Berdasarkan kepada Buku Hijau dan Kod Tadbir Urus Korporat (MCCG 2012) perlu ada keseimbangan dalam komposisi Lembaga Pengarah antara Pengarah Bebas dan wakil daripada pengurusan serta pemegang saham. Semakan Audit mendapati bilangan ahli Lembaga Pengarah ASB adalah seramai tiga orang yang dipengerusikan oleh ahli politik yang merupakan ahli bebas dan dua orang wakil KPD di mana majoriti adalah pengarah bukan bebas.
- b. Bagi memastikan ASB beroperasi dengan sempurna dan mencapai objektif penubuhannya, Lembaga Pengarah disyor mengadakan mesyuarat antara enam hingga lapan kali setahun selaras dengan Buku Hijau – *Enhancing Board Effectiveness*. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah telah bermesyuarat dua kali bagi tahun 2013, tiga kali bagi tahun 2014, tiga kali bagi tahun 2015 dan satu kali bagi tahun 2016 (setakat bulan Jun). Kehadiran Ahli Lembaga Pengarah adalah antara 89% hingga 100%.

Maklum Balas ASB yang Diterima Pada 18 November 2016

Mesyuarat Lembaga Pengarah akan diadakan setiap tiga bulan untuk melapor perkembangan, pencapaian dan prestasi ASB.

5.5.3.4. Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan dalam Buku Hijau, Jawatankuasa Audit bertanggungjawab menyelia struktur kawalan dalam untuk memastikan keberkesanan operasi dan melindungi aset syarikat daripada penyalahgunaan. Semakan Audit mendapati ASB tidak menujuhkan Jawatankuasa Audit kerana UAD tidak ditubuhkan di peringkat ASB. Bagaimanapun, fungsi ini dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan KPD. Semakan Audit mendapati ASB tidak mempunyai Unit Audit Dalam sebaliknya pengauditan dalam dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam KPD. Semakan lanjut terhadap Laporan Audit Dalaman mendapati pengauditan kali pertama telah dijalankan pada 10 Februari 2014 dan skop pengauditan meliputi semakan prestasi kewangan/bajet, pemprosesan dan pengeluaran, jualan, bank dan tunai, *payroll/checkroll*, pembelian, aset, stor dan stok.

Maklum Balas ASB yang Diterima Pada 18 November 2016

ASB akan menujuhkan Unit Audit Dalam untuk melaksanakan aktiviti audit seperti yang dikehendaki apabila berkemampuan berbuat demikian.

Sementara itu, tanggungjawab pengauditan akan dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam KPD.

5.5.3.5. Standard Operating Procedures

Akta Syarikat 1965 dan MCCG 2012 telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan amalan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, polisi dan garis panduan perlu disediakan. Semakan Audit mendapati ASB telah menyediakan *Standard Operating Procedures (SOP)* berkaitan *Finance and Account Process Control* dan *Employee Scheme of Service (ESS)*. Bagaimanapun terdapat kelemahan bagi prosedur berikut:

a. Finance and Account Process Control

- i. tatacara pengurusan aset tidak lengkap kerana tidak menyatakan pelantikan Pegawai Aset dan keperluan menyediakan Daftar Pemeriksaan Aset setelah ianya dijalankan;
- ii. pindaan terhadap manual telah dibuat tetapi ianya belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah; dan
- iii. *Finance and Accounting Process* tidak menjelaskan pegawai yang bertanggungjawab dan diberi kuasa untuk meluluskan baucar bayaran.

b. Employee Scheme of Service

Kesilapan pada perenggan B(2) mengenai *ranking* dan *grading* belum dibuat pindaan.

Maklum Balas ASB yang Diterima Pada 18 November 2016

Pindaan dan pembetulan untuk SOP dan ESS telah dilakukan dan akan dikemukakan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

5.5.3.6. Rancangan Korporat

Berdasarkan amalan terbaik setiap syarikat perlu menyediakan Rancangan Korporat dan menetapkan strateginya untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang serta rancangan tersebut perlu selaras dengan objektif penubuhannya. Semakan Audit mendapati Ketua Pegawai Eksekutif ASB yang baharu telah menyediakan Pelan Strategik bagi

tempoh jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang selaras dengan objektif penubuhan syarikat iaitu untuk memaksimumkan nilai pemegang saham serta mendapat kelulusan Lembaga Pengarah yang bermesyuarat pada 24 Februari 2016. Selain itu, perbincangan dari semasa ke semasa juga dibuat dalam mesyuarat Lembaga Pengarah bagi memantau pelaksanaan pelan cadangan tersebut oleh ASB.

Pada pendapat Audit, amalan tadbir urus korporat ASB adalah tidak memuaskan. Unit Audit Dalam KPD disyorkan untuk menjalankan pengauditan yang lebih kerap bagi memastikan pemantauan yang lebih berkesan terhadap anak syarikat KPD. Pemantauan yang lebih rapi daripada KPD dan penilaian semula terhadap operasi syarikat perlu dilaksanakan untuk memulihkan kedudukan kewangan syarikat dan mencapai objektif asal penubuhan syarikat.

5.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan Agrodesa Sdn. Bhd. (ASB) adalah kurang memuaskan. ASB adalah disyorkan untuk mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

- 5.6.1. merealisasikan pelan cadangan yang dirancang dengan menaik taraf APCC dan memastikan pengurusan yang lebih cekap setelah proses pengambilalihan semula operasi kilang selesai bagi memperoleh pendapatan serta mengurangkan kerugian terkumpul;
- 5.6.2. mengambil tindakan undang-undang terhadap Manggis Abattoir untuk mendapatkan semua tunggakan hutang sewa *Agrodesa Poultry Processing Centre* (APPC) dan pembelian ayam. Selain itu, pihak ASB perlu mengambil langkah lebih proaktif dalam mencari ruang dan peluang perniagaan selaras dengan objektifnya untuk menjadi GLC asas tani yang berjaya di Sabah; dan
- 5.6.3. memastikan pemantauan yang lebih berkesan dan pengurusan kewangan dilaksanakan dengan teratur serta mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dalam prosedur operasi syarikat.

YAYASAN SABAH

6. KKYS SDN. BHD.

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. KKYS Sdn. Bhd. (KKYSSB) adalah sebuah syarikat milik penuh Yayasan Sabah yang ditubuhkan pada tahun 2001 dengan modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM50 juta dan RM23.31 juta. Objektif penubuhan syarikat telah termaktub dalam Seksyen 3, Enakmen Yayasan Sabah No.8, 1996 iaitu memberi penekanan terhadap kemajuan pendidikan. KKYSSB telah dipertanggungjawabkan untuk mengurus tadbir Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTYS) yang telah diswastakan pada 2 Jun 2001 untuk mempromosikan *Technical Vocational Education & Training* (TVET).

6.1.2. KTYS beroperasi di tiga buah kampus pengajian di Kota Kinabalu iaitu *City Campus* di Sembulan, Pusat Pengajian Teknikal di Teluk Likas dan *Skill Training Centre Campus 88* di Kepayan. Aktiviti utama yang dijalankan oleh KTYS adalah menjalankan program pendidikan berbentuk latihan vokasional peringkat sijil dan diploma yang mendapat pentaluihan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dan pengajian akademik peringkat diploma yang mendapat Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KTPM).

6.1.3. Ahli Lembaga Pengarah KKYSSB dipengerusikan oleh Konsultan Pendidikan dan dibantu oleh lima Pengarah Bukan Eksekutif (wakil Yayasan Sabah) dan seorang Pengarah Eksekutif. KKYSSB diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 292 orang kakitangan yang terdiri daripada 134 kakitangan akademik serta 158 kakitangan bukan akademik. Pengurusan KKYSSB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Penubuhan (M&A) serta *Standard Operating Procedures* (SOP) syarikat.

6.1.4. Pengauditan KKYSSB yang pertama kali telah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah pada tahun 2008. Antara isu yang dibangkitkan adalah tunggakan sewa bangunan kolej, kajian pengesahan pelajar tidak dilaksanakan, kemudahan asrama yang tidak selesa dan tunggakan yuran pelajar yang tinggi. Semua isu telah diambil tindakan kecuali bagi tunggakan sewa bangunan kolej yang sebagiannya masih belum dibayar dan tunggakan yuran pelajar yang masih tinggi.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan dan amalan tadbir urus korporat KKYSSB adalah memuaskan serta pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

6.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada penyata kewangan beraudit bagi tahun 2013 hingga 2015. Manakala pengurusan aktiviti dan tadbir urus dilaksanakan bagi tahun 2013 hingga bulan November 2016.

6.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan adalah melalui semakan terhadap rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pihak pengurusan KKYSSB kepada pihak Audit. Selain itu, pihak Audit juga menjalankan analisis terhadap data syarikat, menemu bual pihak berkaitan dan menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap aktiviti yang dijalankan. Soal selidik telah diedarkan untuk mendapatkan maklum balas daripada pelajar dan tenaga pengajar/pensyarah tentang aktiviti dan program pengajian yang disediakan oleh KTYS. *Exit Conference* yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif telah diadakan pada 26 Januari 2017. Antara pegawai lain yang turut hadir dalam mesyuarat ini adalah wakil Kementerian Kewangan dan ahli Lembaga Pengarah yang juga merupakan wakil Yayasan Sabah.

6.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2016, mendapati pada umumnya prestasi kewangan KKYSSB adalah kurang memuaskan kerana syarikat mengalami kerugian bagi tiga tahun berturut-turut dan berada pada kedudukan kerugian terkumpul pada tahun 2015 berjumlah RM16.23 juta. Manakala tadbir urus adalah kurang memuaskan. Selain itu, pengurusan aktiviti dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan objektif penubuhannya. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang perlu diberi perhatian oleh KKYSSB seperti ringkasan berikut:

- i. kemasukan pelajar tidak mencapai sasaran dan kadar pelajar tamat pengajian dalam tempoh ditetapkan rendah di samping kadar penajaan yang semakin menurun;

- ii. pengurusan kewangan tidak teratur dengan tunggakan yuran yang tinggi serta terdapat perjanjian yang belum diperbaharui/tidak disediakan; dan
- iii. *Standard Operating Procedures* (SOP) tidak kemas kini.

6.5.1. Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan KKSSB, analisis terhadap trend dan nisbah kewangan telah dijalankan terhadap Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

6.5.1.1. Analisis Pendapatan, Perbelanjaan dan Untung Rugi

- a. Analisis trend bagi tahun 2013 hingga 2015 mendapati jumlah pendapatan telah menurun setiap tahun daripada RM31.72 juta pada tahun 2013 kepada RM22.70 juta dan RM16.86 juta pada tahun 2014 dan 2015. Ini selari dengan pengurangan bilangan pelajar pada tempoh yang sama. Begitu juga dengan perbelanjaan yang menunjukkan trend penurunan yang sama daripada RM37.54 juta pada tahun 2013 kepada RM25.07 juta dan RM21.27 juta masing-masing pada tahun 2014 dan 2015. Perbelanjaan yang tinggi pada tahun 2013 adalah disebabkan oleh *impairment of trade receivables* termasuk pelupusan hutang lapuk dan peruntukan hutang rugu yang berjumlah RM8.39 juta. Manakala bagi tahun 2013, 2014 dan 2015 pula, perbelanjaan yang tertinggi adalah terdiri daripada bayaran gaji, upah dan elaun yang berjumlah RM11.18 juta, RM9.59 juta dan RM8.68 juta masing-masing. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.1** dan **Carta 6.1**.
- b. KKSSB mencatatkan kerugian selepas cukai tiga tahun berturut-turut berjumlah antara RM2.41 juta hingga RM5.83 juta dan kerugian terkumpul pada 31 Disember 2015 berjumlah RM16.23 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.1** dan **Carta 6.2**.

JADUAL 6.1
PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN
UNTUNG RUGI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015


BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
Jumlah Pendapatan	31.72	22.70	16.86
Jumlah Perbelanjaan	(37.54)	(25.07)	(21.27)
Keuntungan//(Kerugian) Sebelum Cukai	(5.82)	(2.37)	(4.41)
Cukai Pendapatan	0.001	0.036	-
Keuntungan//(Kerugian) Selepas Cukai	(5.82)	(2.41)	(4.41)
Keuntungan//(Kerugian) Terkumpul	(9.41)	(11.82)	(16.23)

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

CARTA 6.1
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015



CARTA 6.2
TREND KEUNTUNGAN/KERUGIAN SEBELUM CUKAI DAN KERUGIAN TERKUMPUL BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Maklum Balas KKYSSB yang Diterima Pada 2 Februari 2017

Pengukuh pengurusan kewangan telah bermula pada tahun 2015. Hutang pelajar harus dikawal supaya tidak terus bertambah. Cost cutting exercise yang berhemah telah dibuat agar pembaziran berkurangan.

6.5.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap Lembaran Imbangan dan Penyata Kewangan KKYSSB bagi tahun 2013 hingga 2015. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.2
ANALISIS NISBAH KEWANGAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015

NISBAH SEMASA	TAHUN	ASET SEMASA (RM) [a]	LIABILITI SEMASA (RM) [b]	NISBAH SEMASA [a/b]
	2013	16,951,257	32,048,351	0.53:1
	2014	13,536,824	29,301,194	0.47:1
	2015	10,342,503	7,970,612	1.30:1

Nisbah semasa atau nisbah kecairan aset adalah ukuran bagi menilai tahap kecairan kewangan sesebuah syarikat. Nisbah ini menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah semasa yang baik adalah melebihi 2 menunjukkan pada bila-bila masa syarikat mampu membayar pembiutang semasanya.

Analisis Audit mendapati nisbah semasa kurang memberangsangkan iaitu hanya pada nisbah 0.53:1 dan 0.47:1 bagi tahun 2013 dan 2014 masing-masing. Bagaimanapun, kedudukan nisbah semasa meningkat kepada 1.30:1 pada tahun 2015. Ini adalah disebabkan jumlah liabiliti semasa turun secara mendadak pada tahun 2015 kerana pinjaman KKYSSB yang berjumlah RM21.48 juta telah ditukar kepada dana pemegang saham oleh pihak Yayasan Sabah.

MARGIN UNTUNG BERSIH	TAHUN	KERUGIAN SELEPAS CUKAI (RM) [a]	JUMLAH PENDAPATAN (RM) [b]	MARGIN UNTUNG BERSIH (%) [a/b] x 100
	2013	(5,826,916)	31,717,260	(18.4%)
2014	(2,407,021)	22,699,102	(10.6%)	
2015	(4,409,621)	16,859,217	(26.2%)	

Margin untung bersih digunakan bagi mengukur keberkesanannya aktiviti utama dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap kenaikan hasil akan memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Pada umumnya, margin yang lebih tinggi adalah lebih baik.

Analisis Audit mendapati syarikat telah menanggung kerugian bersih selepas cukai sebanyak negatif 18.4% pada tahun 2013. Kadar kerugian bersih selepas cukai semakin berkurangan kepada negatif 10.6% pada tahun 2014. Bagaimanapun, kadar kerugian bersih meningkat semula pada tahun 2015 kepada negatif 26.2%.

PULANGAN ATAS ASET	TAHUN	KERUGIAN SELEPAS CUKAI RM [a]	JUMLAH ASET RM [b]	PULANGAN ATAS ASET (%) [a/b] x 100
	2013	(5,826,916)	25,052,420	(23.3%)
2014	(2,407,021)	19,320,954	(12.5%)	
2015	(4,409,621)	15,056,113	(29.3%)	

Pulangan atas aset adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, nisbah yang lebih tinggi adalah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset.

Analisis Audit mendapati pulangan atas aset syarikat menunjukkan kerugian pada negatif 23.3%, negatif 12.5% dan negatif 29.3% masing-masing bagi setiap ringgit aset yang dilaburkan.

PULANGAN ATAS EKUITI	TAHUN	KERUGIAN SELEPAS CUKAI (RM) [a]	JUMLAH EKUITI (RM) [b]	PULANGAN ATAS EKUITI (%) [a/b] x 100
	2013	(5,826,916)	(7,573,219)	(76.9%)
2014	(2,407,021)	(9,980,240)	(24.1%)	
2015	(4,409,621)	7,085,501	(62.2%)	

Pulangan atas ekuiti bertujuan mengukur pulangan atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah, semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan untung yang lebih tinggi kepada pemiliknya.

Analisis Audit mendapati syarikat berada dalam kedudukan defisit ekuiti pada tahun 2013 dan 2014. Bagaimanapun, hasil dari penukaran hutang kepada saham syarikat induk berjumlah RM21.48 juta, ekuiti syarikat telah meningkat kepada RM7.09 juta (negatif 62.2%) pada tahun 2015. Pulangan atas ekuiti pada tahun 2013, 2014 dan 2015 menunjukkan syarikat telah mengalami penurunan kerugian selepas cukai pada kadar negatif 76.9%, negatif 24.1% dan negatif 62.2% masing-masing.

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Maklum Balas KKSSB yang Diterima Pada 2 Februari 2017

Akaun hutang pelajar tidak dapat dipungut. Oleh itu, pihak KKSSB tidak mampu untuk menjelaskan keseluruhan tanggungan semasa pada tahun 2015.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan KKYSSB adalah kurang memuaskan kerana syarikat mengalami kerugian bagi tiga tahun berturut-turut dan berada pada kedudukan kerugian terkumpul pada tahun 2015 berjumlah RM16.23 juta.

6.5.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama KTYS adalah menjalankan program pendidikan yang berbentuk latihan vokasional dan pengajian akademik. KTYS menawarkan kursus yang terdiri daripada tujuh program kelolaan KTYS, empat program kerjasama KTYS dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), dua program kerjasama dengan Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) dan 25 program vokasional Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

6.5.2.1. Pengurusan Program Akademik dan Vokasional

a. Pengiktirafan Kursus Yang Ditawarkan

Mengikut Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) 1996 (Akta 555), setiap kursus yang dijalankan oleh sesebuah institusi pengajian tinggi perlu mendapat kelulusan daripada Menteri Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM). Semakan Audit mendapati semua program/kursus yang dijalankan oleh KTYS telah mendapat kelulusan daripada KPTM serta mendapat Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) kecuali dua program kerjasama dengan KUIM yang mendapat Perakuan Akreditasi Sementara sehingga 2 Julai 2017 dan 31 Disember 2018. Perakuan Akreditasi dikeluarkan apabila institusi telah mencapai standard kualiti yang ditetapkan oleh MQA dan selaras dengan Kerangka Kelayakan Malaysia antaranya reka bentuk dan penyampaian program, sistem penilaian hasil pembelajaran, staf akademik, kemudahan pengajaran dan pembelajaran, penilaian program serta penambahbaikan kualiti berterusan. Manakala program/kursus vokasional telah mendapat pentaulahan daripada JPK. Butiran kursus yang ditawarkan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.3
PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN DI KTYS

BIL.	NAMA KURSUS	PROGRAM	TEMPOH KURSUS	YURAN (RM)	
PROGRAM AKADEMIK					
1.	Diploma Teknologi Automotif	KTYS	3 Tahun	23,000	
2.	Diploma Teknologi Binaan Bangunan		3 Tahun	23,000	
3.	Diploma Pengurusan Perniagaan		2½ Tahun	19,475	
4.	Diploma Teknologi Elektrik		3 Tahun	23,275	
5.	Sijil Keusahawanan		1½ Tahun	10,415	
6.	Sijil Kewartawanan		1½ Tahun	10,415	
7.	Sijil Operasi Perhotelan		1½ Tahun	10,415	
8.	Diploma Pengurusan Teknologi	KYS-UTM	3 Tahun	20,300	
9.	Diploma Pengurusan Teknologi (Perakaunan)		3 Tahun	20,300	
10.	Diploma Pengurusan Harta Tanah		3 Tahun	21,075	
11.	Diploma Sains Komputer (Teknologi Maklumat)	KYS-KUIM	3 Tahun	21,075	
12.	Diploma Pengajian Islam Dengan Pembangunan Sumber Manusia		3 Tahun	22,200	
13.	Diploma Kewangan Syariah		3 Tahun	22,200	
PROGRAM VOKASIONAL & TEKNIKAL					
Teknologi Pengurusan Pejabat					
1.	Pengurusan Pejabat (Tahap 2)	JPK, KSM	6 Bulan	5,000	
2.	Penyeliaan Pengurusan Pejabat (Tahap 3)		12 Bulan	6,900	
3.	Diploma Eksekutif Sistem Maklumat (Tahap 4)		18 Bulan	7,900	
Teknologi Automotif					
4.	Automotif Servis Selepas Jualan (Tahap 2)	JPK, KSM	12 Bulan	6,900	
5.	Automotif Servis Selepas Jualan (Tahap 3)		12 Bulan	7,900	
6.	Diploma Eksekutif Automotif		15 Bulan	8,000	
Teknologi Binaan Bangunan					
7.	Jurubina Bangunan (Tahap 1)	JPK, KSM	6 Bulan	5,000	
8.	Jurubina Bangunan (Tahap 2)		6 Bulan	5,000	
9.	Penyeliaan Binaan Bangunan & Penyeliaan (Tahap 3)		12 Bulan	7,900	
Teknologi Kimpalan					
10.	Jurukimpal Arka Logam Berperisai (Keluli Karbon) (Tahap 1)	JPK, KSM	6 Bulan	5,000	
11.	Jurukimpal Arka Logam Berperisai (Keluli Karbon & Keluli Tahan Karat) (Tahap 2)		6 Bulan	5,500	
12.	Jurukimpal Arka Logam Berperisai (Keluli Karbon & Keluli Tahan Karat) (Tahap 3)		12 Bulan	7,900	
Teknologi Elektrik					
13.	Pemasangan dan Penyelenggaraan Elektrik – Satu Fasa (Tahap 2)	JPK, KSM	12 Bulan	6,900	
14.	Pemasangan dan Penyelenggaraan Elektrik – Satu Fasa (Tahap 3)		12 Bulan	6,900	
Teknologi Penyejukbekuan					
15.	Peralatan Penyamanan Udara HVAC – Satu Fasa (Pemasangan Servis, Troubleshooting & Pembangunan) (Tahap 2)	JPK, KSM	12 Bulan	7,000	
16.	Penyeliaan Pemasangan & Penyelenggaraan HVAC (Tahap 3)		12 Bulan	7,000	
Perhotelan & Pelancongan					
17.	Operasi Khidmat Tetamu (Tahap 3)	JPK, KSM	8 Bulan	6,900	
18.	Pengurusan Khidmat Tetamu (Tahap 4)		15 Bulan	7,900	
19.	Operasi Pengemasan (Tahap 3)		12 Bulan	6,900	

BIL.	NAMA KURSUS	PROGRAM	TEMPOH KURSUS	YURAN (RM)
20.	Pengurusan Pengemasan (Tahap 4)		14 Bulan	7,900
21.	Pembantu Penyedia Makanan (Tahap 1)		6 Bulan	5,000
22.	Penyedia Makanan (Tahap 2)		6 Bulan	5,000
23.	Penyelia/Ketua Seksyen Penyediaan Makanan (Tahap 3)		12 Bulan	6,900
24.	Pembuatan Pastri (Tahap 2)		6 Bulan	5,000
25.	Pembuatan Pastri (Tahap 3)		12 Bulan	6,900

Sumber: Jabatan HEP, KTYS


Maklum Balas KYSSB yang Diterima Pada 2 Februari 2017

Program KUIM mendapat Perakuan Akreditasi Sementara kerana kedua-dua program tersebut masih di semester lima dan enam kursus pengajian dan dijangka Perakuan Akreditasi Penuh akan diperoleh sebelum kohort pertama bergraduat. Ini adalah merujuk kepada surat kelulusan MQA di mana permohonan Akreditasi Penuh hendaklah dikemukakan kepada MQA sebelum kohort pertama pelajar memulakan semester akhir kursus pengajian bagi memastikan proses akreditasi dapat diselesaikan sebelum pelajar bergraduat.

b. Pencapaian Sasaran Pengambilan Pelajar

- i. Kekuatan dan keteguhan sesebuah IPTS adalah bergantung kepada jumlah pelajar. Peningkatan pendaftaran pelajar dapat menjamin sumber pendapatan bagi membayar kos operasi institusi tersebut. Semakan Audit mendapati pada bulan Oktober 2016, jumlah pelajar di KTYS adalah seramai 1,184 orang. Pecahan bilangan pelajar mengikut program pengajian adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.3
PECAHAN BILANGAN PELAJAR KTYS
MENGIKUT PROGRAM PENGAJIAN PADA OKTOBER 2016



Sumber: Jabatan HEP, KTYS

- ii. Analisis Audit terhadap bilangan pelajar KTYS mendapati berlaku penurunan bilangan pelajar yang mendaftar bagi tahun 2014 hingga 2016 dan seterusnya tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu antara 9.4% hingga 36.3%. Rekod sasaran dan pengambilan sebenar pelajar di KTYS bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.4
SASARAN DAN PENGAMBILAN
SEBENAR PELAJAR KTYS BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

		2014			2015			2016		
		SASARAN (ORANG)	SEBENAR (ORANG)	(%)	SASARAN (ORANG)	SEBENAR (ORANG)	(%)	SASARAN (ORANG)	SEBENAR (ORANG)	(%)
PROGRAM AKADEMIK										
1.	Program KTYS	611	666	109.0	782	654	83.6	651	379	58.2
2.	Program KTYS-UTM	800	690	86.3	745	602	80.8	615	388	63.1
3.	Program KTYS-KUIM	0	18	-	106	86	81.1	174	120	69.0
4.	Program KTYS-UniKL (Ditamatkan 2015)	7	6	85.7	Program Ditamatkan					
JUMLAH		1,418	1,380	97.3	1,633	1,342	82.2	1,440	887	61.6
PROGRAM VOKASIONAL DAN TEKNIKAL										
1.	Teknologi Pengurusan Pejabat	129	263	203.9	78	182	233.3	69	53	76.8
2.	Teknologi Automotif	120	105	87.5	122	83	68.0	60	59	98.3
3.	Teknologi Binaan Bangunan	14	27	192.9	31	26	83.9	0	14	-
4.	Teknologi Kimpalan	145	103	71.0	70	50	71.4	109	59	54.1
5.	Teknologi Elektrik	117	48	41.0	50	42	84.0	45	50	111.1
6.	Teknologi Penyejkubekuan	90	16	17.8	35	14	40.0	18	20	111.1
7.	Perhotelan dan Pelancongan	202	82	40.6	169	111	65.7	117	42	35.9
JUMLAH		817	644	78.8	555	508	91.5	418	297	71.1
JUMLAH KESELURUHAN		2,235	2,024	90.6	2,188	1,850	84.6	1,858	1,184	63.7

Sumber: Jabatan HEP, KTYS

- iii. Semakan Audit mendapati pada tahun 2014 hingga 2016 (setakat bulan Oktober), KTYS telah membelanjakan sejumlah RM587,363 untuk perbelanjaan promosi dalam pelbagai bentuk seperti *road show* pengambilan pelajar di beberapa daerah, taklimat pendidikan di beberapa sekolah, seminar motivasi dan pameran serta pengiklanan melalui media cetak dan media elektronik.
- iv. Walaupun KTYS giat menjalankan promosi namun bilangan pelajar yang disasarkan masih belum mampu dicapai sepenuhnya. Pihak KTYS perlu meningkatkan usaha bagi menarik lebih ramai pelajar untuk meningkatkan pendapatan dan segala kemudahan dapat digunakan dengan semaksimumnya.

Maklum Balas KKYSB yang Diterima Pada 2 Februari 2017

Terdapat dua sebab berlaku penurunan pelajar iaitu Polisi Pengurusan Hutang bagi mengurangkan hutang pelajar terkumpul dan mengurus tadbir hutang pelajar dengan lebih transparen dan teratur serta berlakunya pengurangan tajaan.

c. Prestasi Pelajar KTYS

- i. Kecemerlangan sesebuah kolej boleh diukur berdasarkan prestasi pencapaian pelajar. Semakan Audit terhadap bilangan pelajar (program akademik) yang mendaftar masuk, lulus dan tamat pengajian di KTYS bagi tiga tempoh pengajian di mana setiap tempoh merangkumi tiga tahun pengajian adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.5
PERBANDINGAN ANTARA BILANGAN PELAJAR MASUK,
LULUS DAN EXTEND/BERHENTI/DIBERHENTIKAN/TANGGUH**

TEMPOH PENGAJIAN	SESI PENGAMBILAN	BILANGAN PELAJAR			
		MENDAFTAR	LULUS	LANJUTAN (LULUS)	BERHENTI/DIBERHENTIKAN/TANGGUH
2011 – 2014	SEM I SESI 2011/2012	493	169	72	252
	SEM II SESI 2011/2012	169	60	14	95
2012 - 2015	SEM I SESI 2012/2013	596	138	102	356
	SEM II SESI 2012/2013	141	53	22	66
2013 - 2016	SEM I SESI 2013/2014	650	248	124	278
	SEM II SESI 2013/2014	169	98	23	48
JUMLAH		2,218	766	357	1,095

Sumber: Jabatan HEP, KTYS

- ii. Analisis Audit terhadap bilangan pelajar yang lulus dan tamat pengajian berbanding pelajar yang mendaftar bagi tiga tempoh pengajian mendapati 766 (34.5%) sahaja pelajar lulus mengikut tempoh pengajian sebenar manakala 357 (16.1%) lulus selepas lanjutan tempoh pengajian sebenar. Baki pelajar yang berjumlah 1,095 (49.4%) adalah pelajar dalam kategori berhenti/diberhentikan dan tangguh pengajian. Keadaan ini menunjukkan jumlah pelajar KTYS (program akademik) yang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan adalah kurang daripada 50%.
- iii. Dari segi pencapaian pelajar pula, semakan Audit terhadap prestasi pencapaian pelajar berdasarkan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pada tahun 2013 hingga 2016 adalah seperti jadual berikut.

JADUAL 6.6
PRESTASI PENCAPAIAN PELAJAR KTYS
MENGIKUT PROGRAM BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2016

PROGRAM KTYS						
SESI PENGAJIAN	BILANGAN PELAJAR	KEPUTUSAN				
		GAGAL		LULUS		Bil. Pelajar
		Bil. Pelajar	(%)	Bil. Pelajar	(%)	
Jul 2013	656	17	2.6	639	97.4	
Dis 2013	598	2	0.3	596	99.7	
Jul 2014	653	10	1.5	643	98.5	
Dis 2014	659	4	0.6	655	99.4	
Jul 2015	641	6	0.9	635	99.1	
Dis 2015	503	6	1.2	497	98.8	
Jul 2016	371	1	0.3	370	99.7	
Dis 2016	312	Sedang menjalani pengajian				
JUMLAH	4,393	46		4,035		
Peratus Kelulusan: 98.9%						
PROGRAM FRANCAIS KTYS - UTM						
SESI PENGAJIAN	BILANGAN PELAJAR	KEPUTUSAN				
		GAGAL		LULUS		
		Bil. Pelajar	(%)	Bil. Pelajar	(%)	
Jul 2013	774	56	7.2	718	92.8	
Dis 2013	670	5	0.7	665	99.3	
Jul 2014	686	22	3.2	664	96.8	
Dis 2014	626	14	2.2	612	97.8	
Jul 2015	582	22	3.8	560	96.2	
Dis 2015	481	5	1.0	476	99.0	
Jul 2016	387	4	1.0	383	99.0	
Dis 2016	294	Sedang menjalani pengajian				
JUMLAH	4,500	128		4,078		
Peratus Kelulusan: 97.0%						
PROGRAM FRANCAIS KTYS – KUIM (PROGRAM BERMULA SESI PENGAJIAN JUL 2014)						
SESI PENGAJIAN	BILANGAN PELAJAR	KEPUTUSAN				
		GAGAL		LULUS		
		Bil. Pelajar	(%)	Bil. Pelajar	(%)	
Jul 2014	16	0	0	16	100	
Dis 2014	27	0	0	27	100	
Jul 2015	77	0	0	77	100	
Dis 2015	93	1	1.1	92	99.9	
Jul 2016	117	0	0	117	100	
Dis 2016	120	Sedang menjalani pengajian				
JUMLAH	450	1		329		
Purata Peratus Kelulusan: 99.7%						
PROGRAM VOKASIONAL DAN TEKNIKAL						
SESI PENGAJIAN	BIL. PELAJAR	KEPUTUSAN				
		TERAMPIL		TIDAK TERAMPIL		
		Bil. Pelajar	(%)	Bil. Pelajar	(%)	

Jul 2013	527	397	75.3	130	24.7
Dis 2013	308	257	83.5	51	16.5
Jul 2014	387	353	91.2	34	8.8
Dis 2014	166	141	84.9	25	15.1
Jul 2015	263	184	70.0	79	30.0
Dis 2015	369	329	89.2	40	10.8
Jul 2016	364	271	74.4	93	25.6
Dis 2016	232	141	60.8	91	39.2
JUMLAH	2,616	2,073	79.2	543	20.8
Purata Peratus Kelulusan: 79.2%					

Sumber: Jabatan HEP, KTYS

- iv. Analisis Audit mendapati purata pencapaian kelulusan pelajar untuk tempoh tiga tahun tersebut adalah antara 79.2% hingga 99.7%. Manakala pecahan mengikut kategori program akademik pula mendapati 98% pelajar memperoleh PNGK di atas 2. Bagi program vokasional, didapati purata keterampilan pelajar adalah 79.2%. Ini menunjukkan prestasi pelajar KTYS adalah memuaskan kerana purata peratus pelajar yang gagal hanya antara 2% hingga 20.8% sahaja.

Maklum Balas KKYSB yang Diterima Pada 2 Februari 2017

Prestasi kelulusan untuk program akademik adalah baik. Manakala sebab tidak terampil bagi program vokasional adalah portfolio tidak lengkap, kehadiran tidak mencapai 80% dan yuran tertunggak.

6.5.2.2. Pengurusan Yuran

a. Yuran Pengajian

- i. Yuran pengajian yang dikenakan bagi setiap program/kursus dibiayai sama ada oleh pelajar sendiri atau melalui penajaan dalam bentuk biasiswa atau pinjaman. Semakan Audit mendapati kadar yuran yang dikenakan oleh KTYS telah diluluskan oleh KPTM. Bagi tahun 2016, seramai 751 daripada 1,184 orang pelajar mendapat pembiayaan daripada sembilan penaja seperti jadual berikut:

JADUAL 6.7
SENARAI PENAJA PROGRAM
PENDIDIKAN KTYS SETAKAT 31 OKTOBER 2016

BIL.	BADAN PENAJA	TAHUN			JUMLAH (ORANG)
		2014 (ORANG)	2015 (ORANG)	2016 (ORANG)	
1.	Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah (BKNS)	80	50	9	139
2.	Biasiswa Yayasan Sabah (BYS)	-	-	30	30
3.	Dermasiswa Yayasan Sabah (DYS)	1	-	56	57
4.	Pinjaman Yayasan Sabah (PYS)	164	50	48	262
5.	Yayasan Sime Darby (YSD)	43	30	54	127
6.	Pusat Zakat Sabah (PZS)	-	20	45	65
7.	Unit Perancang Ekonomi (UPE)	258	204	170	632
8.	Yayasan Pelajaran MARA (YPM)	21	18	-	39
9.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	583	661	310	1,554
10.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	138	109	29	276
11.	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)	10	3	-	13
JUMLAH PELAJAR MENDAPAT TAJAAN		1,298	1,145	751	3,194
JUMLAH PELAJAR TIDAK MENDAPAT TAJAAN		726	705	433	1,864
JUMLAH PELAJAR AKHIR TAHUN		2,024	1,850	1,184	5,058

Sumber: Jabatan HEP, KTYS

- ii. Merujuk kepada **Jadual 6.7**, jumlah pelajar yang mendapat tajaan semakin menurun dari tahun 2014 iaitu seramai 153 pelajar (11.8%) pada tahun 2015 dan seramai 394 pelajar (34.4%) pada tahun 2016. Ini disebabkan dua daripada 11 penaja iaitu YPM dan PTPK tidak memberi tajaan pada tahun 2016 dan lima penaja lagi iaitu BKNS, PYS, UPE, PTPTN dan MARA telah mengurangkan peruntukan tajaan kepada pelajar.

b. Tunggakan Yuran

- i. Sebagai sebuah IPTS yang memperoleh hasil daripada bayaran yuran pelajar, sistem kutipan yuran merupakan aspek utama yang perlu diberi perhatian. KTYS telah mewujudkan prosedur bagi menangani masalah kutipan yuran tertunggak dengan menetapkan beberapa kriteria yang layak dipertimbangkan untuk proses hapus kira seperti berikut:
- pelajar berhenti dan tidak menamatkan pengajian (Sijil atau Diploma);
 - alamat terkini pelajar tidak dapat dikesan untuk dikeluarkan surat peringatan; dan
 - hutang pelajar lebih daripada setahun.

- ii. Semakan Audit mendapati baki yuran yang belum dikutip oleh KTYS setakat 31 Disember 2016 adalah berjumlah RM9.49 juta dan sejumlah RM2.59 juta telah diluluskan untuk dihapus kira bagi tahun 2016 melalui mesyuarat Lembaga Pengarah bertarikh 14 November 2016. Tunggakan yuran terakhir dihapus kira pada tahun 2013 berjumlah RM3.86 juta yang merupakan tunggakan tahun 2008 hingga 2012. Tunggakan yuran bagi tahun 2013 hingga tahun 2016 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.8
TUNGGAKAN YURAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2016**

TAHUN	PERUNTUKAN HUTANG RAGU (RM Juta)	PERUNTUKAN HUTANG RAGU TERKUMPUL (RM Juta)	HUTANG RAGU DIHAPUS KIRA (RM Juta)	CATATAN
2013	4.54	8.13	3.86	
2014	0.12	8.24	-	
2015	(0.13)	8.11	-	
2016*	-	8.11	2.59 (cadangan)	RM215,095 daripada amaun dihapus kira dapat dikutip daripada 117 pelajar dalam tempoh 2013 hingga 2016.

Sumber: Jabatan Kewangan & Akaun, KTYS

Nota: * - Setakat Bulan Oktober 2016

- iii. Butiran pecahan tunggakan yuran (Peruntukan Hutang Ragu) mengikut program dan tunggakan dihapus kira bagi tahun kewangan 2016 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.9
PERUNTUKAN HUTANG RAGU MENGIKUT PROGRAM DAN CADANGAN HAPUS KIRA TAHUN 2016**

PROGRAM	PERUNTUKAN HUTANG RAGU (RM Juta)	CADANGAN HAPUS KIRA 2016 (RM Juta)	JUMLAH BAKI (RM Juta)	CATATAN
Program KTYS – Diploma & Sijil	1.30	2.59	5.52	3 surat peringatan telah dikeluarkan oleh pihak KTYS iaitu pada bulan Mac, Julai dan September.
Program Francais – Diploma UTM	1.21			
Program JPK	3.05			
Program UniKL	0.12			
Program Animasi	0.07			
Program Perladangan	0.05			
Collective Impairment	2.30			
JUMLAH	8.11		5.52	

Sumber: Jabatan Kewangan dan Akaun, KTYS

- iv. Analisis Audit mendapati tunggakan yuran tertinggi adalah bagi program JPK yang berjumlah RM3.05 juta dan diikuti dengan program KTYS yang berjumlah RM1.30 juta serta program francais UTM yang berjumlah RM1.21 juta. Mengikut perenggan 5.5 Polisi Kewangan KKYSSB, pelajar yang mempunyai yuran atau apa-apa caj tertunggak tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan sehingga semua yuran dan caj

tertunggak dibayar sepenuhnya. Bagaimanapun, pihak KTYS tidak menguatkuasakan peraturan yang ditetapkan dalam polisi kewangan tersebut disebabkan pelajar tidak mendapat penajaan dan di luar kemampuan. Bagi mengatasi masalah tunggakan yuran pelajar ini, pihak KKSSB telah mengeluarkan *Fees Payment And Debt Management Policy* yang telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah pada 30 September 2015. Polisi ini menghendaki pelajar baru membayar yuran semester 100% dalam tempoh satu bulan daripada tarikh pendaftaran. Pelajar lama juga dikehendaki membayar tunggakan yuran yang ada termasuk yuran semester semasa sebelum mendaftar. Semakan Audit mendapati kesan daripada polisi baru, bilangan pelajar telah berkurangan sebanyak 36% pada tahun 2016 berbanding hanya 8.6% pada tahun 2015 dan jumlah tunggakan yuran pada tahun 2016 turut berkurangan berbanding tahun sebelumnya seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.10
PERBANDINGAN TUNGGAKAN YURAN
BAGI TAHUN 2016 DENGAN TAHUN SEBELUMNYA**

BUTIRAN	TAHUN			CATATAN
	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	
Trade Debtors	14.96	14.98	10.49	Berkurang 29.9% pada tahun 2016 berbanding penambahan 0.1% pada tahun 2015
Tolak: Provision for Doubtful Debts	8.24	8.11	8.11	
Outstanding Fee	6.71	6.86	2.39	Berkurang 65.2% pada tahun 2016 berbanding penambahan 2.2% pada tahun 2015
Kutipan Yuran Pelajar	23.98	13.28	11.34	Berkurang 14.6% pada tahun 2016 berbanding 44.6% pada tahun 2015
Bilangan Pelajar (ORANG)	2,024	1,850	1,184	Berkurang 36% pada tahun 2016 berbanding 8.6% pada tahun 2015

Sumber: Jabatan Kewangan dan Akaun, KTYS

Maklum Balas KKSSB yang Diterima Pada 2 Februari 2017

Tunggakan hutang dihapus kira berjumlah RM2.59 juta telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah pada 14 November 2016. Oleh itu, baki peruntukan hutang lapuk terkumpul pada tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah berjumlah RM5.50 juta.

6.5.2.3. Tenaga Pengajar

a. Nisbah Pensyarah dan Pelajar

- i. Di KTYS, tenaga pengajar terdiri daripada mereka yang mempunyai kelayakan akademik/profesional yang diiktiraf serta bersesuaian dengan bidang atau program yang dijalankan. Butiran maklumat kelayakan tenaga pengajar adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.11
TAHAP KELAYAKAN TENAGA
PENGAJAR KTYS SETAKAT BULAN OKTOBER 2016

KELULUSAN AKADEMIK	BILANGAN
Doktor Falsafah (PhD)	1
Sarjana	10
Sarjana Muda	77
Diploma	26
Sijil	20
JUMLAH	134

Sumber: Jabatan Sumber Manusia dan Latihan, KTYS

- ii. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Oktober 2016, bilangan pensyarah dan pelajar di KTYS masing-masing adalah seramai 134 dan 1,184 orang. Oleh itu, nisbah seorang pensyarah berbanding pelajar adalah 1:9. Ketetapan nisbah oleh MQA untuk peringkat sijil dan diploma adalah 1:20. Analisis ini menunjukkan pengambilan pensyarah yang berlebihan berbanding pelajar menyebabkan KTYS menanggung kos emolumen pensyarah berbanding hasil kutipan yuran.

b. Pusing Ganti Pensyarah

- i. Pensyarah yang dilantik oleh KTYS adalah terdiri daripada pensyarah tetap dan kontrak. Pihak Audit mendapati jumlah pensyarah kontrak adalah seramai 125 orang (82.2%) pada tahun 2014, seramai 91 orang (63.6%) pada tahun 2015 dan seramai 48 orang (35.8%) pada tahun 2016. Kedudukan pensyarah tetap dan kontrak di KTYS adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.12
KEDUDUKAN PENSYARAH TETAP DAN
KONTRAK DI KTYS BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	STATUS		JUMLAH (ORANG)	KONTRAK (%)
	TETAP (ORANG)	KONTRAK (ORANG)		
2014	27	125	152	82.2
2015	52	91	143	63.6
2016	86	48	134	35.8

Sumber: Jabatan Sumber Manusia dan Latihan, KTYS

- ii. Jadual 6.12 menunjukkan bilangan pensyarah berstatus kontrak adalah lebih ramai berbanding pensyarah tetap iaitu 82.2% dan 63.6% bagi tahun 2014 dan 2015 masing-masing. Bagaimanapun, bilangan ini berkurangan pada tahun 2016 iaitu 35.8% sahaja disebabkan pihak KTYS mengambil langkah menyerap secara tetap pensyarah kontrak yang sudah lama berkhidmat dengan KTYS. Selain itu, jumlah pensyarah KTYS yang berhenti bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah seramai 63 orang di mana 62 orang daripadanya adalah pensyarah kontrak. Kedudukan pusing ganti pensyarah KTYS bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.13
KEDUDUKAN PUSING GANTI
PENSYARAH DI KTYS BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	JUMLAH PENSYARAH	PENSYARAH BERHENTI			PERATUS PUSING GANTI (%)
		TETAP (a)	KONTRAK (b)	JUMLAH BERHENTI (a)+(b)	
2014	152	1	49	50	32.9
2015	143	-	9	9	6.3
2016	134	-	4	4	2.9
JUMLAH	1	62	63		

Sumber: Jabatan Sumber Manusia dan Latihan, KTYS

- iii. Analisis Audit mendapati pusing ganti pensyarah menunjukkan pengurangan daripada 32.9% pada tahun 2014 kepada 6.3% pada tahun 2015 dan hanya 2.9% pada tahun 2016.

Pihak Audit berpendapat, pengurusan pensyarah adalah kurang memuaskan di mana bilangan pensyarah adalah berlebihan berbanding pelajar. Ini mengakibatkan komitmen emolument pensyarah tinggi berbanding yuran pelajar.

6.5.2.4. Kemudahan dan Infrastruktur

Kemudahan prasarana yang lengkap serta moden bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan program yang diambil adalah antara kriteria utama sesebuah IPTS untuk menarik lebih ramai pelajar baru. Semakan Audit mendapati pihak KTYS ada menyediakan kemudahan kepada pelajar bagi memudahkan proses pembelajaran seperti bangunan kuliah, asrama penginapan, perpustakaan, makmal komputer, bengkel dan dapur hospitaliti. Semakan lanjut terhadap kemudahan yang disediakan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.14
PERBANDINGAN BILANGAN PELAJAR DAN BILIK KULIAH

KAMPUS	BILANGAN PELAJAR	BILANGAN BILIK KULIAH
Kampus C, Sembulan	453	18 bilik kuliah
		2 bilik pembentangan
		2 dewan kuliah
Kampus Likas	497	17 bilik kuliah
Kampus Kepayan	34	6 bilik kuliah
JUMLAH	984	41

Sumber: Jabatan Sumber Manusia dan Latihan, KTYS

a. Bilik Kuliah

KTYS menyediakan 41 bilik kuliah di Kampus Sembulan, Likas dan Kepayan untuk kemudahan para pelajar menghadiri kuliah dan membuat ulang kaji. Pemeriksaan Audit mendapati keadaan bilik kuliah yang disediakan adalah selesa dan kondusif serta aset dan kemudahan pembelajaran dalam keadaan baik seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.1



Kampus Likas, KTYS
- Bilik Kuliah Kampus Likas
(16.11.2016)

GAMBAR 6.2



Kampus Kepayan, KTYS
- Bilik Kuliah Kampus Kepayan
(16.11.2016)

b. Makmal Komputer

KTYS mempunyai 442 unit komputer iaitu 227 di Kampus Sembulan, 44 unit di Kampus Likas dan 171 unit di Kampus Kepayan. Pemeriksaan Audit ke makmal komputer di Kampus Sembulan, Kampus Likas dan Kampus Kepayan mendapati keadaan makmal adalah teratur dan kondusif untuk kegunaan pelajar. Selain itu, setiap kampus mempunyai penyelia khusus untuk makmal komputer. Butiran lanjut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.3



Kampus Kepayan, KTYS
- Makmal Komputer Kampus Kepayan
(16.11.2016)

GAMBAR 6.4



Kampus Sembulan, KTYS
- Makmal Komputer Kampus Sembulan
(17.11.2016)

c. Bengkel

KYTS menyediakan empat bengkel iaitu Bengkel Teknologi Elektrik Dan Penyamanan Udara, Bengkel Kimpalan, Bengkel Automotif dan Bengkel Binaan Bangunan untuk kursus kemahiran. Pemeriksaan Audit mendapati kedudukan mesin dan jentera dalam bengkel adalah teratur. Manakala peralatan lain seperti perkakasan bengkel disimpan dengan selamat di dalam stor serta penggunaannya direkodkan dengan kemas kini. Bengkel yang disediakan dan penyimpanan perkakasan bengkel adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.5



Kampus Likas, KTYS
- Bengkel Teknologi Elektrik Dan Penyamanan
Udara
(16.11.2016)

GAMBAR 6.6



Kampus Likas, KTYS
- Bengkel Automotif
(16.11.2016)

GAMBAR 6.7



Kampus Likas, KTYS
- Bengkel Binaan Bangunan
(16.11.2016)

GAMBAR 6.8



Kampus Likas, KTYS
- Stor Perkakas Bengkel
(16.11.2016)

d. Perpustakaan (Pusat Minda)

KTYS menyediakan Pusat Minda di Kampus Sembulan, Kampus Likas dan Kampus Kepayan sebagai pusat rujukan pelajar mendapatkan maklumat sama ada melalui buku-buku rujukan atau Internet. Pemeriksaan fizikal Audit ke Pusat Minda yang disediakan di setiap kampus mendapati ia dalam keadaan yang teratur dan kondusif untuk kegunaan pelajar. Butiran adalah seperti gambar berikut:

Gambar 6.9



**Kampus Sembulan, KTYS
- Pusat Minda Kampus Sembulan
(17.11.2016)**

GAMBAR 6.10



**Kampus Kepayan, KTYS
- Pusat Minda Kampus Kepayan
(16.11.2016)**

e. Asrama Pelajar

i. Kemudahan asrama disediakan di Kampus Likas sebagai tempat penginapan sepanjang tempoh pelajar mengikuti kursus di KTYS. Bangunan blok asrama terdiri daripada dua buah blok pelajar lelaki dan sebuah blok pelajar perempuan. Surau, bilik rehat, bilik mandi dan tandas disediakan di setiap blok asrama. Selain itu, kelengkapan asas seperti katil, tilam, meja, kerusi dan almari turut disediakan untuk kegunaan pelajar. Butiran mengenai jumlah pelajar yang mendapat kemudahan asrama adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.15
KAPASITI PELAJAR ASRAMA SETAKAT BULAN NOVEMBER 2016**

LOKASI	KAPASITI ASRAMA (ORANG)	JUMLAH PELAJAR (ORANG)	KEKOSONGAN
Blok A (Lelaki)	110	105	5
Blok B (Lelaki)	104	75	29
Blok B (Perempuan)	146	64	82
JUMLAH	360	244	116

Sumber: Jabatan HEP, KTYS

ii. Pemeriksaan fizikal Audit ke Blok B (Perempuan) mendapati keadaan asrama adalah memuaskan kerana persekitarannya bersih dan teratur. Manakala bilik yang disediakan mempunyai kelengkapan asas seperti katil, almari, meja dan kerusi. Butiran adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.11



Kampus Likas, KTYS
- Blok Perempuan Kampus Likas
(16.11.2016)

GAMBAR 6.12



Kampus Likas, KTYS
- Bilik Asrama Pelajar Perempuan
(16.11.2016)

- iii. Bagaimanapun, berdasarkan maklum balas pelajar yang diedarkan, terdapat aduan daripada pelajar mengenai kelengkapan asrama iaitu kerusi dan meja pelajar tidak disediakan, loker tidak mempunyai kunci, penyelia asrama kurang membantu dan aduan kerosakan lambat diambil tindakan.

Maklum Balas KKYSB yang Diterima Pada 2 Februari 2017

Kelengkapan asrama sedang dalam proses pembelian. Pihak KTYS akan melantik seorang Ketua Asrama daripada kalangan pelajar untuk menangani aduan kerosakan. Selain itu, Peti Aduan/Cadangan akan disediakan dan penubuhan koperasi dalam perancangan.

Pihak Audit berpendapat, keseluruhan kemudahan dan infrastruktur adalah memuaskan kecuali beberapa aduan pelajar yang perlu diperhalusi lagi.

6.5.2.5. Maklum Balas Pelajar dan Tenaga Pengajar

Borang soal selidik digunakan sebagai kaedah untuk mendapatkan maklumat berdasarkan maklum balas pelajar dan tenaga pengajar terhadap program/kursus yang ditawarkan, kemudahan yang disediakan dan pengurusan KTYS. Butiran edaran borang adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.16
EDARAN BORANG SOAL SELIDIK MENGIKUT KATEGORI

KATEGORI RESPONDEN	BILANGAN BORANG SOAL SELIDIK		
	DIEDAR	DITERIMA	(%)
Pelajar	100	80	80.0
Tenaga Pengajar	50	31	62.0

Sumber: Jabatan Audit Negara

a. Maklum Balas Pelajar

- i. Soal selidik telah diedarkan kepada pelajar bagi mendapatkan pandangan pelajar terhadap program/kursus yang dilaksanakan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak KTYS. Hasil maklum balas yang diterima adalah seperti **Jadual 6.17** dan **Jadual 6.18**.

JADUAL 6.17
MAKLUM BALAS TERHADAP PROGRAM/KURSUS KTYS

BIL.	BUTIRAN	PANDANGAN PELAJAR				JUMLAH
		SETUJU (ORANG)	TIDAK SETUJU (ORANG)	TIADA JAWAPAN (ORANG)	TIADA BERKENAAN (ORANG)	
1.	Modul latihan/kursus mudah difahami dan diikuti.	69	10	1	-	80
2.	Masa yang diperuntukkan bagi setiap modul adalah sesuai.	64	16	-	-	80
3.	Bilik kuliah sesuai dan mencukupi.	53	22	5	-	80
4.	Alat bantuan mengajar dalam keadaan baik, sesuai (mengikut modul kursus), terkini dan mencukupi.	48	31	1	-	80
5.	Pensyarah menyampaikan kandungan modul kursus (<i>syllabus</i>) dengan baik.	67	12	1	-	80
6.	Tugasan/latihan yang diberikan adalah memadai dan sesuai mengikut <i>syllabus</i> .	67	10	2	1	80

Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Analisis Audit mendapati secara keseluruhannya, pelajar memberikan maklum balas positif mengenai program/kursus yang dilaksanakan. Seramai 48 (60%) hingga 69 orang (86.3%) bersetuju bahawa modul latihan mudah difahami dan diikuti, masa yang diperuntukkan adalah bersesuaian, kemudahan latihan seperti bilik kuliah dan peralatan latihan berkeadaan baik serta mencukupi dan tugasan/latihan yang diberikan adalah mengikut modul. Selain itu, seramai 67 orang (83.8%) bersetuju pensyarah berkebolehan menjalankan sesi latihan dengan baik.

JADUAL 6.18
MAKLUM BALAS TERHADAP KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN OLEH KTYS

BIL.	BUTIRAN	PANDANGAN PELAJAR				JUMLAH
		SETUJU (ORANG)	TIDAK SETUJU (ORANG)	TIADA JAWAPAN (ORANG)	TIDAK BERKENAAN (ORANG)	
Kemudahan Perpustakaan						
1.	Perpustakaan mempunyai bahan bacaan yang mencukupi dan dapat membantu menyelesaikan tugas.	36	29	1	14	80
2.	Menyediakan talian Internet.	35	25	8	12	80
3.	Pegawai bertugas membantu sekiranya ada masalah berkaitan buku dan kemudahan yang disediakan.	50	14	2	14	80
Kemudahan Makmal Komputer						
4.	Komputer yang disediakan adalah mencukupi.	40	23	2	15	80
5.	Bilik komputer selesa dan boleh digunakan bila-bila masa.	33	28	4	15	80
6.	Pegawai bertugas membantu sekiranya ada masalah berkaitan komputer dan kemudahan yang disediakan.	43	19	2	16	80
Kemudahan Bengkel						
7.	Peralatan bengkel lengkap dan mencukupi.	33	28	3	16	80
8.	Latihan yang diberi bersesuaian dengan kursus.	46	16	2	16	80
9.	Pensyarah memberi latihan dengan baik.	60	9	3	8	80
Kemudahan Asrama						
10.	Bilik yang disediakan selesa dan lengkap dengan perabot.	40	18	6	16	80
11.	Aduan kerosakan cepat diambil tindakan oleh Pihak Penyelia Asrama.	39	21	4	16	80
12.	Penyelia Asrama bersedia membantu sekiranya diperlukan.	40	19	5	16	80

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Analisis Audit mendapati secara puratanya, pelajar berpuas hati dengan kemudahan perpustakaan yang disediakan iaitu pada kadar 50% tahap kepuasan diikuti dengan makmal komputer pada kadar 58%. Bagaimanapun, pelajar kurang berpuas hati dengan kemudahan bengkel yang disediakan iaitu pada kadar kurang dari 50% manakala kemudahan asrama dan yang disediakan adalah memuaskan iaitu pada kadar 50%.

Maklum Balas KKYSB yang Diterima Pada 2 Februari 2017

Kelengkapan asrama sedang dalam proses pembelian. Pihak KTYS akan melantik seorang Ketua Asrama dari kalangan pelajar untuk menangani aduan kerosakan. Selain itu, Peti Aduan/Cadangan akan disediakan dan penubuhan koperasi dalam perancangan.

b. Maklum Balas Tenaga Pengajar

- i. Soal selidik telah diedarkan kepada tenaga pengajar bagi mendapatkan pandangan terhadap modul latihan, tempoh latihan dan alat bantuan mengajar serta penglibatan tenaga pengajar dalam tugas selain mengajar di KTYS. Hasil maklum balas yang diterima adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.19
MAKLUM BALAS TENAGA
PENGAJAR TERHADAP PROGRAM/KURSUS KTYS**

BIL.	BUTIRAN	PANDANGAN TENAGA PENGAJAR		
		SETUJU (ORANG)	TIDAK SETUJU (ORANG)	JUMLAH
1.	Modul latihan/kursus yang dipraktikkan selari dengan kehendak industri (tenaga kerja dalam pasaran)	29	2	31
2.	Tempoh latihan/kursus sedia ada mencukupi.	26	5	31
3.	Alat bantuan mengajar kepada pelajar/pelatih seperti mesin dan peralatan mencukupi dan selari dengan peredaran teknologi masa kini.	20	11	31
4.	Keperluan latihan kemahiran bagi setiap pengajar sebelum mengendalikan kursus kepada pelajar/pelatih.	25	6	31
5.	Terlibat dengan pelbagai tugas lain seperti pentadbiran dan pengurusan KTYS.	28	3	31
6.	Berpuas hati dengan tahap kemahiran/kecekapan pelajar/pelatih pada akhir tempoh kursus/latihan.	26	5	31

Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Analisis Audit mendapati seramai 25 orang (80.7%) hingga 29 orang (93.6%) berpendapat perlu menghadiri latihan bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran sedia ada, tempoh latihan sedia ada dan modul latihan mencukupi serta turut terlibat dengan tugas pentadbiran dan pengurusan KTYS. Manakala 11 orang (35.5%) memberikan maklum balas bahawa alat bantuan mengajar serta bahan rujukan tidak

mencukupi, talian Internet kurang lancar bagi pelajar di makmal komputer, terdapat perisian komputer tidak dikemas kini untuk memudahkan pembelajaran, mesin fotostat dan mesin pencetak terhad serta penyenggaraan secara berkala terhadap mesin dan peralatan komputer tidak dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, selain kelemahan yang dibangkitkan di atas, pengurusan aktiviti KKYSB adalah teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

6.5.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ianya merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik boleh membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat KKYSB mendapati perkara berikut:

6.5.3.1. Lembaga Pengarah

- a. Lembaga Pengarah merupakan badan eksekutif tertinggi yang diberi kuasa untuk melaksanakan semua aktiviti dan tanggungjawab seperti mana yang diperuntukkan oleh Memorandum Dan Artikel Syarikat serta Akta Syarikat 1965. Semakan Audit mendapati bilangan ahli Lembaga Pengarah KKYSB adalah seramai enam orang yang terdiri daripada Konsultan Pendidikan, ahli perniagaan, wakil Yayasan Sabah dan Ketua Pegawai Eksekutif KTYS.
- b. Bagi memastikan KKYSB beroperasi dengan sempurna dan mencapai objektif penubuhannya, Lembaga Pengarah disyorkan mengadakan mesyuarat antara enam hingga lapan kali setahun selaras dengan Buku Hijau – *Enhancing Board Effectiveness*. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah telah bermesyuarat empat kali bagi tahun 2013, dua kali bagi tahun 2014, empat kali bagi tahun 2015 dan dua kali bagi tahun 2016 (setakat bulan Oktober). Kehadiran Ahli Lembaga Pengarah adalah antara 25% hingga 100% bagi tahun 2013, 0% hingga 100% bagi tahun 2014, 50% hingga 100% bagi tahun 2015 dan 0% hingga 100% setakat Oktober 2016. Selain daripada Lembaga Pengarah, mesyuarat turut dihadiri oleh Setiausaha Syarikat dan Pengurus Kewangan.

6.5.3.2. Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit

- a. Semakan Audit mendapati Unit Audit Dalam (UAD) telah ditubuhkan dan rancangan pengauditan tahunan telah disediakan. Semakan lanjut mendapati skop pengauditan UAD bagi tahun 2013 hingga 2016 meliputi kawalan aset, pemeriksaan mengejut hasil, audit pematuhan dan audit kewangan telah dilaksanakan mengikut perancangan. Penemuan UAD dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan.
- b. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan telah bermesyuarat sebanyak dua kali pada tahun 2013 dan empat kali masing-masing pada 2014 dan 2015 untuk membincangkan isu berbangkit yang dilaporkan UAD dan dibentangkan semasa mesyuarat Lembaga Pengarah untuk tindakan selanjutnya.

6.5.3.3. *Standard Operating Procedures*

Akta Syarikat 1965 dan Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, polisi dan garis panduan perlu ditetapkan untuk dipatuhi. Semakan Audit mendapati KKYSSB telah menyediakan *Standard Operating Procedures* (SOP) untuk pengurusan aktiviti, kewangan dan aset untuk rujukan utama kakitangan semasa menjalankan tugas. Bagaimanapun, SOP berkaitan adalah tidak komprehensif dan perlu ditambah baik kerana hanya mengandungi Carta Organisasi, Proses Kerja, Carta Alir Kerja dan senarai tugas.

Maklum Balas KKYSSB yang Diterima Pada 2 Februari 2017

Pengurusan akan mengemas kini SOP yang sedia ada. Selain itu, bengkel akan diadakan untuk tujuan tersebut.

6.5.3.4. Rancangan Korporat

Berdasarkan amalan terbaik setiap syarikat perlu menyediakan Rancangan Korporat dan menetapkan strateginya untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang serta rancangan tersebut perlu selaras dengan objektif penubuhannya. Semakan Audit mendapati Pelan Strategik Transformasi telah disediakan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 1 Julai 2016. Di antara perkara yang ditekankan dalam Pelan Strategik Transformasi tersebut ialah meningkatkan prasaran KYS sedia ada bagi memenuhi keperluan penambahbaikan dan pembangunan program-program

terdahulu, menaik taraf KYS kepada status Kolej Universiti Teknikal, mengukuhkan kesepakatan strategik dan usaha kolaborasi antara KYS dengan industri, agensi dan institusi lain dan mempergiat aktiviti bimbingan dan kaunseling kerjaya kepada pelajar sekolah untuk memilih KYS sebagai institusi pilihan ke peringkat tertiar.

6.5.3.5. Pembayaran Dividen

Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 7 Tahun 2001 mengenai dasar dan garis panduan bayaran dividen oleh syarikat-syarikat Kerajaan di mana syarikat Kerajaan yang mencatatkan keuntungan bagi sesuatu tahun kewangan perlu membayar dividen sekurang-kurangnya sepuluh peratus daripada keuntungan tersebut kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan lebih diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen perlu ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi tanpa menjelaskan kedudukan kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati KKYSB belum pernah membayar dividen sejak ditubuhkan kerana masih merekodkan kerugian terkumpul bagi tahun 2013 sehingga kini.

6.5.3.6. Bangunan

Bangunan yang digunakan oleh pihak KTYS untuk menjalankan aktivitinya adalah milik Yayasan Sabah dan milik perseorangan. Bangunan milik Yayasan Sabah terletak di Kampus Sembulan dan Kampus Likas manakala bangunan di Kepayan merupakan sewaan daripada perseorangan.

a. Bangunan Milik Yayasan Sabah

Pada mulanya, pihak Yayasan Sabah telah mengenakan sewa terhadap KTYS untuk penggunaan bangunan di Kampus Sembulan dan Kampus Likas sejak tahun 2001 dengan kadar RM3.42 juta setahun dan mulai tahun 2006, kadar sewa dikurangkan kepada RM1.66 juta setahun. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pihak KTYS tidak berkeupayaan membayar sewa tersebut. Melalui mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Sabah bertarikh 5 Disember 2015, jumlah tunggakan sewa KTYS yang berjumlah RM21.47 juta telah diluluskan untuk ditukar kepada Dana Pemegang Saham dan bangunan milik Yayasan Sabah tersebut telah diletakkan di bawah KTYS melalui *Deed of Assignment/Novation* berkuat kuasa mulai bulan Oktober 2015.

b. Penyewaan Bangunan Pusat Komersil 88, Kepayan

- i. Pihak syarikat menyewa tujuh lot di Bangunan Pusat Komersil 88, Kepayan bagi menempatkan program Hospitaliti seperti jadual berikut:

JADUAL 6.20
PENYEWAAN BANGUNAN PUSAT KOMERSIL 88, KEPAYAN

BIL.	BUTIRAN PEMILIK	LOKASI	TEMPOH SEWA	KADAR SEWA (RM)
1.	Kesumaju Estate Sdn. Bhd. (4 Lot)	Lot No. 3, 3a, 5 & 6, 2nd Floor, Block H	01.06.2015 – 1.05.2017	24,380
2.	Desa Segaliud Sdn. Bhd. (1 Lot)	Lot No. 7, 2nd Floor, Block H	01.06.2015 – 1.05.2017	6,095
3.	MJL Assets Sdn. Bhd. (1 Lot)	Lot No. 9, 1st. Floor, Block H	01.08.2014 – 1.07.2016	2,200
4.	James Lo Thau Phin (1 Lot)	Lot No. 10, 1st Floor, Block H	01.08.2014 – 31.07.2016	2,750

Sumber: Jabatan Pentadbiran dan IT, KTYS

- ii. Semakan Audit mendapati perjanjian penyewaan baru dengan Kesumaju Estate Sdn. Bhd. dan Desa Segaliud Sdn. Bhd. tidak dikemukakan. Pegawai bertanggungjawab memaklumkan hanya surat persetujuan untuk melanjutkan tempoh sewaan mulai 1 Jun 2015 hingga 31 Mei 2017 yang berada dalam simpanan mereka. Manakala perjanjian penyewaan dengan MJL Assets Sdn. Bhd. dan James Lo Thau Phin yang telah tamat tempoh pada 31 Julai 2016 belum diperbaharui. Semakan lanjut mendapati pihak syarikat masih mempunyai tunggakan sewa mulai bulan Mei hingga bulan Oktober 2016 yang berjumlah RM212,550 seperti jadual berikut:

JADUAL 6.21
TUNGGAKAN SEWA BANGUNAN PUSAT KOMERSIL 88, KEPAYAN SETAKAT 31 OKTOBER 2016

BIL.	BUTIRAN PEMILIK	AMAUN TUNGGAKAN SEWA (RM)
1.	Kesumaju Estate Sdn. Bhd. (4 Lot)	146,280
2.	Desa Segaliud Sdn. Bhd. (1 Lot)	36,570
3.	MJL Assets Sdn. Bhd. (1 Lot)	13,200
4.	James Lo Thau Phin (1 Lot)	16,500
JUMLAH		212,550

Sumber: Jabatan Kewangan dan Akaun, KTYS

Maklum Balas KKYSB yang Diterima Pada 2 Februari 2017

Mulai tahun 2017, semua perjanjian akan diperbaharui selama dua tahun. Perjanjian penyewaan dengan MJL Assets Sdn. Bhd. masih dalam perbincangan penetapan kadar sewa baru. Manakala tunggakan sewa akan dilangsinkan mengikut aliran kewangan.

6.5.3.7. Pembangunan *Integrated Campus Management System*

- a. Ahli Lembaga Pengarah melalui mesyuaratnya bertarikh 16 Januari 2015 telah meluluskan perolehan *Integrated Campus Management System* (ICMS) daripada Sri Komputer Sdn Bhd. yang menawarkan harga terendah

berjumlah RM305,198. Surat tawaran telah dikemukakan kepada kontraktor bertarikh 20 Januari 2015 dengan tempoh siap antara empat hingga enam bulan. Semakan Audit mendapati tidak ada sebarang perjanjian kontrak disediakan bagi pembangunan ICMS tersebut.

- b. ICMS mengandungi dua sistem iaitu *Cobra System* yang mengandungi Modul Pendaftaran Atas Talian, Modul Hal Ehwal Pelajar, Modul Akademik dan Modul Pengurusan serta *J-Class System* yang mengandungi Modul Kewangan dan Perakaunan, Modul Pengurusan Sumber Manusia, Modul Pembayaran Gaji dan Modul Pentadbiran dan Pembelian. Sehingga ke tarikh pengauditan, pembangunan sistem tersebut belum selesai. Semakan lanjut mendapati pihak KKYSB telah membayar sejumlah RM154,494 yang merupakan 50% daripada jumlah perolehan. Temu bual dengan pegawai bertanggungjawab memaklumkan tempoh siap sepatutnya adalah pada 30 April 2016. Bagaimanapun, pihak kontraktor telah memohon lanjutan masa sebanyak tiga kali iaitu sehingga 31 Julai, 30 September dan terakhir kali sehingga 31 Disember 2016. Memandangkan tidak ada perjanjian ditandatangani, maka penalti terhadap kelewatan tempoh siap kepada pihak kontraktor tidak dapat dikenakan. Pegawai bertanggungjawab turut memaklumkan pihak KKYSB telah mengemukakan surat kepada Yayasan Sabah untuk mendapatkan khidmat nasihat guaman terhadap masalah ini.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat KKYSB adalah kurang memuaskan.

6.6. SYOR AUDIT

KKYS Sdn. Bhd. (KKYSB) disyorkan untuk mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

- 6.6.1. meningkatkan usaha promosi yang diselaraskan dengan program penajaan pelajar untuk meningkatkan bilangan pelajar di Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTYS);
- 6.6.2. merangka polisi pembayaran yang lebih mesra pelajar tetapi berkesan untuk menarik pelajar dan pada masa yang sama mengelakkan tunggakan yuran; dan
- 6.6.3. memperbaiki prestasi pengurusan kewangan selari dengan amalan terbaik dan peraturan yang telah ditetapkan.

Bahagian II

PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

7. PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

7.1. PENDAHULUAN

7.1.1. Seksyen 15(A) Akta Tatacara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

7.1.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Ketua Audit Negara perlu menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

7.2. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI

Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri Sabah secara berterusan mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan terhadap pengurusan kewangan. Di antara tindakan yang diambil adalah menambah baik aplikasi perakaunan Kerajaan Negeri Sabah yang membabitkan pembangunan aplikasi dalam talian untuk pengurusan rekod kontrak, deposit dan akaun amanah. Aplikasi ini masih dalam proses pembangunan dalam tahun 2016 dan dijangka beroperasi sepenuhnya dalam tahun 2017 untuk menghasilkan rekod kontrak, deposit dan akaun amanah yang teratur dan tepat.

7.3. PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

7.3.1. Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti di Jabatan/Agensi Negeri. Bagi Jabatan, elemen pengurusan kewangan yang dinilai ialah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Agensi pula,

elemen yang dinilai adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor, Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan.

7.3.2. Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti sejak tahun 2007 dengan memberi penarafan empat bintang kepada Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang cemerlang. Bermula tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah memberi penarafan lima bintang kepada Jabatan/Agensi Negeri yang cemerlang seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.1
TAHAP PENARAFAN PENGURUSAN KEWANGAN INDEKS AKAUNTABILITI TAHUN 2016**

MARKAH KESELURUHAN (%)	TAHAP	PENARAFAN
90 – 100	Cemerlang	★★★★★
80 – 89.9	Baik	★★★★★
70 – 79.9	Memuaskan	★★★
60 – 69.9	Kurang Memuaskan	★★
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	★

Sumber: Pekeliling Ketua Audit Negara Bil.1 Tahun 2016

7.4. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Secara umumnya, objektif pengauditan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan Indeks Akauntabiliti bertujuan untuk menilai:

- 7.4.1. struktur dan sistem kawalan dalaman terhadap semua elemen pengurusan kewangan adalah berkesan;
- 7.4.2. pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- 7.4.3. rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

7.5. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan wajib dilaksanakan terhadap dua Jabatan Negeri iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Majlis Ugama Islam Sabah. Pada tahun 2016, pengauditan telah dijalankan terhadap 31 Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan pusingan. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak dokumen kewangan dan rekod berkaitan bagi tahun 2016 di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Di samping itu, analisis dibuat terhadap Penyata

Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2015 bagi menentukan kedudukan prestasi kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh. Temu bual dengan pegawai yang terlibat dan semakan fizikal terhadap aset juga telah dijalankan untuk perakuan pengesahan maklumat yang diperoleh daripada semakan Audit. Jabatan/agensi Negeri yang diaudit adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.2
JABATAN/AGENSI NEGERI YANG DIAUDIT**

BIL.	JABATAN/AGENSI
JABATAN	
1.	Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna
2.	Kementerian Belia dan Sukan
3.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur
4.	Kementerian Kerajaan Tempatan Perumahan
5.	Kementerian Pembangunan Perindustrian
6.	Jabatan Pertanian Sabah
7.	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Sabah
8.	Jabatan Keretapi Negeri Sabah
9.	Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah
10.	Jabatan Perhutanan Negeri Sabah
11.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
12.	Pejabat Daerah Tuaran
13.	Pejabat Daerah Sipitang
14.	Pejabat Daerah Papar
15.	Pejabat Daerah Lahad Datu
16.	Pejabat Daerah Semporna
17.	Pejabat Daerah Tongod
18.	Pejabat Daerah Nabawan
PIHAK BERKUASA TEMPATAN	
19.	Majlis Daerah Lahad Datu
20.	Majlis Daerah Kuala Penyu
21.	Majlis Daerah Kota Belud
22.	Majlis Daerah Tenom
23.	Majlis Daerah Nabawan
24.	Majlis Daerah Beluran
25.	Majlis Daerah Papar
26.	Majlis Daerah Pitas
BADAN BERKANUN NEGERI	
27.	Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah
28.	Majlis Ugama Islam Sabah
29.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah
30.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah
31.	Yayasan Sabah

Sumber: Jabatan Audit Negara

7.6. ELEMEN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 18 Jabatan Negeri dan 13 Agensi Negeri adalah berdasarkan pencapaian pengurusan kewangan mengikut elemen seperti berikut:

7.6.1. Kawalan Pengurusan

Semakan Audit telah dijalankan terhadap empat kriteria utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

7.6.1.1. Struktur Organisasi

Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991;
- b. surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemas kini. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas mengikut Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP69 dan AP101; dan
- c. perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007.

7.6.1.2. Sistem dan Prosedur

Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. proses kerja berkaitan pengurusan kewangan disediakan dan sentiasa dikemas kini dalam Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991;
- b. senarai tugas disediakan dan sentiasa dikemas kini mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991;
- c. pemeriksaan dalaman mengikut AP 308 dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakil yang dilantik dari semasa ke semasa terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan atau perakaunan (termasuk perakaunan Aset Awam) bagi memastikan prosedur yang betul sentiasa diikuti. Perihal mengenai kewajipan yang diperiksa dan hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut; dan

d. pemeriksaan mengejut mengikut AP 309, Perkara 337 hingga 339 Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Bagi Majlis Agama Islam dan Perkara 66 Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan dijalankan oleh Ketua Jabatan sahaja secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh enam bulan bagi Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Negeri dan empat kali setahun bagi Pihak Berkuasa Tempatan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

7.6.1.3. Jawatankuasa Kewangan dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui pekeliling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun

1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PS 5.1 menetapkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) hendaklah ditubuhkan di setiap Jabatan/ Agensi Kerajaan/Pusat Tanggungjawab untuk memantapkan pengurusan kewangan dan akaun. JPKA hendaklah mengadakan mesyuarat setiap tiga bulan sekali, membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan JPKA kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Jawatankuasa Audit

Penubuhan Jawatankuasa Audit adalah selaras dengan ketetapan dalam 1PP PS3.2. Pekeliling tersebut antara lainnya menetapkan penubuhan dan keahlian Jawatankuasa; pelaksanaan mesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun; membincangkan Rancangan Tahunan Unit Audit Dalam; membentangkan Laporan Unit Audit Dalam atau Laporan Jabatan Audit Negara dan mengemukakan sesalinan minit mesyuaratnya kepada Pejabat Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

c. Unit Audit Dalam

1PP PS3.1 menghendaki Setiausaha Kerajaan Negeri menubuhkan Unit Audit Dalam (UAD) di bawah organisasi/pentadbirannya bagi membantu memantapkan pengurusan kewangan dan mencapai matlamat organisasi secara berhemat, cekap dan berkesan. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Januari tahun semasa dan Laporan Tahunan Audit Dalam selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Sementara itu, tanggungjawab Ketua Eksekutif adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

d. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/ Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga perlu merancang dan melaksanakan pusingan tugas mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surc妖 terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

7.6.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap enam kriteria utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah peruntukan, pemantauan, pelaporan dan analisis bajet seperti berikut:

7.6.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Kementerian/ Jabatan/ Agensi Negeri dikeluarkan melalui Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 2 Tahun 2015 (Cadangan dan Pemeriksaan Anggaran Perbekalan Negeri Sabah, 2016-2017), Pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 1 Tahun 2015 mengenai

Pemeriksaan Anggaran Perbekalan Negeri Sabah Tahun 2016 dan Pekeliling Anggaran Pembangunan Negeri Sabah Tahun 2016. Bagi Agensi Negeri pula, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet adalah berdasarkan Enakmen dan Arahan Kewangan masing-masing. Selain itu, AP 29 hingga AP 46 menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lain, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran, prosedur kelulusan bajet di peringkat Kementerian/ Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

7.6.2.2. Pengagihan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pengagihan peruntukan antara lain menetapkan Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pemegang waran peruntukan boleh yang mana perlu, menyerahkan sebahagian daripada peruntukan di bawah kawalannya kepada pegawai lain dengan mengeluarkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai tersebut. Pengagihan peruntukan ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

7.6.2.3. Kelulusan Pindah Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahan yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat daripada 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan tambahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

7.6.2.4. Pemantauan Kemajuan/Prestasi Bajet

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II atau kaedah lain

yang diterima pakai, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa lima tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan bagi perbelanjaan mengurus, Jabatan/Agensi hendaklah mengemukakan laporan berkala kepada pihak berkuasa berkenaan.

7.6.2.5. Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi. Laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri/Bendahari Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri/Bendahari Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

7.6.2.6. Analisis Bajet

Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan setiap perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang dilakukan mempunyai peruntukan dan perbelanjaan tersebut tidak melebihi peruntukan yang diluluskan. Pegawai Pengawal dikehendaki membuat perancangan dengan teliti agar tidak berlaku kekerapan pindah peruntukan. Sebarang peruntukan tambahan/khas/luar jangka/pindah peruntukan yang diluluskan untuk menampung peruntukan yang tidak mencukupi hendaklah dibelanjakan. AP18(i), 1PP PB2.5 dan 1PP PB2.6 adalah berkaitan.

7.6.3 Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap lima kriteria utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

7.6.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

7.6.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan.

Semakan Audit telah dijalankan terhadap beberapa aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan wang di kaunter, penerimaan melalui mel dan perbankan internet serta pengeluaran resit dan perekodannya dalam Buku Tunai.

7.6.3.3. Kemasukan Pungutan ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

7.6.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

7.6.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara penyelenggaraan dan pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh kerajaan melalui 1PP WP10.6, AP 89A dan Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bil. 5 Tahun 2014. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan Akaun Belum Terima adalah penyediaan Laporan Tunggakan Hasil atau Laporan Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Laporan Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

7.6.4. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi memastikan perolehan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus yang baik dengan mematuhi prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, memberi nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama, semakan Audit telah dijalankan terhadap dua kriteria utama kawalan perolehan iaitu perancangan perolehan dan kaedah perolehan meliputi pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender dan kontrak.

7.6.4.1. Perancangan Perolehan

1PP PK 2 menetapkan Kementerian/Jabatan/Agensi perlu membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah melaksanakan sesuatu perolehan. Perancangan perolehan tahunan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

7.6.4.2. Kaedah Perolehan

1PP PK 2 menetapkan kaedah perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 hendaklah dilaksanakan secara Pembelian Terus dengan mendapatkan tiga tawaran harga daripada pembekal tempatan, perolehan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun secara sebut harga dengan mempelawa kepada sekurang-kurangnya tiga pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, melebihi RM50,000 hingga RM500,000 secara sebut harga dengan mempelawa kepada sekurang-kurangnya lima pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan melebihi RM500,000 secara tender. Antara peraturan perolehan yang ditetapkan adalah proses penilaian, pertimbangan dan keputusan pemilihan sebut harga/tender oleh Jawatankuasa Sebut Harga/Lembaga Perolehan yang dilantik oleh Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal, pelaksanaan *Integrity Pact*, kontrak dibuat atas nama kerajaan dan ditandatangani dalam tempoh empat bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan.

7.6.5. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap dua kriteria utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

7.6.5.1. Perakaunan

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan atau peraturan kewangan bagi Agensi Negeri.

7.6.5.2. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit dijalankan terhadap bayaran mengikut had kuasa berbelanja yang diluluskan, kawalan dalaman proses bayaran, bayaran yang memerlukan kelulusan

khas, penyelenggaraan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

7.6.6. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut Pekeliling dan Arahan Amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

7.6.6.1. Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah

Tatacara pengurusan Akaun Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 ditetapkan melalui 1PP WP 10.4. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian kumpulan wang amanah/akaun amanah di Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Terimaan dan Bayaran tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian.

7.6.6.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri atau pekeliling perbendaharaan berkaitan seperti berikut:

- a. Pinjaman Kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 9.2 dan 1PP WP 9.3 serta Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bil. 4 Tahun 1997;
- b. Pinjaman Komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 9.1;
- c. Pendahuluan Diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 3.2 dan Peraturan-peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah Tahun 2008, Perenggan 92 (4);
- d. Pendahuluan Pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 3.3; dan
- e. Pendahuluan Diri juga tertakluk kepada kelulusan Pegawai Kewangan Negeri seperti mana ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 54, 55 dan 59 serta Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.2/2014 mengenai Penguatkuasaan Penyelesaian Kumpulan Wang Amanah Pendahuluan Diri.

7.6.6.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan Pengurusan Akaun Deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga AP 163. Bagi Agensi Negeri yang mempunyai peraturan kewangan dan perakaunan sendiri, Pengurusan Akaun Deposit perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

7.6.7. Pengurusan Aset dan Stor

Perolehan aset dan barang stor perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan itu, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan dan Kementerian Kewangan Negeri Sabah yang berkenaan serta peraturan Agensi Negeri berhubung dengan perkara seperti berikut:

7.6.7.1. Kawalan Umum

Mengikut 1 PP AM 1.1 dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Kerajaan Negeri Bil. 9/2010, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Aset, Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa Pelupusan, Jawatankuasa Penyiasat dan Pemverifikasi Stor. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK), menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan aset dan stor. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap Pusat Tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha JKPAK.

7.6.7.2. Penerimaan

Mengikut 1PP AM 2.2 dan 1PP AM 6.2, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset/barang stor yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/barang stor yang diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Aset hendaklah diterima berserta surat jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan. Bagi penerimaan barang stor, Borang Terimaan Barang-barang perlu disediakan oleh Pegawai Penerima. Sebarang kerosakan atau perselisihan kuantiti dan spesifikasi hendaklah dilaporkan dalam Borang Laporan Penerimaan Aset/Borang Laporan Terimaan Barang-barang dan dihantar dengan serta merta kepada ejen penghantaran atau syarikat pembekal.

7.6.7.3. Pendaftaran

1PP AM 2.3 dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Kerajaan Negeri Bil. 9 Tahun 2010 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh dua minggu daripada tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan Malaysia dan nombor siri pendaftaran.

7.6.7.4. Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset dan stok diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan seperti berikut dipatuhi:

- a. Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Kerajaan Negeri Bil. Bil. 9 Tahun 2010 menetapkan aset hendaklah diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja. Pengeluaran/penggunaan aset hendaklah direkodkan dengan teratur dan kerosakan dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan;
- b. aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai. Aset dan barang stor yang menarik atau berharga hendaklah sentiasa di bawah kawalan yang maksimum. Stor hendaklah mengamalkan cara penyimpanan yang menjadikan stok tidak mudah rosak, senang dikeluarkan dan mempunyai ruang penggunaan yang optimum; dan
- c. Pengerusi JKPAK hendaklah melantik sekurang-kurangnya dua orang Pegawai Pemeriksa dan dua orang Pemverifikasi Stor. Tempoh lantikan tidak melebihi dua tahun. Pemeriksaan aset dan verifikasi stor terhadap semua aset dan stok hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Aset Alih Bernilai Rendah serta Laporan Pemeriksaan/Verifikasi Stor hendaklah disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri yang mana berkenaan mengikut 1PP AM 2.4 dan 1PP AM 6.6.

7.6.7.5. Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan Senarai Aset Yang Memerlukan Penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan, penyenggaraan dilaksanakan seperti dirancang serta direkodkan dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai, penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi mengikut 1PP AM 2.5 dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Kerajaan Negeri Bil. 9 Tahun 2010.

7.6.7.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.6, Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Kerajaan Negeri Bil. 9/2010 dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 3 tahun 2013, setiap Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa Pelupusan (LPP) dilantik oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah. LPP perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan melaksanakan pemeriksaan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani dengan mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai;
- b. Perakuan Pelupusan hendaklah dikeluarkan bagi aset mekanikal, teknikal, elektrik/elektronik dan ICT oleh pegawai yang mempunyai kelayakan dalam bidang tersebut; dan
- c. kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan pelupusan dilaksanakan dalam tempoh enam bulan daripada tarikh kelulusan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada Kuasa Melulus. Rekod aset yang telah dilupuskan perlu dikemaskinikan.

7.6.7.7. Kehilangan dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.7 dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Kerajaan Negeri Sabah Bil. 8/2010, setiap Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari masa kehilangan diketahui. Ketua Pejabat menyedia dan menghantar Laporan Awal Kehilangan Aset kepada Kementerian Kewangan Negeri dengan segera atau dalam tempoh lima hari bekerja. Salinan Laporan Awal hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan wakil tempatan Ketua Audit Negara; dan
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh dua minggu dari tarikh Laporan Awal ditandatangani. Jawatankuasa Penyiasat bertanggungjawab menyediakan Laporan Akhir dalam tempoh dua bulan dari tarikh pelantikan. Laporan Akhir yang mengandungi permohonan hapus kira kehilangan hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Negeri Sabah dalam tempoh empat bulan daripada tarikh Laporan Awal dihantar.

7.6.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

Bagi memastikan kenderaan kerajaan diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP WP 4.1, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- 7.6.8.1 penggunaan kenderaan Jabatan/Agenzi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Kenderaan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan untuk tujuan rasmi sahaja, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta membuat analisis kadar penggunaan bahan api bulanan;
- 7.6.8.2. kawalan terhadap penggunaan kenderaan digariskan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 1 dan 2 Tahun 2013, Para 9.3.2 dan 7.4.2 yang menetapkan rekod Buku Log (PVR dan PVR3) perlu sentiasa dikemas kini bagi semua kenderaan. Buku Log PVR1 perlu disediakan untuk semua kenderaan bagi merekodkan maklumat berkaitan penyenggaraan, butiran perjalanan dan rekod pengambilan minyak. Manakala Buku Log PVR3 adalah berkaitan kebenaran melaksanakan sesuatu perjalanan dan perlu disediakan untuk kenderaan guna sama sahaja;
- 7.6.8.3. penggunaan kenderaan pegawai gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang diluluskan;
- 7.6.8.4. Kerajaan Negeri Sabah menggunakan *Petrol, Oil And Lubricant (P.O.L Requisition)* untuk pembelian bahan api daripada Jabatan Kerja Raya. Oleh itu, Daftar P.O.L *Requisition* perlu disediakan untuk merekod pergerakannya dan sebagai kawalan terhadap pengambilan minyak; dan
- 7.6.8.5. kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual. Butir penyenggaraan dan pembaikan yang dilaksanakan direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal.

7.6.9. Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman

- 7.6.9.1. Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agenzi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

- 7.6.9.2. Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kehidupan penduduk. Pinjaman hendaklah digunakan mengikut maksud

pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan serta mekanisme kawalan dan pemantauan pinjaman.

7.6.10. Pengurusan Penyata Kewangan


- a. Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 14 Tahun 2009 menetapkan penyerahan penyata kewangan bagi Agensi Negeri adalah pada atau sebelum 30 Jun tahun berikutnya. Arahan Pentadbiran Bil.1 Tahun 2015 mengenai pindaan tarikh penyerahan penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri kepada Ketua Audit Negara menetapkan penyerahan penyata kewangan Badan Berkanun Negeri adalah pada 30 April tahun berikutnya mulai tahun 2015 sebagai tempoh peralihan sehingga tahun 2016 dan hendaklah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 2016 sebelum 30 April 2017.
- b. Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1961 pindaan tahun 2007, Perkara 272(a) pula menetapkan penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ini bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai pencapaian Agensi Negeri dengan lebih jelas, lengkap dan relevan.

7.7. PENEMUAN AUDIT

7.7.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah pada tahun 2016 adalah baik. Sebanyak 22 daripada 31 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit mendapat tahap penarafan **Cemerlang**, enam Kementerian/Jabatan/Agensi berada pada tahap **Baik** dan tiga Jabatan/Agensi diberi penarafan **Memuaskan**. Pada tahun 2016, bilangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah yang mendapat penarafan lima bintang menurun berbanding pencapaian tahun 2014 dan 2015. Tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti mengikut Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2016 adalah seperti carta berikut:

CARTA 7.1
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN
INDEKS AKAUNTABILITI JABATAN/AGENSI NEGERI PADA TAHUN 2016




Sumber: Jabatan Audit Negara

7.7.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

7.7.2.1. Jabatan Negeri

- Semakan Audit di 18 Kementerian/Jabatan Negeri mendapati secara umumnya Kawalan Bajet dan Kawalan Perbelanjaan berada pada tahap **Cemerlang**. Kawalan Pengurusan, Kawalan Perolehan dan Kawalan Terimaan pula berada pada tahap **Baik**. Penekanan lebih serius perlu diberi kepada dua kawalan iaitu Pengurusan Aset dan Stor yang berada pada tahap **Kurang Memuaskan** serta Pengurusan Kenderaan dan Pengurusan Akaun Amanah dan Deposit pada

tahap yang **Tidak Memuaskan**. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi Kementerian/ Jabatan adalah seperti carta berikut:



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Enam Kementerian/Jabatan Tidak Terlibat Dengan Kawalan Terimaan.

- b. Kelemahan-kelemahan yang ditemui bagi Jabatan Negeri yang mendapat penarafan **Tidak Memuaskan** dalam Pengurusan Akaun Amanah dan Deposit serta Pengurusan Kenderaan adalah seperti berikut:

i. **Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit**

- Daftar Pinjaman Komputer tidak diselenggara.
- Kelulusan pinjaman komputer tidak direkod dalam Buku Perkhidmatan.
- Daftar Pendahuluan Diri tidak lengkap dan kemas kini.
- Pelarasan terhadap pendahuluan diri tidak dibuat walaupun telah mendapat kelulusan.
- Pendahuluan diri tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan.
- Senarai Baki Deposit tidak dikemukakan kepada Jabatan Bendahari dan wakil Ketua Audit Negara.
- Penyata Penyesuaian Deposit tidak disediakan.


ii. Pengurusan Kenderaan

- Nama dan logo Jabatan tidak dipamer pada kenderaan.
- Kenderaan digunakan tanpa kebenaran Pegawai Kenderaan.
- Buku Log Kenderaan tidak diselenggara dengan kemas kini.
- Program untuk penyenggaraan kenderaan tidak disediakan.
- Kenderaan Kerajaan tidak disenggara secara berjadual mengikut Manual Pengguna.
- Penyenggaraan kenderaan tidak direkod dalam Buku Log.
- Resit *P.O.L Requisition* dan penyata pengambilan minyak yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya tidak disemak setiap bulan oleh pegawai bertanggungjawab untuk mengesahkan pengambilan minyak.
- Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14) tidak dikemas kini bagi kenderaan yang diselenggara.

7.7.2.2. Agensi Negeri

Analisis terhadap tahap pencapaian pengurusan kewangan mendapati enam Agensi memperoleh tahap **Cemerlang**, tiga Agensi memperoleh tahap **Baik**, tiga Agensi pada tahap **Kurang Memuaskan** manakala satu pada tahap **Tidak Memuaskan** dalam Kawalan Pengurusan. Bagi Kawalan Bajet pula, sepuluh Agensi memperoleh tahap **Cemerlang**, dua Agensi memperoleh tahap **Baik** dan satu pada tahap **Kurang Memuaskan**. Bagi Kawalan Perbelanjaan pula, sembilan agensi memperoleh tahap **Cemerlang** manakala masing-masing dua Agensi pada tahap **Baik** dan **Memuaskan**. Sebanyak 11 Agensi pula mendapat **Cemerlang** dan dua pada tahap **Baik** dalam Kawalan Terimaan. Bagi Pengurusan Akaun Amanah dan Deposit, sebanyak tujuh Agensi mendapat tahap **Cemerlang**, tiga Agensi pada tahap **Baik** dan masing-masing satu Agensi memperoleh tahap **Memuaskan** serta **Tidak Memuaskan**. Sebanyak enam Agensi memperoleh tahap **Cemerlang** dan empat tahap **Baik**, satu pada tahap **Memuaskan** dan dua pada tahap **Kurang Memuaskan** bagi Pengurusan Aset dan Stor. Sebanyak 12 Agensi mencapai tahap **Cemerlang** dalam Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman manakala dalam aspek Pengurusan Penyata Kewangan pula sepuluh Agensi berada pada tahap **Cemerlang**, satu Agensi pada tahap **Memuaskan** dan dua Agensi **Tidak Memuaskan**. Maklumat lanjut seperti carta berikut:

CARTA 7.3
TAHAP PEMATUHAN PENGURUSAN KEWANGAN
MENGIKUT KAWALAN BAGI AGENSI NEGERI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Satu Agensi tidak terlibat dengan Kawalan Amanah dan Deposit. Manakala satu Agensi tidak terlibat dengan Pengurusan Pinjaman dan Pelaburan

7.7.2.3. Kelemahan–kelemahan yang ditemui bagi Agensi Negeri yang mendapat penarafan tidak memuaskan antaranya adalah seperti berikut:

i. **Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit**

- Bayaran balik pendahuluan diri tidak dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.
- Pendahuluan diri diberi kepada pegawai yang belum menjelaskan pendahuluan terdahulu yang diambil.
- Daftar Deposit tidak diselenggara.

ii. **Pengurusan Penyata Kewangan**

- Penyata Kewangan tidak dikemukakan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- Penyata Kewangan diberi Sijil Berteguran.

7.7.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

7.7.3.1. Analisis terhadap Jabatan/Agensi Negeri yang telah diaudit pada setiap tahun bagi tempoh 2011 hingga 2016 menunjukkan tahap prestasi pengurusan kewangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah sangat baik bagi tempoh lima tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2011 hingga 2015 dan mencapai tahap

cemerlang pada tahun 2016. Sementara prestasi pengurusan kewangan Majlis Ugama Islam Sabah secara keseluruhannya adalah memuaskan dan hanya mendapat penarafan baik pada tahun 2011, 2014 dan 2015. Prestasi pengurusan kewangan di Majlis Ugama Islam Sabah pada tahun 2016 didapati menurun daripada baik kepada memuaskan.

7.7.3.2. Analisis Audit mendapati prestasi pengurusan kewangan bagi 22 Jabatan/Agensi Negeri Sabah berada pada tahap cemerlang dan diberi penarafan lima bintang. Markah keseluruhan bagi semua Jabatan/Agensi ini didapati telah meningkat berbanding markah yang diperolehi pada tempoh pengauditan tahun sebelum. Bagaimanapun, bilangan Jabatan/Agensi Negeri Sabah yang diberi penarafan lima bintang menurun berbanding dengan tahun sebelumnya.

7.7.3.3. Prestasi pengurusan kewangan empat Kementerian/Jabatan/Agensi iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah, Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Daerah Tenom dan Majlis Daerah Kota Belud melonjak daripada tahap memuaskan pada tahun 2013 kepada penarafan lima bintang pada tahun 2016.

7.7.3.4. Sebanyak 16 Kementerian/Jabatan/Agensi bukan sahaja kekal pada penarafan lima bintang pada tahun 2015 tetapi turut menunjukkan sedikit peningkatan dalam markah yang diperolehi. Sementara Pejabat Daerah Tuaran menunjukkan peningkatan dalam prestasi pengurusan kewangan apabila berjaya diberi penarafan lima bintang pada tahun 2016 berbanding tahap baik pada tahun 2013.


7.7.3.5. Prestasi pengurusan kewangan bagi dua Kementerian/Jabatan/Agensi iaitu Pejabat Daerah Nabawan dan Pejabat Daerah Sipitang turut menunjukkan peningkatan kepada baik pada tahun 2016 berbanding tahap memuaskan pada tahun 2013.

7.7.3.6. Majlis Ugama Islam Sabah dan Majlis Daerah Pitas pula menunjukkan prestasi terendah pada tahun 2016 dengan memperolehi tiga bintang berbanding prestasi baik yang ditunjukkan pada tahun 2015.

7.7.3.7. Antara sebab Kementerian/Jabatan/Agensi tidak memperoleh tahap prestasi cemerlang kerana Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit, Pengurusan Kenderaan serta Pengurusan Penyata Kewangan masih mempunyai banyak kelemahan. Kementerian/Jabatan/Agensi dilihat masih tidak dapat mematuhi sepenuhnya peraturan yang ditetapkan dalam AP 54, AP 55 dan AP 59 serta Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.2/2014 mengenai Penguinkuasaan Penyelesaian Kumpulan Wang Amanah Pendahuluan Diri, Tatacara dan Pengurusan Akaun Deposit ditetapkan mengikut AP 156 hingga 163 dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 9/2010 berhubung Pengurusan Aset Kerajaan. Selain itu masih terdapat agensi yang tidak mengemukakan Penyata Kewangan mengikut Arahan Pentadbiran Bil 1 Tahun 2015 berkaitan tarikh

penyerahan Penyata Kewangan dan diberi Sijil Berteguran. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/ Agensi bagi tahun 2016 berbanding tahun sebelumnya adalah seperti carta berikut:

CARTA 7.4
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN
INDEKS AKAUNTABILITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI
PADA TAHUN 2016 BERBANDING PENGAUDITAN TAHUN SEBELUMNYA



Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

7.8. PENG AUDITAN MENGEJUT

7.8.1. Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggara dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Pada tahun 2016, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pemeriksaan Mengejut di 32 Jabatan/Pejabat/Agenesi Negeri.

7.8.2. Hasil daripada Pengauditan Mengejut yang dijalankan, dapat 12 Jabatan/ Agenesi Negeri telah mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan yang disemak. Bagaimanapun 20 Jabatan/Agenesi Negeri yang dilawati tidak mematuhi peratauran kewangan. Ketua Jabatan/Pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dibangkitkan dan mereka telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan sewajarnya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.3
PEMERIKSAAN MENGEJUT TAHUN 2016**

BIL.	JABATAN/AGENSI NEGERI	ISU AUDIT
1.	Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Kota Kinabalu	<ul style="list-style-type: none"> AP 61 - Tiada dipamerkan Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar. AP 69 - Tiada surat perwakilan kuasa secara bertulis. AP126(a) - Tiada peti besi/bilik kebal untuk menyimpan wang kutipan dan barang rasmi yang berharga dengan selamat. Permohonan Peti Besi Digital belum dibekalkan Bendahari Negeri. Surat JPD/KBU.400-7(6) bertarikh 10.2.2014
2.	Stesen Keretapi Putatan	<ul style="list-style-type: none"> Tiada isu.
3.	Stesen Keretapi Sembulan	<ul style="list-style-type: none"> Kata laluan bagi pegawai yang telah bertukar belum dibatalkan. AP 126(a) - Tiada peti besi/bilik kebal untuk menyimpan wang kutipan dan barang rasmi yang berharga dengan selamat. Wang kutipan hanya disimpan dalam 'cash drawer' yang berkunci dan kunci 'cash drawer' dipegang oleh Ketua Seksyen dan seorang Pegawai yang diberi kuasa.
4.	Pejabat Perhutanan Daerah Keningau	<ul style="list-style-type: none"> Tiada isu
5.	Jabatan Air Kaunter UTC	<ul style="list-style-type: none"> AP 80(d) - Semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut tetapi rekod dalam buku tunai tidak sama dengan penyata pemungut dan resit bendahari pada 12.02.2016. AP 125 - Peti besi/bilik kebal mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan yang dipegang oleh dua orang pegawai yang bertanggungjawab yang diberi kuasa bertulis oleh Ketua Jabatan tetapi kunci hanya dipegang oleh seorang pegawai sahaja.
6.	Jabatan Air Sipitang	<ul style="list-style-type: none"> Tiada isu.
7.	Jabatan Air Ranau	<ul style="list-style-type: none"> Tiada isu.
8.	Jabatan Kerja Raya Tambunan	<ul style="list-style-type: none"> Tiada isu.
9.	Jabatan Air Tenom	<ul style="list-style-type: none"> AP 309(a) - Tiada rekod menunjukkan pemeriksaan mengejut dijalankan mengikut tempoh enam bulan sekali. AP 309(b) - Tiada Daftar Pemeriksaan Mengejut diselenggara.
10.	Jabatan Air Papar	<ul style="list-style-type: none"> Komisen 2.5% tidak dikenakan kepada pihak syarikat kad kredit. Tiada daftar sebab tiada komisen dicaj.
11.	Jabatan Air Bahagian Beaufort	<ul style="list-style-type: none"> Tiada isu.

BIL.	JABATAN/AGENSI NEGERI	ISU AUDIT
12.	Pejabat Perhutanan Daerah Kota Marudu	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada daftar barang-barang rampasan diselenggara. • Barang rampasan (<i>exhibit</i>) tidak ditanda. • AP 127 - Peti besi tidak dicantumkan ke rangka bangunan. • AP 95(e) - Ruangan <i>Liability Incurred</i>, <i>Liability Cleared</i> dan <i>Total Payment Plus Outstanding Liabilities</i> pada Buku Vot tidak diisi dengan lengkap dan tidak disemak.
13.	Jabatan Air Daerah Tuaran	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada isu.
14.	Jabatan Air Kunak	<ul style="list-style-type: none"> • AP 72 - Kutipan direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera tetapi kutipan pada 22.3.2016 tidak direkodkan. Pemeriksaan Mengejut dijalankan pada 23.3.2016. • AP 78(a) - Jumlah kutipan tidak dibankkan segera . • AP 80(d) - Tiada semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut. • AP 66 - Tiada perakuan resit rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat. • Kad akses berada pada pegawai yang diberi kuasa tetapi pegawai yang diberi kuasa tidak mempunyai kata laluan. • AP 125 - Pegawai yang memegang anak kunci dan kod kombinasi peti besi/bilik kebal tidak diberi kuasa bertulis oleh Ketua Jabatan. • AP 127 - Peti Besi tidak dicantumkan ke rangka bangunan. • AP 309(a) - Tiada pemeriksaan mengejut dijalankan dan kali terakhir dibuat pada tahun 2014. • AP 309(b) - Tiada Daftar Pemeriksaan Mengejut.
15.	Jabatan Perikanan Kunak	<ul style="list-style-type: none"> • AP 309(a) - Tiada pemeriksaan mengejut dijalankan dan pemeriksaan mengejut terakhir dilakukan pada 21 November 2006 • AP 309(b) - Tiada Daftar Pemeriksaan Mengejut.
16.	Perpustakaan Wilayah Tawau	<ul style="list-style-type: none"> • AP 80(d) - Semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut tetapi secara mingguan. • AP 66 - Perakuan resit rasmi tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat. • Stok setem fizikal dengan daftar setem tetapi tidak dapat disahkan. • Rekod terimaan setem pos tidak ada. • AP 309(a) - Tiada pemeriksaan mengejut dijalankan. • AP 309(b) - Tiada Daftar Pemeriksaan Mengejut. • Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cop telah bayar. • AP 95(e) - Tiada semakan Buku Vot/Buku Vot Eletronik.
17.	Stesen Keretapi Kinarut	<ul style="list-style-type: none"> • Kad akses/katalaluan bagi pegawai bertukar/berhenti tidak dibatalkan dan digunakan oleh tiga pegawai. • AP 125 - Peti besi/bilik kebal mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan yang dipegang oleh dua orang pegawai yang bertanggungjawab yang diberi kuasa bertulis oleh ketua jabatan tetapi kod kombinasi tidak digunakan sebab rosak dan hanya guna kunci yang disimpan oleh ketua stesen.
18.	Pejabat Pemungut Hasil Tanah Penampang	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada isu.
19.	Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Tawau	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada isu.
20.	Pejabat Pemungut Hasil Tanah Beluran	<ul style="list-style-type: none"> • AP 126 - Kutipan tidak sempat dibankkan, tetapi tiada peti besi disediakan untuk menyimpan kutipan tersebut. • AP 309(a) - Pemeriksaan mengejut dijalankan pada 27.4.2016 oleh bukan Ketua Jabatan.
21.	Jabatan Air Daerah Kota Marudu	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada isu.
22.	Jabatan Air Daerah Pitas	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada isu.

BIL.	JABATAN/AGENSI NEGERI	ISU AUDIT
23.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Menumbok	<ul style="list-style-type: none"> AP 78(a) - Kutipan dibankkan pada setiap hujung bulan. AP 126 - Kutipan yang tidak sempat dibankkan, disimpan sendiri oleh pegawai. AP 69 - Pegawai Pemungut Hasil tiada surat kuasa secara bertulis. AP 126(a) - Tiada peti besi disediakan. AP 126(b) - Wang disimpan sendiri oleh pegawai. AP 309(a) - Tiada pemeriksaan mengejut dijalankan. AP 309(b) - Tiada Daftar Pemeriksaan Mengejut.
24.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Kota Belud	<ul style="list-style-type: none"> AP 309(a) - Tiada pemeriksaan mengejut dijalankan. AP 309(b) - Tiada Daftar Pemeriksaan Mengejut.
25.	Jabatan Air Bahagian Keningau	<ul style="list-style-type: none"> AP 309 (a) - Pemeriksaan mengejut dilakukan tidak mengikut jadual yang sepatutnya. Pemeriksaan mengejut terakhir pada 17.2.2015.
26.	Lembaga Industri Getah Sabah Kota Marudu	<ul style="list-style-type: none"> AP 309(a) - Tiada pemeriksaan mengejut dijalankan. AP 309(b) - Tiada Daftar Pemeriksaan Mengejut. Daftar Pemeriksaan Mengejut hanya diwujudkan di Ibu Pejabat. Kawalan keselamatan pejabat kurang memuaskan. Tiada surat daripada Ibu Pejabat yang menetapkan jumlah penggunaan wang bagi perbelanjaan pejabat dan pembelian minyak Diesel, perbelanjaan dilaksanakan tanpa had limit.
27.	Perpustakaan Cawangan Tenom	<ul style="list-style-type: none"> AP 66 - Perakuan resit rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat tetapi tandatangan dan cop sebagai bukti tidak diturunkan
28.	Pejabat Jabatan Perkhidmatan Haiwan & Ternak Tuaran	<ul style="list-style-type: none"> AP 80(d) - Tidak ada bukti semakan dibuat ke atas cetakan di slip bank/penyata pemungut. AP 126(a) - Tiada peti besi/bilik kebal digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga dengan selamat. AP 125 - Anak kunci dan kod kombinasi peti besi/bilik kebal hanya dipegang oleh seorang pegawai sahaja. AP 127 - Peti besi tidak dicantumkan ke rangka bangunan. AP 309(a) - Tiada pemeriksaan mengejut dijalankan. AP 309(b) - Tiada Daftar Pemeriksaan Mengejut.
29.	Pejabat Jabatan Pertanian Penampang	<ul style="list-style-type: none"> AP 125 - Peti besi rosak dan tidak digunakan.
30.	Jabatan Perikanan Daerah Kuala Penyu	<ul style="list-style-type: none"> AP 69 - Tiada perwakilan kuasa secara bertulis disediakan.
31.	Jabatan Kerja Raya Daerah Semporna	<ul style="list-style-type: none"> Tiada isu
32.	Pejabat Perikanan Daerah Sandakan	<ul style="list-style-type: none"> Daftar Setem tidak dikemaskini. Rekod terimaan dan pengeluaran tidak kemaskini dan tiada pengesahan Ketua Pejabat. AP 125 - Anak kunci dan kod kombinasi peti besi/bilik kebal hanya dipegang oleh seorang pegawai sahaja. AP 309(a) - Tiada pemeriksaan mengejut dijalankan. AP 309(b) - Tiada Daftar Pemeriksaan Mengejut.

Sumber: Jabatan Audit Negara

7.9. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2016 adalah baik. Bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini. Oleh itu,

adalah disyorkan supaya Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

- 7.9.1. bagi membolehkan isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit dapat dibincangkan dengan lebih fokus, tindakan *corrective* dan *preventive* hendaklah dilaksanakan secara proaktif melalui Jawatankuasa-jawatankuasa Kewangan sedia ada. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang;
- 7.9.2. memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) sahaja, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan di PTJ yang lain untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan. Oleh itu, Unit Audit Dalam perlu dimantapkan supaya dapat berfungsi dengan lebih berkesan;
- 7.9.3. pelaksanaan Pemeriksaan Mengejut di PTJ oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan sepetimana ditetapkan dalam AP 309 perlu diberi perhatian serius untuk memastikan keselamatan wang tunai/setem/barang-barang yang berharga serta rekod adalah teratur;
- 7.9.4. tindakan surcaj/tata tertib dikenakan terhadap pegawai dan penyelia yang tidak melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan; dan
- 7.9.5. latihan yang berterusan untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan kewangan.

Penutup

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur Kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjelaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya
19 Mei 2017



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2017
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62518 Putrajaya.
■ Tel : +603 8889 9000
■ Faks : +603 8888 9721